

DN.1.10.98

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

- MESYUARAT KHAS -

Jilid IV
1998

Bil. 25

Hari Khamis

1 Oktober

K A N D U N G A N

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat dan Penangguhan (Ruangan)**

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan)
- Urusan Mesyuarat (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1998 (Ruangan)

PARLIMEN KESEMBILAN

Penggal Keempat

Mesyuarat Ketiga

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M.,
B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charem Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Joseph Balau Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Yang Berhormat Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt.Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	---

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 1 Oktober 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

10.03 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, usul saya berbunyi demikian:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan pada 7 Disember 1998.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada 7 Disember 1998

dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada 7 Disember 1998.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Sebab masa kita bersidang telah pun berubah hingga 5.30 petang, adakah ini bermakna selepas 5.30 petang kita akan sambung sampai pukul 12.00 malam ini? Apa akan jadi jikalau tidak selesai pukul 12.00 malam, adakah kita sambung besok pula? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Pada hemat saya, Ahli Yang Berhormat, kita cuma ada dua Rang Undang-undang dan saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat hendak meringkaskan, jadi berucap pendek-pendek sahajalah. *[Ketawa]* Dengan sebab ada gesaan daripada Yang Berhormat Dato' Zuki Mohamad, jadi semua cepat hendak balik nampaknya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, bukan Zuki Mohamad, Mohd. Zuki bin Kamaluddin *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya selalu silap panggil Yang Berhormat Dato' Zuki ini, kadang-kadang saya panggil "Suzuki" pun ada *[Ketawa]*,

sebab muka dia macam Jepun boleh diterima, ya tidak? *[Ketawa]* Saya ingat kita boleh habislah, insya-Allah.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA
PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT
KEPADA DEWAN NEGARA

“30 September 1998

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998;
dan
2. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1998.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang

yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, perkataan “minta mempersetujui” itu saya tidak begitu setuju mendengarnya. Saya harap perkataan diubah kepada ‘harap dapat mempersetujui’. Jadi kalau “minta mempersetujui” maknanya kita ini mesti meluluskan, mesti setuju, jadi perkataan itu tidak sesuai kepada saya sendirilah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan 66 (2), cuba lihat.

Pada bila-bila masa jua setelah diterima suatu Perutusan daripada Dewan Rakyat mengatakan sesuatu Rang Undang-undang itu telah diluluskan oleh Dewan Rakyat, maka seseorang Ahli bolehlah memberitahu Setiausaha iaitu ia akan membawa Rang Undang-undang itu dan akan menetapkan hari hendak dibacakan kali yang kedua.

Selepas itu, Setiausaha hendaklah menuliskan di belakang Rang Undang-undang itu nama Ahli itu, dan memasukkan dalam buku “Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat” bahawa Rang Undang-undang itu telah dibacakan kali yang pertama dan diperintahkan dibaca kali yang kedua pada hari yang ditetapkan itu dan dicap.”

Apa kata “minta dipersetujui” sama perkataannya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Harap dapat dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Harap dipersetujui. Apa perbezaannya?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ada perbezaannya Tuan Yang di-Pertua, “minta mempersetujui” maknanya macam mana pun kita kena setuju. Kalau kita

Tuan Yang di-Pertua: Ini minta sahaja, kalau tidak setuju tidak boleh juga. Tidak setuju pun boleh. [Ketawa]

Tuan Yim Chee Chong: Saya setuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua, “minta” bukan semestinya diluluskan. [*Ketawa*] Boleh ditolak. Ini pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak membahas berkenaan dengan ayat ini tetapi kepada saya - “saya minta awak datang sini” maknanya saya suruh awak, “minta dipersetujui” dengan “harap dipersetujui” itu lain maknanya. “Harap dapat dipersetujui” itu lemah lembut lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan itu sudah biasa begitu.

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya tidak hendak hendak membahas dengan Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua mengatakan begitu, begitu, saya ikut sahaja, saya patuh.

Tuan Yang di-Pertua: Pasal ini dari dulu lagi perkataan ini digunakan, hari ini baru ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Tetapi bagus juga timbul supaya dapat kita memikir pada masa yang akan datang. Kalau perlu diubah, ubahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

10.10 pagi.

Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon, saya harap Dato’ Zuki terima, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 (FIA 1993) yang dikuatkuasakan mulai 4 Februari 1993 adalah bertujuan untuk memajukan

pasaran niaga hadapan yang terdiri dari Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE), Bursa Kewangan Malaysia (MME) dan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE).

Rasional pindaan kepada Akta ini adalah seperti berikut:

- (i) memberikan Menteri Kewangan kuasa untuk mengecualikan kelas-kelas orang yang tertentu daripada keperluan pelesenan di bawah FIA 1993;
- (ii) merasionalkan takrif-takrif berhubung dengan kategori-kategori lesen yang terdapat di bawah FIA 1993 supaya selaras dengan keperluan yang sama di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (SIA 1983); dan
- (iii) mengadakan peruntukan bagi melarang suatu niaga hadapan dalam mana kontrak niaga hadapan yang tertentu didagangkan termasuk kontrak yang berdasarkan ke atas, atau yang boleh diselesaikan dengan merujuk kepada, atau berkaitan dalam mana instrument pendasar adalah sekuriti Malaysia, atau indeks yang mengandungi nilai atau harga atau terbentuk dengan merujuk kepada nilai atau harga mana-mana sekuriti Malaysia dan lain-lain instrument berhubung dengan Malaysia. Ini akan membanteras urusan kontrak-kontrak niaga hadapan tersebut di pasaran yang tidak diiktiraf atau dikecualikan di bawah FIA 1983.

Kategori lesen di bawah FIA 1993 ialah lesen broker niaga hadapan, lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan dan lesen penasihat perdagangan niaga hadapan manakala kategori lesen di bawah SIA 1983 ialah lesen peniaga, lesen pengurus kumpulan wang dan lesen penasihat pelaburan. Walau bagaimanapun,

struktur pelesenan di bawah SIA 1983 dan FIA 1993 mempunyai perbezaan dari beberapa segi.

Di bawah SIA 1983, Menteri Kewangan pada umumnya mempunyai kuasa untuk mengecualikan seseorang daripada keperluan pelesenan sebagai broker atau pengurus kumpulan wang. Walau bagaimanapun kuasa pengecualian ini adalah lebih terhad di bawah FIA 1993. Sungguhpun perenggan 20(1)(f) di bawah FIA 1993 membolehkan Menteri Kewangan menentukan orang-orang yang boleh diberi pengecualian daripada peruntukan pelesenan tetapi pengecualian ini hanya boleh diberi kepada mereka yang menjalankan tugas masing-masing seperti yang tertera pada undang-undang-undang-undang bertulis atau perintah mahkamah. Oleh itu perenggan 20(1)(aa) yang dicadangkan adalah perlu dimasukkan untuk membolehkan orang-orang selain daripada mereka yang menjalankan tugas seperti yang tertera pada undang-undang bertulis atau perintah mahkamah dikecualikan daripada peruntukan pelesenan.

Di bawah SIA, 1983 Menteri Kewangan telah mengecualikan daripada keperluan pelesenan kepada kelas-kelas institusi kewangan tertentu yang menjalankan aktiviti tertentu seperti “underwriting” sebagai peniaga sekuriti di bawah Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) 1996 dan Perintah Perindustrian Sekuriti (Peniaga Terkecuali) (2) 1996 atas dasar antara lain bahawa institusi-institusi ini dikawalselia oleh Bank Negara. Pengurus-pengurus skim amanah saham juga merupakan “pengurus kumpulan wang yang terkecuali” yang tidak perlu dilesenkan di bawah SIA 1983 dan Perintah Perindustrian Sekuriti (Pengurus Kumpulan Wang Terkecuali) 1997. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan lain SIA 1983 akan terus terpakai dan mereka juga dikawalselia di bawah Peraturan-peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Skim Amanah Saham) 1996 dan Garis Panduan bagi Tabung Unit Amanah menurut seksyen 15A(2)(d) SIA 1983.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah FIA 1993, syarikat pengurusan bagi unit amanah perlu memegang lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan sekiranya mana-mana dana amanah digunakan dalam perdagangan kontrak niaga hadapan kerana aktiviti-aktiviti tersebut tergolong di dalam takrif “perniagaan pengurusan kumpulan-kumpulan wang niaga hadapan” mengikut seksyen 2 FIA 1993. Ejen-ejen yang mengedarkan dan memasarkan unit-unit tersebut yang terlibat dengan aktiviti dagangan niaga hadapan juga perlu mempunyai lesen wakil pengurus kumpulan wang niaga hadapan di bawah FIA 1993. Pada masa ini terdapat lebih kurang 13,800 orang ejen-ejen unit amanah dan sekiranya tidak ada kuasa pengecualian ke semua mereka perlu dilesenkan di bawah FIA 1993, sedangkan di bawah SIA 1983 syarikat unit amanah dan ejen-ejen mereka adalah dikecualikan daripada dilesenkan setakat keperluan pelesenan sahaja kerana mereka masih tertakluk kepada peruntukan lain di bawah SIA 1983 Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Skim Amanah Saham) 1996 dan Garis-garis Panduan bagi Tabung Unit Amanah.

Bagi maksud perdagangan dalam kontrak niaga hadapan, syarikat unit amanah dibenarkan untuk melabur hanya 10% daripada nilai aset bersih (net asset value) kumpulan wang itu di dalam kontrak niaga hadapan selain daripada opsiyen niaga hadapan dan opsiyen dagangan bursa tetapi dagangan itu terhad kepada aktiviti melindungi nilai (hedging) menurut Garis Panduan Tabung Unit Amanah untuk membolehkan syarikat-syarikat unit amanah melindungi nilai portfolio masing-masing dan secara tidak langsung membantu membangunkan industri niaga hadapan tempatan.

Dalam industri amanah adalah lebih wajar sekiranya terdapat kuasa-kuasa pengecualian tersebut di atas diberikan atas sebab-sebab berikut:-

- (i) kepentingan-kepentingan pemegang unit saham amanah tidak akan terjejas kerana Suruhanjaya Sekuriti akan terus mengawalselia skim-skim ini mengikut Peraturan-Peraturan

Suruhanjaya Sekuriti (Skim Amanah Saham) 1996 dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah serta peruntukan-peruntukan lain di bawah FIA 1993;

- (ii) peruntukan bagi pengecualian ini merupakan cara yang paling cepat dan cekap bagi membantu pengurus-pengurus kontrak niaga hadapan melindungi nilai portfolio dana mereka; dan
- (iii) membangun industri niaga hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, definisi “perniagaan broker niaga hadapan”, “perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan” dan “perniagaan penasihat pelaburan niaga hadapan” diberi pengertian yang meluas supaya peruntukan FIA 1993 akan dapat meliputi aktiviti-aktiviti tersebut dan memastikan supaya mereka dapat dikawalselia dengan sempurna, sekiranya perlu. Sesetengah aktiviti perlu diliputi di bawah definisi yang luas ini. Contohnya, syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti penjelasan bagi pihak syarikat-syarikat yang berkaitan dengan mereka akan jatuh dalam definisi “dagangan bagi pihak seseorang”, mereka perlu mendapatkan lesen broker niaga hadapan. Pemegang lesen broker niaga hadapan adalah tertakluk kepada berbagai syarat-syarat yang ketat di bawah FIA 1993, walaupun tidak semestinya bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti yang telah dihadkan kepada mereka. Oleh yang demikian, tidak hairan sekiranya terdapat situasi-situasi di mana penerapan syarat-syarat FIA 1993 akan menimbulkan kesulitan bagi sesetengah aktiviti dan menghadkan kegiatan perniagaan. Dengan cara meluaskan perenggan pemakaian 20(1)(f), fleksibiliti dapat diberikan kepada Menteri Kewangan untuk memberikan pengecualian kepada sesetengah golongan, jika perlu, contohnya seperti dalam keadaan-keadaan yang dijelaskan di atas tanpa meminda undang-undang bagi setiap kategori. Ini akan membantu merasionalisasikan penggunaan FIA 1993 dan SIA 1983.

Adalah dicadangkan supaya subseksyen 20(1) diperluaskan untuk membolehkan Menteri Kewangan mengecualikan seseorang itu daripada syarat-syarat pelesenan di bawah mana-mana kategori. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak akan diberikan dengan sewenang-wenang tetapi akan diberikan berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu dengan mengambil kira kehendak “check and balance”, ketelusan (transparency) dan prosedur yang bertanggungjawab (accountability). Pengecualian hanya dibuat melalui perintah yang diterbitkan di dalam *Warta* atas syor Suruhanjaya Sekuriti.

Sebahagian besar kuasa-kuasa pengecualian akan digunakan hanya untuk mengecualikan orang-orang terkecuali dan wakil-wakilnya daripada keperluan pelesenan dan kesemua peruntukan lain di bawah FIA 1993 akan terus terpakai. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan pemakaian peruntukan-peruntukan lain di bawah FIA 1993 ke atas seseorang yang terkecuali itu tidak praktikal. Contohnya, seksyen 103 FIA menetapkan semua pengurus kumpulan wang niaga hadapan yang dilesenkan sebagai broker niaga hadapan membuat bayaran sebanyak RM100,000 kepada Suruhanjaya, untuk membolehkannya berniaga di atas bursa-bursa tertentu di luar Malaysia. Peraturan ini mungkin tidak wajar dikenakan kepada syarikat-syarikat pengurusan dana. Oleh itu disyorkan bahawa Menteri Kewangan boleh, dengan syor daripada Suruhanjaya Sekuriti, mengecualikan peruntukan mengenai pelesenan dan juga sekiranya perlu, mana-mana peruntukan lain di bawah FIA 1993, dengan mengeluarkan Perintah daripada Menteri Kewangan.

Pada masa ini pengurus-pengurus aset yang hanya menjalankan perniagaan mengurus aset-aset klien, tetapi tidak menjalankan apa-apa aktiviti pembrokeran niaga hadapan di bursa niaga hadapan, dikehendaki memegang lesen broker niaga hadapan

sekiranya mereka berdagang dalam kontrak niaga hadapan. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, isu yang timbul ialah sama ada wajar bagi pengurus-pengurus aset tersebut dikehendaki memegang lesen broker niaga hadapan untuk menjalankan aktiviti pengurusan aset.

Pengurus-pengurus aset yang menguruskan portfolio sekuriti dimestikan memegang lesen pengurus kumpulan wang sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 15A dan takrif “pengurus kumpulan wang” di bawah seksyen 2 SIA 1983 bukannya lesen peniaga. Sebaliknya, pengurus kumpulan wang yang bertindak bagi pihak klien individu yang ingin menggunakan kontrak niaga hadapan dimestikan memegang lesen broker niaga hadapan dan bukannya lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan. Dengan itu, pengurus dana asing yang menguruskan kedua-dua iaitu ekuiti dan dagangan kontrak niaga hadapan bagi pihak klien, perlu memegang lesen pengurus kumpulan wang di bawah SIA 1983 serta lesen broker niaga hadapan di bawah akta FIA 1993.

Dalam jangka masa panjang, industri kumpulan wang dijangka akan dikawal selia di bawah undang-undang pengurusan pelaburan yang disatukan. Dalam keadaan demikian adalah lebih baik peruntukan di bawah FIA 1993 diselaraskan dengan peruntukan di bawah SIA 1983.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian juga perlu diberikan kepada tabung kesetiaan bursa niaga hadapan di mana subseksyen 64(1) FIA 1993 memperuntukkan bahawa “seseorang broker niaga hadapan hendaklah, apabila dilesenkan di bawah FIA 1993, membayar kepada syarikat bursa amaun sebanyak RM30,000 sebagai caruman kepada tabung kesetiaan dan hendaklah, selepas itu pada atau sebelum 31 Disember dalam setiap tahun selama lima tahun yang berikutnya dengan tahun dia dilesenkan,

membayar kepada syarikat bursa aamaun sebanyak RM10,000 sebagai caruman kepada tabung kesetiaan”. Ini bermakna pengurus-pengurus aset yang telah dilesen sebagai broker niaga hadapan perlu membuat caruman kepada tabung kesetiaan sesuatu bursa walaupun mereka bukan menjadi ahli bursa niaga hadapan tersebut.

Selain dari itu, seksyen ini tidak menentukan kepada bursa yang manakah di antara tiga bursa niaga hadapan sedia ada iaitu KLOFFE, MME dan KLCE, caruman perlu dibuat. SIA 1983 tidak mempunyai peruntukan yang sama berhubung dengan tabung pampasan.

Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut di atas, dicadangkan supaya kategori-kategori lesen dirasionalisasikan supaya kategori-kategori lesen di bawah FIA 1993 diselaraskan dengan SIA 1983 dan peruntukan-peruntukan di bawah FIA 1993 seperti yang berhubung dengan tabung kesetiaan, yang mana pengurus aset mungkin sebaliknya diperlukan membuat caruman, adalah tidak terpakai. Bagi tujuan tersebut, takrif “perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan” dan “perniagaan pembrokeran niaga hadapan” di bawah FIA 1993 perlu dipinda supaya aktiviti-aktiviti pengurus-pengurus aset tidak tergolong sebagai sebahagian daripada perniagaan pembrokeran niaga hadapan dan takrif “perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan” dipinda supaya merangkumi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pengurus-pengurus aset.

Pindaan utama mengenai takrif adalah “perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan” dan “perniagaan pembrokeran niaga hadapan” di bawah Seksyen 2 FIA 1993 manakala pindaan langsung yang dicadangkan adalah melibatkan seksyen 49, 51, 63, 102 dan 103 serta seksyen baru 52C hingga 52G.

Tuan Yang di-Pertua, *Singapore International Monetary Exchange* (SIMEX) dilaporkan bercadang untuk memperkenalkan indeks niaga hadapan berdasarkan saham-saham Malaysia. Adalah difahamkan bahawa Indeks yang akan digunakan adalah Indeks saham Malaysia oleh Dow Jones iaitu indeks permodalan pasaran yang terdiri daripada 127 saham-saham Malaysia. Disebabkan tahap kolerasi yang tinggi antara Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dan Indeks saham Malaysia Dow Jones (DJI), pengenalan indeks DJI tersebut merupakan saingan secara langsung kepada kontrak niaga hadapan KLCI yang diurusniagakan oleh KLOFFE. Ini akan memberi kesan kepada pembangunan pasaran niaga hadapan tempatan dari segi kecairan, pembangunan produk-produk lain seperti opsi atas KLCI dan saham-saham individu dan seterusnya menjejaskan status KLOFFE sebagai pusat untuk perniagaan produk ekuiti derivatif di Malaysia.

Di samping menjejaskan pembangunan KLOFFE, SIMEX juga mungkin akan memperkenalkan produk-produk Malaysia yang lain, dan ini mungkin akan menjejaskan pembangunan bursa niaga hadapan tempatan yang lain, khususnya MME dan KLCE. Buat masa ini, kontrak-kontrak yang boleh diniagakan di SIMEX termasuk kontrak kadar faedah (Eurodolar 3-bulan, Euroyen 3-bulan dan Euromark 3-bulan), kontrak-kontrak mata wang (spot tertunda Dolar US/Yen Jepun dan spot tertunda Dolar US dan Deutschemark, kontrak-kontrak bon (Bon Kerajaan Jepun), kontrak-kontrak komoditi iaitu kontrak komoditi seperti emas dan kontrak-kontrak minyak iaitu (minyak mentah brand dan minyak tinggi kandungan bahanapi sulfur). SIMEX juga berupaya untuk memperkenalkan kontrak-kontrak kadar faedah Malaysia dan kontrak-kontrak mata wang Ringgit, manakala New York Cotton Exchange (NYCE) pula telah memperkenalkan kontrak niaga hadapan mata wang Ringgit semenjak 5 Disember 1997.

Perkembangan di SIMEX dan bursa-bursa niaga hadapan asing lain yang bercadang untuk memperkenalkan produk-produk berunsurkan pendasar “Malaysia”

menimbulkan kebimbangan kerana boleh menjejaskan perkembangan bursa-bursa tempatan. Kecairan di pasaran tempatan mungkin terjejas dan pembangunan produk-produk derivatif tempatan yang seterusnya juga akan terjejas. Di samping itu, pembangunan sedemikian juga boleh menjejaskan objektif untuk menjadikan bursa-bursa tempatan pusat untuk perniagaan produk-produk derivatif Malaysia.

Adalah dicadangkan supaya seksyen 3B yang baru dimasukkan ke dalam Akta FIA 1993 untuk menangani isu tersebut. Perenggan 3B(1)(b) bertujuan untuk melarang perniagaan kontrak niaga hadapan yang ditentukan dengan mengambil kira turun naik indeks-indeks saham yang terdiri daripada saham Malaysia. Perenggan 3B(1)(c) dan (d) adalah untuk menghalang duplikasi kontrak-kontrak niaga hadapan yang diniagakan di bursa-bursa Malaysia. Perenggan 3B(f) memberikan fleksibiliti kepada Menteri untuk mengarahkan, melalui *Warta*, bagi melarangkan kontrak-kontrak niaga hadapan berunsurkan fakta-fakta lain, seperti indeks-indeks yang tidak digunakan buat masa ini di bursa-bursa niaga hadapan tempatan. Seksyen 3B(3) memberikan pengecualian daripada larangan subseksyen tersebut kepada bursa-bursa niaga hadapan yang sedia ada, pusat-pusat penjelasan dan pasaran-pasaran yang terkecuali seperti yang tertera dalam Seksyen 3A FIA 1993.

Subseksyen 3B(5) membenarkan Menteri untuk mengarahkan bahawa larangan tersebut tidak berkuat kuasa ke atas mana-mana pasaran niaga hadapan ataupun mana-mana perniagaan hadapan yang berkaitan kontrak-kontrak niaga hadapan yang ditetapkan oleh Menteri dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan bersesuaian.

Subseksyen 3B(6) bertujuan untuk menerangkan bahawa pasaran-pasaran yang sedia ada di luar Malaysia, yang telah dispesifikasikan sebagai “Bursa Ditentukan” di bawah seksyen 102 FIA 1993 tidak akan terjejas, selagi mereka tidak berniaga kontrak-kontrak niaga hadapan yang dimaksudkan dalam subseksyen 3B(1).

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta ini adalah wajar untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan FIA 1993 supaya selaras dengan SIA 1983 kerana peruntukan yang berbeza-beza dalam kedua-dua Akta berkenaan boleh menjejaskan minat peserta pasaran dalam bursa niaga hadapan. Di samping itu pindaan ini juga adalah untuk melarang penubuhan suatu pasaran niaga hadapan yang berdagang dalam kontrak niaga hadapan berasaskan surat cara yang dinyatakan dalam seksyen baru 3B. Matlamat akhir kepada pindaan tersebut adalah untuk mengembalikan semula keyakinan pelabur-pelabur terhadap pasaran saham negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dato' Aziz.

10.34 pagi

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian bagi membahaskan rang undang-undang iaitu satu akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang baru saja dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata akta yang dibawa ke Dewan ini pada hari semalam dan juga hari ini dengan secara cepat semata-mata dengan satu tujuan bagi mengemaskinikan dengan izin, house cleaning, spring cleaning tentang kedudukan-kedudukan perniagaan saham baik untuk hari ini atau untuk masa hadapan di negara kita ini supaya ianya tidak menjejaskan dasar-dasar monetary dan fiskal kerajaan yang dibuat semata-mata untuk menentukan supaya kita tidak tunduk kepada IMF.

Hari semalam saya menyebut Michel Camdessus sepatutnya meminta maaf atas kesilapan yang dibuat dan sekarang ini bebannya ditanggung oleh 20 juta lebih orang yang tidak bekerja dan kelaparan di Indonesia, 2,000 lebih yang bunuh diri di South Korea dan sebagainya. Banyak impact sosial yang telah berlaku di negara yang terpaksa menerima bantuan IMF yang menggunakan hanya satu cara untuk hendak membantu iaitu secara yang ketat, beri duit lepas itu tentukan pula dasar-dasar yang terpaksa mereka buat sehingga mereka terkapar sehingga ke hari ini, setahun lebih.

Jadi saya cadangkan hari semalam Dewan yang mulia ini sepatutnya kita cadangkan Michel Camdessus sebagai Pengurus atau Pengarah Urusan IMF letak jawatan lepas itu meminta maaf kepada rakyat jelata rantau ini yang telah pun diazabkan. Dan perkara ini juga telah pun merebak ke Russia, telah pun merebak ke Latin Amerika, saya dengar Brazil sekarang ini tengah teruk tetapi kepada negara-negara ini cepat mereka pergi untuk membantu walhal di tempat kita di rantau ini di Indonesia, Thailand dan South Korea terpaksa menunggu meminta sedekah baru mereka datang sikit-sikit mereka datang, lepas itu dengan cepat mereka menentukan arah dasar dan sebagainya.

Jadi kita terpaksa buat, kita terpaksa lari daripada ideologi *laissez-fair* iaitu perdagangan bebas menentukan secara kita sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menentukan bagaimana Malaysia dapat buat dasar sendiri tanpa merujuk kepada IMF, tanpa tunduk kepada IMF yang rata-rata mempunyai agenda tersendiri untuk menjajah kawasan kita ini. Antara lain ialah kawalan ringgit, kawalan modal dan termasuklah juga perniagaan-perniagaan menerusi Bursa Saham Kuala Lumpur (KLOFFE) dan sebagainya yang kita buat pada hari ini. Amat tepat sekali kita buat dengan secepat mungkin dan kita tidak mahu pula negara jiran mengatakan kononnya apa yang kita buat pada hari ini hendak memiskinkan mereka.

Dasar negara kita prosper their neighbour, mohon izin, prosper their neighbour, maknanya memakmurkan negara jiran. Apa yang kita hendak buat ialah

hendak mengawasi kegiatan-kegiatan niaga hadapan, kegiatan-kegiatan perdagangan saham di Malaysia ini. Jadi apabila ada kebocoran menerusi sistem menerusi perdagangan dengan SIMEX, dengan CLOB misalnya, tentunya ia akan menjejaskan apa yang nak kita buat di negara kita. Jadi apa yang kita buat semata-mata tanpa tujuan hendak memiskinkan Singapura, tegas kita jawab di sini. Perkara ini telah dijawab oleh Perdana Menteri sendiri. Sungguhpun Goh Chok Tong merasakan kononnya apa yang hendak kita buat ini hendak memiskinkan Singapura.

Setakat ini kita bukan main bermanja-manja dengannya dalam keadaan kita susah, tak dapat bantuan yang banyak pada mereka, jiran-jiran kita. Dan inilah salah satu yang kita buat iaitu Akta ini bagi menentukan niaga hadapan negara kita tidak ada kaitan dengan apa sahaja, baik Down Jones Indexs, baik SIMEX, KLSE kita, KLCI - komposit index di Kuala Lumpur adalah untuk kita. Kalau mereka hendak berniaga bawa duit, dia berniagalah menerusi Bursa Saham Kuala Lumpur ataupun menerusi KLOFFE, MME dan sebagainya. Bawa duit ke sini, jangan buat pasaran yang berbeza dan berasingan yang akan menjejaskan segala tindak-tanduk yang kerajaan hendak buat di negara kita ini. Jadi tidak ada niat, tidak ada semangat untuk memiskinkan negara-negara jiran apabila kita buat sesuatu dasar, seperti yang dibentangkan oleh kerajaan hari ini dan semalam.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairanlah tahap pencapaian KLOFFE setelah diwujudkan beberapa tahun masih lagi tidak bertapak secara matang. Saya perhatikan dalam masa dua, tiga, empat hari ini antara 250 hingga ke 450 unit didagangkan. Dan ini bercanggah dengan kedudukan dana kewangan negara kita apabila kita dapat tahu RM10 bilion, RM11 bilion telah pun disuntik kembali ke negara kita setelah adanya kawalan mata wang yang dibuat oleh kerajaan. Dan saya diberitahu tadi industri amanah, syarikat-syarikat amanah boleh diperuntukkan maksimum sepuluh per seratus daripada nilai bersih untuk mereka dapat melabur di dalam pasaran ini.

Soalnya sekarang bagaimanakah support, bagaimanakah sokongan badan-badan amanah ini, bagaimanakah sokongan KWSP, LTAT, SOCSO, Lembaga Tabung Haji, Khazanah, Amanah Saham Nasional, Bumiputera, Wawasan, Amanah Pahang, Johor dan Kedah. Apakah mereka ini menggunakan peluang untuk menentukan mereka juga dapat membabitkan diri dalam pasaran niaga hadapan ini, ataupun belum kita buat road show kepada mereka. Mereka tidak ada kepercayaan kepada pasaran ini, sehinggakan orang-orang Singapura mempunyai pasaran, New York Cotton Exchange mempunyai kepercayaan. Jadi bagaimanakah kreatifnya, saya hendak balik kembali kepada mereka yang mengawasi dana-dana ini, pengurusan dana-dana ini. Adakah mereka juga membantu membangunkan produk-produk derivatif di negara kita ini dengan menggunakan mata wang mereka, dana mereka bagi menentukan mereka dapat mengambil, mempunyai potensi yang tinggi, menggunakan wang dana itu untuk melibatkan diri dalam perniagaan hadapan dan sebagainya. Kalau tidak, they must be something wrong, mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

Dan di sinilah peranan Kementerian Kewangan, kerajaan bagi membuat roadshow di dalam negeri dulu, sebelum kita pergi ke luar dan orang-orang luar percaya wujudnya potensi perniagaan, tetapi orang di negeri kita tidak mempunyai kepercayaan tinggi terhadap menentukan aktiviti-aktiviti KLOFFE, MME dan sebagainya dapat kita galakkan - create, kreatiflah sedikit, jangan duduk tunggu sahaja bila arah buat ini - buat, you must have your own sense of sign responsibility, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya rasa mereka yang kita letak menguruskan dana-dana ini sepatutnya mempunyai pandangan yang lebih luas, 'a bigger picture' dalam menentukan menyokong kerajaan bagi menegakkan pasaran-pasaran saham yang kita tubuhkan.

Kalau perlu Kementerian Kewangan menerusi penasihat baru kita Solomon Smith Barney yang ketiga terbesar di dunia - travellers group ini, gunakan mereka latih anak-anak muda kita, pergi ke New York Stock Exchange, pergi ke pasaran-

pasaran New York Cotton Exchange, pergi ke Chicago, New York dan London, rata-rata belajar di sana, apa dia derivatif, apa dia cara-cara kreatif yang patut kita buat mencari instrument yang alternatif kepada Bursa Saham Kuala Lumpur dan sebagainya supaya perkara-perkara instrument ini, instrument-instrument dari segi untuk meningkatkan punca kewangan dan juga debt instrument ini dapat digunakan di Malaysia. Dan lebih penting networking antara penganalisis-penganalisis saham di tempat kita dan negara luar, saya perhatikan tidak ada exchange programme yang berterusan, yang terancang, yang dibuat oleh pihak kerajaan. Kerana kita sedar globalisasi menuntut orang-orang kita boleh eyeball to eyeball, mata ke mata dengan mereka di New York. Buka, ambil telefon sahaja boleh bercakap dengan penuh keyakinan, dan mereka terus yakin.

Rupa-rupanya negara kita mempunyai anak-anak muda yang setaraf dengan mereka di New York, di London dan sebagainya. Ini takut, saya perhatikan kebanyakan penganalisis datang daripada luar negara, yang diimport dan kadangkala dipayungterjankan ke sini membuat penganalisis ke negara kita. Sebab itulah Moody's, Standard and Poor membuat penarafan terhadap negara kita, kadangkala jauh berbeza dengan fundamental yang wujud di negara kita. Dan kita tidak boleh lawan, kerana kita tidak mempunyai kakitangan dan tenaga yang boleh setanding dengan pandangan mereka. Jadi saya harapkan gunakan, saya hendak tahu berapa Solomon Smith Barney dapat daripada kita, dalam urusan untuk menasihati kita ini. Apa dia cara hendak menasihati cara mana, hendak mencari wang di sana ke, saya hendak tahu bagaimana, adakah satu bilion, 500 bilion, saya tak tahu. Jadi apakah pakej yang diberikan oleh Solomon Smith Barney kepada kita, dan kalau boleh masukkan juga untuk mereka melatih anak muda kita di Hong Kong, New York, Tokyo dan sebagainya. Kerana saya perhatikan dalam pasaran derivatif banyak sangat orang-orang muda, kadangkala terkeluar daripada amalan-amalan perniagaan yang dihadkan. Tengok sahaja apa terjadi di Singapura, Nik Leeson, Barings itu merupakan

satu institusi kewangan yang tertua di dunia dalam bidang perniagaan sebagai Merchant Bank. Bawa sahaja Nik Leeson ke Singapura menceburkan diri dalam berbagai-bagai bidang perniagaan hadapan, derivatif dan sebagainya, habis berbilion duit Barings sehinggakan diambilalih oleh Ink Bank. Barings tutup dan Nick Leeson masuk penjara, dia pergi ke Sabah melancong dan terus pergi ke Netherlands, Holland, France kemudian balik, ke sini lepas itu sakit dan lepas itu entah ke mana, umur baru 27 - 28 tahun.

Caruman yang ditetapkan oleh kerajaan sedikit sangat, kalau 30,000 untuk menjadikan caruman, yang saya dengar tadi kesetiaan, ada caruman kesetiaan, kepada siapa saya tidak tahu, bagi menjalankan urus niaga hadapan ini. Kita rasa selain daripada ejen-ejen ini, remisier kalau kita bandingkan dengan Bursa Saham Kuala Lumpur, membuat caruman syarikat-syarikat yang mempunyai lesen patut membuat caruman yang lebih tinggi, saya tidak tahu berapa dia buat sekarang. Jadi kalau kakitangan membuat caruman 30,000 berasaskan kepada perniagaan yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang mempunyai lesen ini, kita tetapkan juga caruman kepada SC, kepada Kementerian Kewangan dan sebagainya caruman yang lebih tinggi.

Kalau ditingkatkan perniagaan hadapan ini di negara kita, saya rasa kita perlu mencari jalan hendak meningkatkan ini, kerana mencari instruments alternative kepada Bursa Saham Kuala Lumpur kepada pasaran hadapan dan meningkatkan lagi supaya orang luar pun rasa bangga melabur di negara kita, kalau sekiranya aktiviti itu didukung oleh satu kepercayaan oleh mereka yang mempunyai dana kewangan, mempunyai dana yang tinggi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini kita buat, Insya-Allah, saya rasa kalau kita kemaskinikan peraturan-peraturan negara kita daripada Bursa Saham Kuala Lumpur, sekarang KLOFFE lepas itu sebentar lagi nanti Akta Syarikat, semua ini dikemaskinikan, house cleaning, spring cleaning untuk institusi-institusi kita dapat berjalan dengan baik, bagi berdepan dengan satu keadaan yang amat mencemaskan pada hari ini. Kita buat ini kerana kita terdesak, kita sudah buat, kita minta IMF buat satu peraturan, tak dibuatnya juga lagi, sehinggakan sekarang Clinton baru sedar, selepas beberapa kali kita sebut Tony Blair pun sokong, Chirac dari Perancis pun

sokong, baru Clinton seminggu lepas saya rasa hendak mula mengutarakan keperluan wujudnya sistem kewangan antarabangsa ini, satu reka bentuk, satu architecture international financial system kepada 22 buah negara yang akan berhimpun tak berapa lama lagi.

Di Komanwel, pemimpin-pemimpin kita akan membawa perkara ini. Ada mesyuarat menteri-menteri kewangan di Kanada saya rasa mungkin akan membawa perkara ini dan lepas itu disusuli pula oleh Amerika. Apa yang berlaku di sana cepat sahaja dia datang tolong. Di Mexico sebab Mexico itu cepat pulih kerana yang penting Amerika terus tolong. Kita terkapar-kapar di sini. Jadi saya hendak menyeru kepada pihak kerajaan, apa yang kita syorkan dalam Dewan ini beberapa kali kita sepatutnya mempunyai dana Asia, kita tidak perlu bergantung kepada dana antarabangsa, kita tidak perlu bergantung kepada dana Eropah dan Amerika Jepun dengan Yennya setelah pulih besok, dengan Yuan daripada Republic of China, kita di sini memberikan perhitungan yang baru dengan menubuhkan satu tabung bagi menyelamatkan kita sendiri.

Pada 1 Januari 1999 Tuan Yang di-Pertua, Euro currency akan ditubuhkan. Sebelas buah negara yang menjadi ahli kepada Euro, Great Britain tidak masuk lagi mungkin masuk kemudian sedikit. Sebelas buah negara bergabung dengan menggunakan satu unit, satu currency. Merupakan satu force, satu kuasa besar selain dari American Dollar, dan kita patut memikirkkan adakah ianya Asian Dollar ke, Asian Ringgit ke, cari satu terminologi baru kita patut guna, buatlah satu perhitungan untuk membentuk satu currency khusus kepada rantau ini. Dan apa yang kita buat dari segi perdagangan (barter trade) barang dengan barang. Baru-baru ini, bersama-sama dengan Tuan Yang di-Pertua, kita bertemu dengan lebih 13 ahli-ahli Parlimen daripada India mereka pun bertanya adakah Malaysia sudah mengaktifkan dari segi perdagangan pertukaran barang-barang ini, barter trade, rupanya sekarang sudah ada perbincangan. Di New York ada perbincangan antara ambassador kita dengan

kementerian dia. Kita kata “ya”, memang kita hendak buat. India mungkin hantar lembu, banyak sikit daging lembu dan bawang kerana di sana banyak bawang. Kita hantar minyak kelapa sawit tak payah Rupee, tak payah guna Ringgit, kita guna barang tengok clearing house kita berapa balancenya, positif, negatif lepas itu kita cari lagi mungkin kita hendak Proton dan sebagainya.

Kalau kita buat ini, kita sudah buat, kalau kita perembangkan maknanya kita menafikan globalisasi, *laissez-faire*, kuasa ideologi, kuasa pasaran kita menafikan kekuasaan mereka kerana kita telah teruk dibuat, dibebankan oleh mereka. Kita cari jalan untuk menentukan, buatkan sempadan-sempadan tertentu, bukan kita tidak percaya kepada globalisasi, tetapi apabila globalisasi, liberalisasi apa-apa ‘sasi’ sekalipun datang merundungkan kedudukan kita, menjatuhkan saham kita, kita terpaksa berikhtiar, ini ikhtiar kita.

Sekarang ini semua negara yang berkaitan bersetuju dengan apa yang kita buat, bersetuju dengan komen Perdana Menteri kita. Di sinilah vision bukan orang putih, orang sawo, yang kulit macam kita inilah, sawo matang, di sini di rantau ini pun ada idea, sengaja mereka tidak menerimanya itu sahaja. Tetapi lambat laun terpaksa mereka menerima seolah-olah menjilat apa yang mereka telah ludah dan ini malu sangat dia. Sebab itu mereka makin lama makin slow. Jadi kita minta di Dewan yang mulia ini menerusi Tuan Yang di-Pertua, suruhlah Michel Camdessus berhenti letak jawatan lepas itu buat surat besar-besar kepada Asian Wall Street Journal kepada seluruh dunia mengatakan - saya terpaksa meletakkan jawatan kerana berdosa sangat kepada negara-negara membangun yang telah teruk kelaparan, yang banyak bunuh diri. Itulah dosa yang ditanggung oleh Michel Camdessus terpaksa diberhentikan dan saya juga mengharapkan pihak kerajaan menerusi Badan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga wakil-wakil kita, teruskan perjuangan kita, memberikan reformasi terhadap bank dunia, terhadap IMF, gabungkan sahaja jadikan kedua-dua badan itu satu. Lepas itu penarafan antarabangsa dibuat oleh mereka tidak tak payah kita bergantung kepada

Moody's, Standard and Poor. Jadi ada fair play, dengan izin, dan a level playing field itu yang kita hendak.

Jadi, inilah sepatutnya kerajaan kita patut buat dan kita juga mengharapkan kepada pihak kerajaan, di sini ada wakil Kementerian Kewangan di sini aturlah sikit road show yang dianggotai oleh Ahli Parlimen terdiri daripada ahli-ahli Senator juga. Kalau India boleh buat di sini, kita boleh buat di India kita boleh buat di rantau ini tidak payah pergi jauh. Kita hendak cerita pada rakan-rakan kita di Thailand, eye for to eye for, mata ke mata kita jatuh cinta, cinta dari segi perjuangan kita hendak bercerita bagaimana kedudukan kita, lepas itu dia ini akan bercerita kepada Parlimen dia, dia telah pun bertemu dengan ahli-ahli Parlimen, ahli-ahli senator dari Kuala Lumpur dan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Sungguhpun Dewan Rakyat tidak banyak membahaskan isu ini, saya diberitahu semalam. Kita lebih banyak perbincangan, kita pun ada idea, jadi kita mahukan road show, Parlimen ke Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, ketua deligasi kita ini, kita hendak bawa orang kita pergi ke Thailand, kita bekerja 24 jam pun kita tidak kisah. Ke Thailand, ke Korea rata-rata nak menceritakan bagaimana kita hendak buat ini siang malam kita bekerja [Ketawa] tiada masalah.

Ini tanggungjawab kita terhadap perjuangan kita. Mana yang tak faham jadi faham, kita kena buat road show ini. Jangan pihak kerajaan sahaja, bawa ahli-ahli senator, ahli-ahli wakil rakyat lain pergi bersama satu rombongan lepas itu jangan duduk minum kopi aje. Kita mesti bercerita. Saya mengharapkan perjumpaan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Wellington saya mengharapkan saya dapat masuk campur dalam itu, saya harap. Saya hendak bercerita dengan Ahli-ahli Parlimen di sana bagaimana Malaysia mengambil langkah-langkah tertentu bagi menyekat kerena IMF. Jadi ini kita hendak beritahu dan tentu mereka akan menyokong kita kerana mereka menyedari bahawa apa yang dibuat oleh IMF tidak sepatutnya dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini langkah-langkah yang kita buat. Akta ini ditujukan semata-mata dengan tujuan itu yang penuh keikhlasan menjaga tepi kain kita sendiri tak payah orang masuk campur, SIMEX tak usah masuk campur. Janganlah pula mengatakan kita hendak memiskinkan dia. Selama ini kitalah yang mengayakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-Undang ini.

10.54 pagi

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaludin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya berucap sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan Dato' Aziz tadi berkenaan eye to eye, ball to ball. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bantah sekeras-kerasnya.. Saya tak pernah kata eye to eye, ball to ball *[Ketawa]* yang saya kata Tuan Yang di-Pertua, penjelasan dari segi dakwaan ini ialah eyeball to eyeball, mata ke mata. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaludin: Tuan Yang di-Pertua, saya silap baca di sini, yang sebenarnya bila saya buka cermin mata, dia tukar eyeball to eyeball. Dia kata tadi jatuh cinta, saya tak setuju kalau eyeball to eyeball boleh jatuh cinta. Eyeball to eyeball timbullah sayang dahulu. Apabila sudah sayang barulah timbul cinta. Sentimen Tuan Yang di-Pertua, must come first before love.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Itu bezanya orang lama dengan orang baru. Orang lama dia slow sikit, orang baru dia terus cinta *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaludin: Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya belajar masa di kolej guru dulu berkenaan dengan psikologi. Jadi, walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan, sahabat saya Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar berkenaan dengan pindaan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 (FIA 1993) yang hendak kita pinda untuk

memajukan pasaran niaga hadapan yang terdiri daripada Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) Bursa Kewangan Malaysia (MME) dan Bursa Komoditi Kuala Lumpur. Pindaan ini amat tepat khususnya dalam keadaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah berkata bagaimana kita hendak meregularisasikan perniagaan kewangan. Apabila Perdana Menteri menyebut perkara ini sebab wang telah pun disalahgunakan oleh spekulator-spekulator dan manipulator-manipulator tetapi orang di Asia khususnya di dunia sekali pun mentertawakan negara kita. Apa satu cadangan untuk kita regularise perniagaan kewangan, tetapi Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas orang ketawakan kita tetapi mulai sekarang banyak negara termasuk Taiwan, Hong Kong yang fundamental-fundamental saham, syarikat kukuh, mulai memikirkan apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka quote surat khabar *The New Straits Times* bertarikh 9 September yang diperkatakan oleh Hosey Lewis Yullo – *hosey hosey* dia perkataan Filipina ini dia ‘josey hosey yosey’ tetapi apabila kita sebut, dia orang itu jugalah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Hosey ini berkata, Philippines Stock Exchange Chairman, dia berkata:

“When we trade goods, we have to follow certain rules like World Trade Organization Rules, bank has to abide by international banking practices but when it comes to currency trading, we do not have any rules for the game.”

Tidak ada undang-undang untuk berniaga duit ini, saya teruskan:

“..... Now is like the rule of the jungle, the strongest will push the weaker.”

Dia berkata dalam Third Asia Pacific Economic Corporation Business Advisory Council Meeting di Taipei dahulu. Jadi, tidak ada undang-undang, apa undang-undang perniagaan currency yang kita ada sekarang ini. Jikalau kita ada duit banyak seperti Soros ada duit banyak, dia boleh berniaga wang. Apa yang telah terjadi kepada dunia dan Asia sekarang? Ini semuanya berpunca daripada perniagaan kewangan, speculation mata wang yang membabitkan Thailand, Korea, Jepun, Hong Kong, Taipei, Singapura dan juga Malaysia. Jadi, undang-undang yang dibentangkan oleh pihak kerajaan ini ialah satu cara untuk mengatasi masalah yang timbul di dunia kewangan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan hari ini adalah menunjukkan buahnya, bukan lagi putik, menunjukkan buahnya sekarang ini. Apa yang dibuat oleh kerajaan sepertimana yang kita baca dalam surat khabar pagi ini mengikut Dato' Nordin Sopie, dia kata KDNK kita akan naik 2% pada tahun 1999 dan kemungkinan 4%. Saya harap ini adalah satu kenyataan yang telah pun membuat satu kajian yang rapi supaya kita betul-betul mencapai kenaikan ekonomi kita sebanyak 2% pada tahun 1999 yang tidak lama.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perniagaan niaga hadapan ini, saya rasa ramai sahabat saya, Ahli-ahli Dewan Negara tidak begitu faham dan tahu, kalau tahu pun sahabat Yang Berhormat Tuan Yim boleh jadi dia tahu, saya tidak begitu tahu tetapi kepada saya apa yang sedikit saya faham pasaran niaga hadapan ini adalah satu cara untuk mendapat keuntungan yang tidak menentu bermakna spekulasi juga, ada yang beli, ada yang hendak menjual, harga ditetapkan pada bulan Januari misalannya saya

beri contoh, katakan kelapa sawit, satu metrik tan RM240 misalannya pada bulan Januari tahun hadapan, kalau dinaik harga kepada RM1,800 untunlah orang menjual itu, rugilah orang yang membeli yang diambil option tadi. Tidakkah ini satu cara tidak menentu, bermakna kita speculate.

Jadi, ini juga satu cara untuk hendak menggunakan mata wang untuk membeli pasaran niaga hadapan. Perkara ini baik jikalau sesebuah syarikat itu, katakanlah sebuah syarikat biskut Hwa Tai ada satu rancangan untuk membuat biskut, dia hendakkan minyak kelapa sawit dan tepung. Jadi, bila harga minyak kelapa sawit turun dia beli ataupun pada tiga, empat bulan yang akan datang ini dia letakkan harga yang rendah dan dia buat perancangan bahawa kelapa sawit yang dia beli itu memang betul harganya tidak akan berubah dan dari segi penjualan biskut itu dapat diatur pada masa yang panjang.

Sebaliknya harga ini boleh jadi tidak menentu terlalu tinggi naiknya, misalannya kelapa sawit kita banyak dieksport, ini akan menjadi rugi kepada kita kalau kita tidak berjaga-jaga. Kalau misalannya harga minyak kelapa sawit metrik tan naik terlalu tinggi sampai RM2,800 satu metrik tan, pihak negara lain akan berfikir terlalu mahal, baiklah kita cari alternatif minyak lain pula. Ini akan menjejaskan eksport kita di negara ini. Perkara-perkara ini tidak baik dan ada juga yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan niaga hadapan ini tidak begitu popular di negara kita ini, bagaimana kita hendak mempopularkan niaga hadapan, inilah sekarang kita bentang rang undang-undang ini supaya senang sedikit orang-orang yang hendak berniaga, yang ada lesen, yang tidak payah lesen pun dan ada pula tabung kesetiaan, saya tidak tahu mengapa hendak adakan tabung kesetiaan, sebabnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberikan penerangan yang jelas lagi tadi, tidak

bolehkah kita mengambil insurans mengapa hendak setia dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sebut kepada kita dari segi konsep Islam pasaran niaga hadapan ini, bagaimana konsep dari segi hukum syarak, konsep Islam, perbankan Islam kita telah ada tetapi niaga hadapan tidak ada pihak kerajaan memberikan penerangan.

Saya harap Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin akan menerangkan adakah ini speculation, adakah ini macam main saham misalannya kalau syarikat itu tidak ada membabitkan dari segi berjudi dan sebagainya, boleh kita beli, disebabkan syarikat itu menggunakan duit yang kita labur.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya harap kerajaan akan dapat memberi penerangan sedikit dari segi Bursa Saham Niaga Hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu berkenaan dengan Fasal 6 yang kuasa diberi kepada pihak Yang Berhormat Menteri tadi, terlalu luas diberikan bertujuan menggantikan seksyen 20 [Akta 499] tadi untuk memberi kuasa untuk mengecualikan orang-orang atau kelas orang atas syor Suruhanjaya. Jadi, dengan izin, apa check and balancenya untuk mengetahui kuasa ini tidak disalahgunakan.

Lagi satu saya hendak minta penerangan sedikit Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 16 [Akta 499] tadi seorang pemegang lesen pengurus kumpulan wang niaga hadapan boleh berdagang dalam kontrak niaga hadapan bagi pihak orang lain tanpa perlu dilesenkan sebagai seorang broker niaga hadapan. Adakah cara ini baik tidak payah lesen, boleh jadi saya salah baca, tetapi penerangan boleh diberi oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila dia menjawab nanti. Fasal 5 untuk meminda seksyen 16 [Akta 499]

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan yang lain, saya tidak ada apa hendak diperkatakan lagi, hanya saya sekali lagi menyokong rang undang-undang ini dan saya harap rang undang-undang ini apabila dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini, dapat dilaksanakan dengan berhati-hati dan dapat dilaksanakan dengan berterusan supaya masalah tidak timbul berkenaan dengan niaga hadapan kita pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yim.

Tuan Yim Chee Chong: Lady first, Tuan Yang di-Pertua. Ini dari Kelantan, kita beri dia bercakap dahulu, untuk menghormati senator dari PAS yang menyokong rang undang-undang kerajaan Barisan Nasional. Lady first, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. *[Ketawa]*

11.10 pagi.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Terima kasih. Saya berterima kasih di atas peluang dan laluan yang diberikan untuk saya turut sama memberi pandangan di atas Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998. Saya hanya hendak bercakap sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta Perindustrian Niaga Hadapan kerana ia akan menyekat peluang dan unsur spekulasi. Sebagaimana yang kita sedia maklum, spekulasi merupakan unsur penindasan yang tidak dibolehkan oleh Islam. Islam telah menetapkan kaedah urusan niaganya yang menekankan prinsip keadilan serta keseimbangan antara kepentingan individu dan kepentingan masyarakat. Dengan kedua prinsip ini, ia menjamin kekayaan bukan hanya dibolot oleh seseorang.

Oleh itu saya berharap pindaan yang dibuat akan dapat dilaksanakan dengan baik dan seterusnya dapat mengembalikan kegemilangan ekonomi negara. Dengan kemasukan seksyen baru dalam akta ini, ianya diharapkan akan lebih menjamin penguatkuasaan undang-undang dan sifat amanah oleh penyelenggara akaun tersebut. Allah S.W.T. menyuruh kita melakukan selaku umat Islam menyempurnakan amanah dan bertanggungjawab. *[Membaca ayat Al-Quran] “Melaksanakan tanggungjawab berkeamanan”*.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

11.12 pagi.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pendek dan ringkas tetapi bernas dan semangat yang baik untuk menyokong rang undang-undang Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini. *[Ketawa]* Saya harap parti-parti lawan seperti DAP dan lainnya akan menyokong kerajaan - dasar yang baik, sokong dengan sepenuh hati. Kalau ada kelemahan di mana-mana, beri teguran yang membina. Ini adalah nasihat saya kepada Lim Kit Siang dan DAP. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak ada di sinilah.

Tuan Yim Chee Chong: Tidak apa, pemberita ramai di sini, sungguhpun dia tidak ada! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pada pagi ini saya merasa riang dan gembira oleh kerana saya nampak ramai pemberita tempatan berada di dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap pemberita-pemberita tempatan akan melaporkan sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Utamakan berita dari bangunan Parlimen ini. Saya harap kerjasama dari pemberita-pemberita tempatan. Selain daripada itu, media asing mempunyai niat yang jahat saya katakan, mereka tidak melaporkan hal yang sebenarnya berlaku di negara kita ini. Laporan palsu di dunia, saya harap pemberita-pemberita negara kita ini menentang pemberita asing yang melaporkan berita palsu yang berlaku di negara

kita ini. Kalau didapati laporan palsu di negara asing, saya harap pemberita tempatan akan libat allegation bagi menentangnya memberitahu menulis artikel di akhbar masing-masing - beritahu apa yang berlaku, apa yang sebenarnya berlaku di negara kita ini untuk menjaga imej negara kita. Pada hari ini media asing dengan niat yang jahat meruntuhkan imej negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dr. Mahathir Perdana Menteri kita adalah seorang pejuang bukan sahaja untuk negara kita Malaysia tetapi juga seorang pahlawan yang berjuang untuk nasib negara yang miskin, kecil dan tertindas. Suara Dr. Mahathir di dalam the world adalah suara rakyat dunia yang memperjuangkan untuk keadilan. Oleh sebab itu kuasa besar asing tidak suka Dr. Mahathir dan juga mereka mempergunakan kegawatan ekonomi di negara kita ini dengan tujuan menjatuhkan Dr. Mahathir Perdana Menteri kita. Akan tetapi, perjuangan adil Dr. Mahathir dilindungi Tuhan, disupport ataupun disokong oleh rakyat Malaysia dari semua kaum, Tuan Yang di-Pertua. Malahan juga negara-negara asing ramai orang yang bersemangat keadilan menyokong perjuangan Dr. Mahathir di arena politik dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Dr. Mahathir, saya bukan hendak puji dia. Ini adalah hal yang sebenarnya. Beliau di dalam arena politik menjadi ahli UMNO selama 50 tahun. 50 tahun adalah masa yang panjang di dalam umur hidup kita. Selama 50 tahun ia memperjuangkan nasib rakyat Malaysia - untuk UMNO dan untuk Barisan Nasional. Orang Cina kata burung baru.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa, burung?

Tuan Yim Chee Cheong: Ya, burung baru. Orang yang baru sahaja masuk politik dipanggil 'burung baru' bukan 'burung buta' - 'burung baru'. Orang yang mempunyai pengalaman dia kata 'burung lama', bukan 'burung tua'. Itu burung yang terbang di angkasa biru, itu 'burung lama'. Jadi, mengikut orang Cina, Dr. Mahathir adalah seorang 'burung lama' - bermakna orang yang mempunyai pengalaman yang mendalam. Bukan sahaja seorang doktor boleh mengubati pesakit tetapi juga boleh

mengubati penyakit negara. Beliau sungguhpun seorang doktor tetapi mempunyai ideologi dan pengalaman yang mendalam dalam ekonomi. Jadi, pada hemat saya Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir menjadi Menteri Kewangan I adalah layak dan adalah pada masa yang tepat untuk mengatasi masalah ekonomi pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita mengumumkan dan melaksanakan langkah yang baru untuk kawalan modal dan tukaran asing untuk menghalang spekulator mengambil kesempatan (take the opportunity to make money) tidak menghiraukan penderitaan rakyat Malaysia dan rakyat dunia. Sekarang, pada hemat saya orang-orang opportunist itu, the game is over, Tuan Yang di-Pertua. Bermakna, tidak boleh mendapat kesempatan untuk mencari wang dari negara kita ini. Jadi, mereka dengan niat yang jahat menegur Dr. Mahathir, menegur negara kita seperti tidak adil dan tidak berdemokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya negara kita adalah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen adalah sebuah negara yang demokrasi. Baru-baru ini berita Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dalam tahanan lokap dicerderakan oleh pihak polis, katanya apabila beliau dibawa ke mahkamah. Pada hemat saya, media asing dengan niat yang jahat memburukkan negara kita ini "negara polis dan negara yang tidak demokrasi".

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang peguamcara dan peguambela. Saya mempunyai pengalaman selama 12 tahun di dalam mahkamah dalam kes-kes jenayah. Mengikut undang-undang kita iaitu Criminal Procedure Code (CPC), Seksyen 112 dan 113. CPC itu menyatakan "*Seseorang kalau ditahan oleh pihak polis, pihak polis tidak boleh menggunakan kekerasan, ugutan ataupun memukul seseorang tahanan itu semasa mengambil consent statement yang akan diserahkan kepada mahkamah sebagai satu keterangan. Kalau sekiranya pihak polis atau anggota polis menggunakan kekerasan, ugutan dan mengambil consent statement itu tidak akan diterima oleh mahkamah dan orang yang kena tuduh di mahkamah*

itu akan dibebaskan oleh mahkamah”. Pada hari ini Dato’ Seri Anwar Ibrahim mengadu dipukul dalam lokap ataupun tahanan Polis. Pada hemat saya, kalau ada seseorang polis ataupun Inspektor yang mencederakan seseorang untuk mengambil statement ini adalah bertentangan dengan Seksyen 112 dan 113 CPC iaitu undang-undang negara kita.

Pada masa dahulu ketika Tun Haniff Omar menjadi Ketua Polis Negara, beliau pernah menyatakan kalau sesiapa anggota polis ataupun sesiapa pegawai polis, dia tidak hirau berapa tinggi pangkatnya, kalau dia menggunakan kekerasan untuk menentang seorang tahanan di dalam lokap, pihak Polis akan mengambil tindakan terhadap pegawai polis ataupun anggota polis itu. Ini adalah menunjukkan negara kita adalah adil dan saksama dalam memberi layanan yang baik kepada orang yang kena tahan itu. Tetapi ada juga anggota polis yang tidak tahu dan mengikut undang-undang. Apabila menangkap orang dia memukul dan mengancam. Perkara ini ada juga terjadi, jangan kata tidak ada, sebab saya selalu masuk penjara [*Ketawa*], bukan saya sendiri dimasukkan ke dalam penjara tetapi saya masuk penjara untuk berjumpa tahanan di dalam penjara sama ada dipukul, disiksa atau tidak.

Beberapa tahun dahulu semasa saya menjadi Ahli Parlimen Seremban, ada orang mengadu kepada saya katanya, adiknya akan mati esok. Sekarang hendak masuk penjara dan minta Ahli Parlimen tolong bersama dengan dia masuk ke dalam penjara kerana adiknya dipukul oleh pegawai penjara. Saya kata sekarang sudah pukul 6.00 petang dan pejabat telah tutup. You sila datang esok pagi, saya akan pergi sama dan tengok sama ada orang itu kena pukul atau tidak. Maka pada keesokan harinya [*Ketawa*] saya bersama-sama dengan orang itu (kakak orang yang berada di dalam tahanan) masuk ke dalam penjara, ada rekod dalam penjara Tuan Yang di-Pertua, bukan saya cakap bohong [*Ketawa*]. Saya masuk dan berjumpa dengan tahanan itu. Pegawai penjara membawa tahanan tersebut dan berjumpa dengan saya, saya beritahu saya hendak menyiasat sama ada tahanan itu kena pukul atau tidak di dalam penjara.

Dia kata “Saya kena pukul, dia kata mana dadah beritahu saya jika tidak saya tumbuk lagi”. Tahanan itu beritahu bahawa dia tidak ada dadah tetapi pegawai penjara kata dia ada dadah, jadi dia dipukul. Saya menasihatkan pegawai penjara tersebut supaya jangan memukul kerana ini adalah bertentangan dengan undang-undang. Jadi Timbalan Pengarah Penjara Seremban telah berjanji, “Hello Yang Berhormat Yim, saya jamin tahanan ini tidak akan dipukul”. Jadi kakak dan keluarga tahanan tersebut mengucapkan terima kasih kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional.....

Tuan Yang di-Pertua: Dipilih semula tidak?

Tuan Yim Chee Chong: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Dilantik semula tidak?

Tuan Yim Chee Chong: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Dipilih semula tidak selepas daripada itu sebagai Ahli Parlimen?

Tuan Yim Chee Chong: Oh, saya[*Ketawa*] Selepas itu saya satu term sahaja, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]. Saya selama 30 tahun hendak masuk Parlimen untuk menyuarakan kepada rakyat miskin, berkhidmat untuk negara. Saya telah masuk Parlimen tetapi 5 tahun sahaja. Sesudah itu saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan terus berkhidmat untuk negara.

Apa lagi Tuan Yang di-Pertua hendak tanya? [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi sekarang kita berbincang berkenaan dengan rang undang-undang. [*Ketawa*]

Tuan Yim Chee Chong: Betul, betul. Ini adalah pendahuluan, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga seorang pengarang buku, jadi sebelum itu biasanya ada “pendahuluan”. Inilah “pendahuluan”. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sesudah mendengar penerangan daripada Timbalan Menteri Kewangan kita iaitu Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, PhD. Ini orang bukan main berpendidikan dan kelayakan yang amat tinggi, PhD holder. Jadi

saya puas hati tentang penerangannya berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang. Pada hemat saya sekarang langkah yang diambil oleh kerajaan Barisan Nasional adalah untuk kebaikan negara, untuk kepentingan rakyat jelata dalam negara kita ini dan juga menghalang spekulator opportunist dari luar negeri untuk mengambil kesempatan mencari wang dalam negara kita tanpa menghiraukan penderitaan rakyat kita. Rang undang-undang ini bertujuan untuk kestabilan pasaran saham di negara kita. Maka dengan kata-kata ini saya dengan bersemangat memohon menyokong rang undang-undang ini demi kepentingan rakyat dan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Zainuddin bin Maidin.

11.30 pagi

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk turut serta dalam perbahasan ini. Saya akan turut menyokong rang undang-undang ini. Tetapi dalam pada itu saya harus mengingatkan bahawa pindaan-pindaan yang dibuat ini adalah tentunya telah berlaku suatu perubahan yang besar, suatu perubahan yang radikal, suatu perkara yang tidak kita jangkakan di Kementerian Kewangan sendiri.

Bil ini tidak akan ada tanpa suatu perubahan yang besar setelah berlaku pertukaran Menteri Kewangan yang membawa suatu perubahan yang radikal, yang mengemukakan rang undang-undang untuk menjamin bahawa apa juga langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kewangan tidak akan dianggap sebagai mempunyai dua signal. Kita tahu signal-signal yang berasingan yang tidak sama telah keluar negara, menambahkan tidak ada suatu kesatuan dalam tindakan-tindakan kewangan. Maka apa yang telah dinyatakan oleh Dato' Abdul Aziz tadi saya menyertai sepenuhnya. Tetapi dalam pada itu, saya sendiri meragukan apakah pegawai-pegawai Kementerian Kewangan sendiri telah diorientasikan untuk menyesuaikan dengan keperluan-keperluan dengan semangat baru yang telah diwujudkan ini.

Apakah Timbalan Menteri Kewangan sendiri juga telah diorientasikan untuk memahami suatu pembaharuan yang berlaku, suatu perubahan yang radikal yang

memerlukan tidak hanya ‘burung tiung’ lagi di Kementerian Kewangan. Dahulu Kementerian Kewangan adalah merupakan ‘burung tiung’ daripada Bank Negara. Tetapi apakah keadaan ini masih wujud. Tentunya perubahan yang besar sudah berlaku. Orientasi dalam Kementerian Kewangan sendiri adalah amat penting. Maka kebimbangan tidak adanya road show di dalam negara ini sendiri memerlukan gambaran-gambaran yang hebat di luar negeri untuk imej negara, untuk imej diri sendiri dan sebagainya. Maka ini adalah memerlukan suatu orientasi baru.

Saya percaya sepenuhnya tentunya langkah-langkah ini telah disedari dan telah pun dipastikan akan berjalan oleh Menteri Kewangan yang baru dan juga Menteri Kewangan I dan Menteri Kewangan II. Hal ini adalah sangat perlu. Saya rasa ini perlu kalau kita memerlukan suatu perubahan yang berkesan dalam memantapkan keyakinan terhadap apa yang kita lakukan untuk perubahan dan untuk memantapkan pasaran masa hadapan kita. Ini tidaklah mudah, tetapi penyesuaian-penyesuaian boleh dibuat dari sekarang juga dengan meyakinkan terhadap apa yang kita lakukan. Apa yang kita lakukan selama ini telah banyak menimbulkan keraguan, walaupun kadang-kadang kita merasa sedih terhadap langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia, khususnya oleh Perdana Menteri sendiri telah disalahertikan, telah dimomokkan dari awal, telah menimbulkan ketidakpercayaan yang sangat besar sehingga masalah jerebu. Para alim ulama mengatakan jerebu itu adalah kerana kesilapan-kesilapan dan dosa-dosa yang dilakukan oleh Perdana Menteri.

Apa tuduhan yang telah tidak ditimpakan kepadanya. Kesemuanya, sehingga pada suatu sidang akhbar beliau mengatakan takut untuk membukakan mulut, sebab setiap kali dia membuka mulut, harga saham akan jatuh. Tetapi signal-signal yang berasingan telah dihantar ke Washington. Cohen balik mengatakan bahawa tidak ada persamaan dalam signal-signal yang dihantar kepada antarabangsa. Hal ini tidak seharusnya berlaku lagi dan saya tidak percaya akan berlaku lagi. Saya rasa apa juga langkah yang akan diambil, kita harus membina keyakinan diri kita sendiri. Pegawai-

pegawai Kementerian Kewangan harus menyesuaikan dengan perasaan yang jujur, dengan penuh kepercayaan, dengan penuh komitmen terhadap pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan. Mereka harus melupakan kesilapan-kesilapan atau pak turut di masa lalu, tetapi haruslah mengikut langkah yang dikehendaki oleh kerajaan, memastikan bahawa dasar-dasar ini berjalan dengan sewajarnya. Dasar ini sebenarnya telah menimbulkan keyakinan.

Saya harus membawa beberapa perhatian dalam masalah ini. Umpamanya keyakinan diri kita boleh lihat. Saya tidak begitu bersetuju mengatakan semua akhbar luar negeri mempunyai sikap yang pasif, sikap yang negatif terhadap kita. Kita mempunyai ramai juga orang-orang yang bersimpati dengan kita. Wartawan-wartawan luar negeri yang juga mempunyai pengertian terhadap langkah-langkah ekonomi yang kita ambil. Umpamanya, *Herald Tribune* sendiri kalau kita membaca tulisan Thomas Pooler yang mengerti tentang langkah-langkah yang kita ambil. Beliau memahami bagaimana kemantapan fundamental ekonomi kita sendiri. Fundamental ekonomi tidak payah untuk kita fahamkan. Umpamanya, pagi ini sahaja, saya melihat dan merasa kagum apa yang saya tidak lihat umpamanya di London atau di mana-mana. Anak-anak sekolah pagi-pagi pergi minum kopi dan makan roti canai di kedai, di restoran. Anak-anak sekolah baik sekolah Cina, sekolah Melayu, itu fundamental, di mana kalau kita sudah betul-betul susah, kalau kita sudah betul-betul macam Indonesia kesan daripada apa yang berlaku, berlainan sekali. Pagi tadi saya sendiri pergi di sebuah restoran, saya terkejut melihat ramai anak sekolah.

Jadi, hari ini saya tidak mahu pergi kepada perkara yang kecil ini lebih lanjut. Tetapi saya ingin membawa beberapa quotation, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri membaca, iaitu, umpamanya *Time Magazine* di dalam rencana pengarang yang terbaru. Beliau menyebutkan bahawa di antara negara yang paling banyak disebut di dunia sekarang ini ialah Malaysia. Tetapi katanya ‘Anwar Ibrahim akan berjaya, ekonomi Malaysia akan berjaya, tetapi Clinton akan kalah.’ Dalam masalah

skandalnya Clinton akan kalah, tetapi Malaysia akan berjaya, Anwar Ibrahim akan berjaya. Tetapi apakah Anwar Ibrahim akan berjaya itu adalah soal kita. Soal yang mereka tidak fahami, yang kita lebih fahami.

Tetapi banyak juga rencana yang telah ditulis yang memberikan keyakinan kepada kita. Umpamanya yang paling terakhir yang saya baca ialah daripada *Herald Tribune* sendiri, iaitu penulisnya daripada *Los Angeles Times* conclude yang mengkritik pengerusi Pat Hemen, iaitu Greenspan yang menunjukkan terlalu narrow nationalistic, yang membidas Clinton dalam langkah-langkahnya untuk membantu Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya membaca sedikit tentang apa yang telah ditulisnya, iaitu beliau menyebutkan bahawa Presiden Clinton telah menimbulkan harapan. "*Mr. Clinton raised the world's hope with a call for broadly coordinated policy including interest rate deduction by the West to reenergise down trodden world's economies. But the bad chairman tests cold water on the proposal and offered surprisingly sharp criticism of Asia.*" Dia sendiri tidak bersetuju dengan apa yang dibuat, dan dia mengatakan bahawa "*Our action must be focused at the end of the day on the American economy.*" Inilah orang-orang yang bercakap untuk membela Asia. Greenspan juga marah terhadap Hong Kong dan mengatakan "*They won't succeed.* Dia juga quote to Malaysia, dia kata "*Malaysia's tough new currency control as if they were little more than a way of avoiding obligation an economic reform.*"

Tetapi Tom Plate mengatakan:

*"Asia is listening carefully but does not like what it hear.
On Thursday at the luncheon in Los Angeles Malaysian's Foreign
Minister, Abdullah Ahmad Badawi snap back."*

Timbalan Yang di-Pertua, dengan izin saya membacakan dalam Bahasa Inggeris:

“He snap back we must insulate ourselves against speculations, that can damage the national economy, this is our country, our people, our un employment, we can’t count on outsiders to help.”

Dato’ Abdullah Badawi telah menjawab di Washington dan apa kata penulis ini:

“Asian leaders are well aware that Mr. Greenspan does not work directly for the president, but the fact chief comment are worry-some if they in any way reflect condescension toward Asia and irritation and impression there is both unjustify and counter productive. East Asia is now a fully member of international community not some provincial colonial out post.”

Ini bukan kita nyatakan, tetapi adalah kesedaran yang sudah mulai wujud di Amerika sendiri. Simpati terhadap Asia telah mula.. Kebangkitan Asia semula telah mulai terlihat dan bahawa apa yang kita usahakan yang dianggap, yang dimumukkan yang dianggap sebagai gila di Hong Kong, tempoh hari dianggap sebagai maniac tetapi tidak lagi maniac tetapi suatu rasional, suatu kewajaran dan suatu keadaan dilihat telah pasti mara dan mara dan akan berjaya dan saya sambung sedikit lagi, katanya lagi:

“Asia is not alone in doubting the wisdom of unregulated movement of the global capital across national borders.”

Dulu Dr. Mahathir bila menyatakan ‘unregulated’ semua orang ketawa dan tidak percaya. Katanya lagi:

“New worries have come from such major American scholars as Jack Dise but worthy at Colombia University and Paul Krugmann at the Massachuesetts Institute of Technology. Mr Krugmann is one of few who years ago, forshadowed, Asian current crisis.”

Malah katanya lagi.:

Even George Soros who investment practice had been blame fomenting Asian trouble is worried, the contract but ever wealthier international financier said, instead of acting like a pendulum financial market have recently acted like a racking war. Knocking over one of economy another, there is an urgent need to rethink and reform the global capitalis, the global capitalist system.

Semuanya menunjuk bahawa kita benar, kalau tidak ada seorang berani yang menyuarakan, yang merintis, mengkritik sistem kapitalis yang tidak adil tidak akan berlaku. Malangnya jiran kita yang paling dekat Singapura melihat ini dengan perasaan cemas dan mengambil langkah-langkah seperti cacing kepanasan yang cuba untuk menyelamatkan dirinya sehingga Perdana Menteri sendiri Goh Chok Tong pergi ke Washington dan menjalankan kempen supaya negara-negara lain tidak mengikuti langkah-langkah kewangan yang telah diambil oleh Malaysia. Hal ini amat menyedihkan. Sepatutnya kalau kita percaya kepada kemakmuran jiran, kemakmuran bersama, maka keyakinannya lebih besar haruslah ditunjukkan oleh Singapura yang terpaksa menerima hakikat bahawa ia adalah sebuah negara kecil yang tidak mempunyai bahan-bahan mentah yang seharusnya melihat kepada rakannya yang dulunya dianggap bodoh yang telah dapat menunjukkan keupayaan untuk membangunkan dirinya sendiri dan juga dapat membantunya, mereka haruslah menerima keadaan ini dengan ikhlas dan dengan keyakinan bahawa kita tetap berpegang kepada kemakmuran bersama. Tetapi hal ini tidak dilakukan. Apa yang dilakukan oleh Goh Chok Thong adalah sama seperti Greenspan, sama seperti Uncle Sams, tidak lebih. Dia menyuarakan perkara yang sama, tapi apakah perasaan Singapura ini disertai oleh negara-negara jiran yang lain? Hal ini haruslah disedari oleh Singapura. Singapura haruslah menerima hakikat bahawa langkah-langkah

yang telah diambil oleh Malaysia adalah untuk kepentingan dirinya dan untuk kepentingan bersama dan ia tidaklah harus mencemburui langkah ini, tetapi sepatutnya merestukan apa yang kita lakukan dan saya tidak percaya. Saya percaya bahawa selamanya kita memerlukan sebuah Singapura yang kuat.

Bagi saya sendiri dari awal dari dahulu lagi bahawa saya tidak pernah hilang keyakinan, tidak pernah meragukan bahawa sebuah Singapura yang kuat adalah diperlukan. Daripada zaman kita menghadapi komunism lagi, bahawa saya tetap memandang tinggi kepada Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew yang telah dapat menghancurkan komunism di Singapura yang telah menghapuskan Singapura daripada menjadi satu pusat gangsterism walaupun kemudiannya telah bertukar sekarang menjadi pusat penyangak-penyangak kewangan, pusat penyebaran khabar angin yang paling besar di Asia, yang bertujuan untuk meruntuhkan, terutamanya ekonomi Malaysia sendiri. Inilah keadaan Singapura sekarang. Hal ini adalah amat menyedihkan, sesungguhnya menyedihkan, tapi Singapura haruslah membersihkan dirinya daripada menjadi pusat yang seumpama ini dan mempunyai keyakinan bahawa Malaysia selamanya mahukan Singapura menjadi kuat. Malaysia memerlukan sebuah jiran yang kuat, yang sihat yang tidak akan menjadi masalah kepadanya. Kita tidak mahu Singapura untuk kembali menjadi pusat gangsterism, kita tidak mahu. Kita mahu ialah Singapura yang kuat, Singapura yang terus makmur dan Singapura yang akan dapat menilai hati budi rakan-rakannya. Sekian, Yang di-Pertua, terima kasih.

11.45 pagi

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang mengambil peranan dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993. Nampaknya akta ini lagi sekali memperluaskan skop untuk perketatkan dan kawalan manipulasi dan spekulasi di

pasaran Malaysia dan ini juga adalah polisi kerajaan untuk memulihkan ekonomi pada masa sekarang yang kita menghadapi kegawatan ekonomi.

Langkah-langkah yang kita ambil selain dari tiga rang undang-undang yang kita lulus semalam dan hari ini, dua lagi nampaknya adalah hak kita sendiri. This is our right dan dengan izin ini adalah keputusan kerajaan kita patut dihormati dan nampaknya juga satu aspirasi rakyat. Ini diwajibkan, ini diperlukan kerana kita telah cuba lama perubatan ubat-ubat IMF lebih kurang satu tahun setengah dan tidak berkesan untuk memulihkan ekonomi negara kita. Kita pilih jalan baru kita. Sampai hari ini kita tidak tahu apa akibatnya tetapi saya sebagai seorang warganegara Malaysia 'I have full confident we were recover' dengan pilihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam melalui akta court sudah mati. Hari ini melalui akta yang di depan kita, CLOB, MME, KLSE akan hidup kerana melalui seksyen 3B itu saya kod di sini, seksyen 3B itu ada sekatan terhadap penubuhan pasaran niaga hadapan bagi kontrak niaga hadapan tertentu, yang tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, berkenaan dengan pasaran di negara asing, jadi ini untuk menjaminkan CLOB, MME, KLSE hidup dan berkembang di negara kita, itu pendapat sayalah.

Tuan Yang di-Pertua, kita melalui akta ini akan halangkan manipulasi, spekulasi di pasaran mata wang komoditi juga bursa saham dan semua jenis derivative. Tadi kita sudah dengar dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa langkah ataupun apa-apa jenis pedagang yang telah pun ditubuhkan dan akan dijalankan sebagai di SIMEX mengikuti DJI akan memainkan pasaran saham kita, dengan pendek kata. Juga di New York Cotton Exchange akan mainkan pasaran mata wang kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada buat satu kajian tentang KLSE Komposit Indeks lebih kurang pada tahun 1978, indeks kita adalah 156 atau 158 paling tinggi sekali pada tahun 1994 masa itu lebih kurang 1,300 lebih, hari ini sudah 380. Selalu kita kata indeks akan ikut harga saham di pasaran. The index is the result of the price

of the trading of the day on some selected stock, dengan izin, tetapi kalau orang mainkan indeks kita di luar negara apa akan jadi ialah harga saham kita akan turun dan naik ikut indeks itu yang cukup bahaya. Jadi saya sokong penuhlah apa langkah kita ambil 100% correct.

Kalau katakan di pasaran negara asing dimainkan indeks kita, bila indeks kita sudah naik kerana harga saham kita naik, tiap-tiap hari naik sampailah kata 850 point. Negara asing dia 'crystal ball gazing' kata sudah cukup teknikal, dia buat indeks kita turun, jadi bila oversea index itu sudah turun, kita punya indeks sudah turun kerana mereka cari untung, cari kekayaan yang cepat pada besoknya bila kita punya bursa saham buka I think most likely is going to fall like nobody business, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berpendapat itu adalah satu action sebagai ending sebagai dumping the action, jadi akta ini semalam saya kata Akta Perindustrian Sekuriti nampaknya adalah satu akta antimanipulasi dan anti spekulasi hari ini saya kata, akta ini nampaknya satu akta antidumping.

Tuan Yang di-Pertua, tadi beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengatakan pasaran KLOFFE, pasaran MME, KLSE bolehkah kita promote dengan cara yang lebih luas dan lebih agresif kerana warganegara kita kurang faham.

Di sini saya ingin cerita sedikit tentang pasaran niaga hadapan ini yang bukan baru, pada tahun 80-an ada banyak kilang kernel kelapa sawit di negara kita di Klang ada kampung sayalah, Banting pun ada sedikit, Johor pun ada. Pada masa itu tuan punya cluster dia berminat bukan buat business clustering palm kernel mereka cari untung memainkan future trade in palm kernel, at the end I think most of them suffer the same fate, dengan izin they have to close down. Keadaan ini menunjukkan pasaran niaga hadapan bukan satu pasaran yang boleh kita cari kekayaan, bukan.

Ini adalah satu pasaran kalau ikut definasi kerana pengeluar atau producer, pengguna the user of the commodity mereka mahu insulate sedikit harga pasaran, seperti orang yang tanam koko, mereka ada cost production yang tertentu tetapi bila

koko itu sudah boleh di 'harvest' dengan izin, dan dijual itu ada lebih kurang enam sampai lapan bulan, mereka tidak tahu apa harga pada masa itu mereka jual. Jadi kerana mereka mahu lebih control dia punya production dan dia punya perniagaan mereka boleh jual forward sedikit. Bila jual forward price itu sudah tahu. Jadi mereka dapat kawal dan jalankan perniagaan mereka dengan cara business yang lebih betul. Tetapi untuk formula ini, untuk mekanisme ini dapat dijalankan mesti ada satu golongan orang yang mahu menanggung risiko itu. Risiko ialah fluctuation of price. Kalau price itu naik dapat keuntungan, kalau jatuh kerugian tetapi selalunya dalam mekanisme ini fluctuation in price tidak begitu banyak.

Itu adalah dia punya fundamental. Jadi tadi saya sudah kata pasaran niaga hadapan bukan satu tempat untuk kita cari kekayaan dalam masa yang singkat. Jadi saya harap bila kita mem'promote'kan pasaran ini we should promote in the right perspective mengikut kegunaan dan keperluan market ini yang tak serupa dengan market-market lain. Ini apa yang saya katakan juga boleh di 'apply' di dalam market mata wang dan juga market-market lain kerana kita beli untuk kegunaan business bukan untuk kegunaan spekulasi dan manipulasi.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin menyentuh sedikit tentang seksyen 52D yang nampaknya begitu mustahak, seksyen 52D itu khasnya 52D(5) itu berkenaan dengan pengendalian akaun amanah. Ini nampaknya satu langkah yang begitu positif kerana ada juga syarikat-syarikat yang ditubuhkan di akta ini yang menjalankan business future trading dengan market-market di negara asing sebagai jual beli kapas (cotton), jual beli kacang hijau, jual beli tembaga, jual beli tika, koko dan lain-lain, selalunya bila satu akaun dibuka wang deposit dimasukkan, dapat untung business terus dijalankan sampai satu hari broker atau agen beritahu kepada akaun holder masukkan wang lagi kerana wang sudah habis, selalunya the complain is I have never authorize them to do that, tidak tahu macam mana saya rugi begitu banyak wang,

tiada pertuduhan cheating atau apa-apa selalu kita dengar, jadi dengan adanya seksyen ini I think that will overcome the problem.

Tuan Yang di-pertua, selain dari itu tidak adalah lain yang saya ingin mengatakan hanya merakamkan sokongan saya kepada pindaan Rang Undang-undang ini yang saya berpendapat it is clearly very much needed at this time, dengan izin, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

12.00 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya Senator, Dato' Aziz Abdul Rahman, Senator Dato' Zuki, Senator Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Senator Yim Chee Chong kawan lama saya, Senator Datuk Zainudin bin Maidin dan yang akhir sekali Senator Tee Thiong Hock.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung perbincangan ini dengan menyentuh soal-soal yang umum dahulu iaitu saya akan mengambil masa untuk memberi penerangan sedikit sebanyak apa itu pasaran niaga hadapan dan juga derivative seperti mana Yang Berhormat Tee Thiong Hock telah lakukan 50%.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran niaga hadapan ini wujud berkurun-kurun, berabad-abad dulu lagi tetapi tidaklah secanggih sekarang. Di masa dunia Melayu berniaga dengan dunia China di zaman Srivijaya, di zaman Melaka dulu, pasaran niaga hadapan telah pun dilakukan iaitu apabila musim angin barat daya, peniaga-peniaga Melayu pergi ke Nanjing di negeri China dan musim timur laut peniaga China datang ke Melaka ataupun ke Palembang. Segala harga-harga itu telah ditetapkan lebih awal - itu niaga hadapan permulaan. Kalau Ah Fong dari Nanjing datang dia hendak bawa sutera chinanya kepada istana Melaka, dia tentu telah mendapat harga yang awal iaitu

ditukarkan dengan misalan kata kapur barus, ditukarkan dengan rempah, jadi perkara ini telah dilakukan.

Saya pasti di Timur Tengah di zaman Rasulullah dulu pun wujud sebegitu yang mana harga telah ditetapkan dari awal, iaitu kalau pedagang-pedagang dari Mekah hendak pergi berniaga ke Syam ditetapkan berapa harga dahulu baru dia bawa pergi. Sebabnya Tuan Yang di-Pertua, ialah perdagangan dulu dan sekarang adalah dipenuhi dengan risiko-risiko yang tertentu. Kebanyakan instrument derivative yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tee tadi ini adalah bertujuan bukan untuk hendak menjadi jutawan, hendak buat duit berganda-ganda, sebab cara lain ada lagi di dalam pasaran ekuiti boleh buat duit di situ dalam syer. Kebanyakan instrument product derivative ini adalah dikhususkan untuk menguruskan risiko-risiko di dalam perdagangan, di dalam pelaburan. Jadi di sini kita mesti fahamlah kerana ianya digunakan sebegitu dan kita menggunakannya disebabkan oleh kita masih lagi memegang kepada konsep pasaran terbuka, kepada konsep kapitalisme. Kita masih lagi menggunakan sistem kapitalisme, mahu tidak mahu kita kena akui tetapi apa yang kita sedang lakukan ialah untuk menghalang the accesses of capitalism daripada merosakkan kita. Misalannya the accesses of capitalism boleh berlaku apabila sesuatu negara ataupun sesuatu firma itu memonopolikan faktor-faktor endowment seperti modal dan sumber-sumber lain dan juga memonopolikan market ataupun integrasi pasaran yang lebih tinggi.

Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan sedikit apabila kita adakan Rang Undang-undang ini bukan kita hendak mengetepikan, menghapuskan sistem kapitalisme iaitu sistem pasaran terbuka yang kita ada sekarang ini. Kerana kalau kita mengatakan begitu kita akan memberi signal yang salah kepada negara-negara lain, pasaran luar. Orang-orang lain akan mengatakan bahawa Malaysia sedang melakukan proses-proses yang Burma lakukan 30 tahun dahulu. Sebenarnya yang kita adakan ini seperti mana yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri sendiri, yang kita adakan sistem ini, yang kita tukar undang-undang ini dan juga kita wujudkan barrier, sebenarnya bukan capital control, ianya exchange control. Kalau kita masih mengatakan ianya capital control, ia memberi signal yang salah kepada orang-orang luar pada hal kita sendiri, ekonomi Malaysia perlukan pelaburan dari luar. Kita kena terima hakikat itu.

Kecemerlangan ekonomi kita, kekayaan yang kita dapat selama 20 tahun ini disebabkan oleh perdagangan luar kita. Kita rasa sesuatu negara yang mempunyai nisbah perdagangan luar yang paling tinggi di dunia dibandingkan dengan GDP. Perdagangan luar kita adalah 170% daripada GDP kita. Negara-negara lain hanya 90%, paling tinggi 70%, kita 170%, kalau kita tidak buat macam itu kita akan masih lagi semacam Burma ataupun Kemboja, Laos dan kawan-kawan lain kita di sekeliling. Pada hakikatnya saya hendak tekankan di sini, kita masih bergantung kepada pasaran bebas, kita masih menggunakan sistem ekonomi kapitalisme, kita masih mengharapkan pelabur-pelabur luar datang, justeru itu kita mesti mewujudkan keyakinan di dalam ekonomi kita sebab itu kita buat semua ini. Jangan salah sangka, jangan salah tafsir bahawa kita mengetepikan pasaran bebas, dengan adanya dinding ini kita mengetepikan sistem kapitalisme, itu akan menghantarkan the wrong signal kepada Washington, kepada London, kepada Berlin, kepada Beijing dan lain-lain lagi.

Kita mesti faham hakikat falsafah ekonomi yang kita pakai, jangan bersyarah bertalu-talu, itu salah, ini salah, kerana di dalam kapitalisme ia mempunyai kebebasan. Cuma yang kita hendak buat di dalam 4 Rang Undang-undang yang kita bentang di Parlimen di kedua-dua Dewan ini ialah untuk mengongkong ataupun menahan accesses of capitalism daripada merosakkan kita.

Kebebasan diberikan kepada individu, manusia akan merosakkan manusia itu jikalau ianya tidak mengerti bagaimana hendak menggunakan kebebasan itu. Begitu juga kebebasan dalam pasaran, kalau ianya diberi terlalu bebas selalunya orang yang mempunyai fakta endowment yang tinggi akan selalunya menang. Jadi di sini kita

hendak mengurangkan kerakusan kumpulan-kumpulan di dalam pasaran daripada menggunakan sumber yang ada kepada mereka daripada memonopolikan sumber dan juga memonopolikan pasaran. Itu sahaja yang kita buat. Ini signal yang kita mesti hantar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menekankan, jangan kata yang kita lakukan buat barrier ini, bukan capital control, ianya hanya exchange control. Kita 'on show' perdagangan ringgit, kita tidak lakukan ringgit yang di luar, itu sahaja yang kita lakukan dan menahan kesan-kesan short term capital flow yang merosakkan bursa saham kita, yang merosakkan, menurunkan nilai mata wang kita. Itu sahaja yang kita lakukan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, ini patut sebagai asas yang mesti kita faham supaya kita tidak bercakap dan menghantar signal yang salah kepada dunia luar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk kepada perkara-perkara spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Aziz Abdul Rahman menyebut tentang apa kita lari daripada *laissez-faire*. Tadi saya sebut bahawa Dato' Aziz pun seorang chartered accountant mengetahui bahawa di dalam sistem *laissez-faire* yang mana kita mengharapkan market forces bermaharajalela. Ini mesti ditekankan, dikontrolkan, itulah sebab diadakan dan Dato' Aziz Abdul Rahman mengatakannya dengan tepat sekali dan niaga hadapan kita adalah untuk menguruskan risiko-risiko yang mana kita masuk di dalam satu pasaran bebas yang cukup mempunyai badai-badainya. Itu tujuan kita seperti mana yang saya katakan tadi.

Yang Berhormat Dato' Aziz bin Abdul Rahman bertanya tahap pencapaian KLOFFE. Ingin saya nyatakan kepada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Aziz, bahawa pencapaian KLOFFE selama ini sangat membanggakan. Dato' sebut tadi 150 hingga 230 kontrak satu hari itu adalah angka tahun 1995 apabila KLOFFE ditubuhkan. Tetapi pada tahun ini bagi bulan Ogos sahaja, untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Aziz, purata sehari perniagaan ialah 4,646 kontrak sehari. Ini adalah satu pencapaian yang cukup baik, begitu juga di dalam MME kita, satu pencapaian 100% dalam masa 4 tahun dan hanya yang turun sedikit ialah dalam KLCE kita, yang

mana niaga-niaga hadapan komoditi kita menghadapi satu penurunan angka pada masa sekarang.

Yang Berhormat Dato' Aziz juga bertanya unit trust hanya dibenarkan 10% sahaja mengapa?

Dato' Aziz juga menanya unit trust hanya dibenarkan 10% sahaja, mengapa? Ingin saya menjawab di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa product derivative seperti mana saya katakan tadi adalah untuk hedging, untuk arbitrage dan lain-lain tujuan menguruskan risiko-risiko yang dihadapi. Kalau kita ambil Tuan Yang di-Pertua, setengah daripada unit-unit trust, purata dia pegang dana ini 100 bilion. Macam Unit Trust Usahanita ada 50 bilion. Jadi di sini 50 bilion, kalau diambil 10% adalah wajar kerana 10% ini digunakan untuk arbitrage, untuk hedging segala pelaburan yang dilakukan di dalam pasaran ekuiti, di dalam pasaran saham, di dalam pasaran bon dan di dalam sekuriti-sekuriti yang lain. Jadi pada hemat kami 10% adalah mencukupi, tidak perlu kita menambah tetapi jikalau sampai masanya, ianya perlu ditambah akan tambah. Jadi itulah jawapan saya kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

Yang Berhormat mencadangkan dibuat road show. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, road show telah pun dibuat dan akan dibuat, terus menerus, tetapi seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa road show kita di dalam usaha kita untuk mempromosikan pasaran modal negara telah pun terbantut disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang berlaku baru-baru ini. Jadi, insya-Allah apabila ekonomi kita stabil dan ekonomi kita pulih, kita akan teruskan usaha untuk mempromosikan pasaran modal negara ini. Dato' Abdul Aziz menyebut dengan tepatnya bahawa penganalisis luar adalah orang yang secara hentam kromo. Ini saya setuju, saya pun mengikut banyak CNBC dan CNN. Dato' menyatakan bahawa penganalisis yang tampil di kaca TV kebanyakannya tidak mempunyai pengalaman.

Saya biasa mendengar seorang penganalisis mengenai Malaysia yang bercakap di New York Stock Exchange. Dia sendiri saya fikir tidak tahu Malaysia terletak di mana dari segi geografinya dan dia menyebut beberapa angka yang salah. Dia mengatakan angka untuk external trade dengan angka pendedahan bank di dalam

domestic borrowing dicampuradukkan dan pasti sekali dia tidak layak menyebut tentang hal Malaysia dan Dato' Abdul Aziz menanya saya mengenai Solomon Smith Barney dapat banyak mana, yang itu saya tidak tahu lagi dan suruh mereka latih orang-orang kita, satu daripada dalam pakejnya, mereka mesti latih anak-anak Malaysia di dalam perkara-perkara baru.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat pasaran derivative adalah satu pasaran yang baru. Walaupun saya sebut tadi di zaman Sri Vijaya dan Melaka telah wujud niaga hadapan tetapi derivative, product yang ada sekarang ini adalah baru dan ianya memerlukan masa lama untuk memahaminya. Saya sendiri menjadi Timbalan Menteri Kewangan selama tiga tahun ini, faham pun tidak habis lagi mengenai ini. Saya mengaku Yang Berhormat, yang lain mungkin, mereka lebih faham dari saya tetapi konsep dan falsafahnya, kita yang memahaminya. Jadi di sini, kita mesti melatih anak-anak kita dan Dato' Abdul Aziz bangkit satu benda yang cukup relevan yang mana pasaran saham kita ditubuh selepas peristiwa Barings.(Nick Leeson).

Alhamdulillah, kita dapat mempelajari daripada apa yang berlaku di dalam Barings. Apa yang berlaku di dalam Barings seperti mana yang saya sebut di Dewan Rakyat semalam ialah disebabkan oleh kejahilan mengenai penggunaan derivative ini di kalangan pegawai-pegawai yang mengawal selia Nick Leeson itu sendiri, Nick Leeson seorang lebih tahu mengenai derivative, arbitrage dan lain-lain lagi. Lebih daripada pegawai senior yang mengawasinya. Jadi dia boleh mempermain-mainkan pegawai senior sehingga didapati dan dikenal pasti kesalahan itu oleh pegawai-pegawai daripada Securities Commission Singapore dan juga di London. Jadi di sini sebagaimana juga komputer, kebanyakan kita yang lebih 40 tahun ke atas, kebanyakan computer fright, kita takut hendak guna komputer. Begitu juga di dalam derivative. Ramai peniaga macam Senator Tee Thiong Hock mungkin takut hendak guna derivative sebab benda itu baru. Takut rugi, takut tak faham.

Jadi di sini yang penting Dato' Abdul Aziz tekankan tadi iaitu pegawai-pegawai di dalam institusi kewangan kita dan juga di dalam institusi pengawalseliaan seperti Securities Commission, KLSE dan lain-lain lagi perlu dilatih dengan mendalam mengenai kaedah-kaedah derivative. Saya sendiri pun tidak mahu berpura-pura mengetahuinya. Saya yang tahu mengenai Nick Leeson selepas saya baca bukunya

iaitu *The Rob Trader* yang ditulis oleh seorang yang menganalisis perkara apa yang dilakukan oleh Nick Leeson.

Satu fakta yang besar ialah orang-orang yang mengawal Nick Leeson, sebahagian orang dalam kementerian berkenaan tidak mengetahui tentang derivative tetapi pura-pura mengetahui. Inilah hasilnya sehingga satu syarikat broker yang tertua di dunia habis punah, remuk-redam habis disebabkan kerakusan Nick Leeson berniaga di dalam arbitrage.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Abdul Aziz juga bertanya mengenai caruman kesetiaan iaitu kepada syarikat broker. Kesetiaan ini perlu untuk melindungi klien jikalau apa-apa berlaku order client tidak sampai, tabung ini dipergunakan dan wangnya dibayar kepada syarikat broker oleh agen-agen yang berkenaan dan wang itu saya diberitahu oleh pegawai-pegawai akan dimestikan ianya diinsuranskan. Jadi saya sebutkan tadi, permulaannya RM30 ribu dia kena bayar, lepas itu setahun dia kena bayar RM10 ribu, RM10 ribu. Dana ini untuk memastikan bahawa klien-klien itu dilindungi apabila berlakunya kepincangan ataupun penipuan di kalangan orang-orang yang menjadi broker.

Mengenai dengan financial architecture, alhamdulillah setakat ini apa yang disebut oleh Dato' Abdul Aziz tadi dunia Barat telah pun menerima walaupun mereka tidak akui bahawa benda yang saya kata awalan tadi iaitu kita perlu menggunakan instrumen-instrumen dan cara-cara untuk menahan the excesses of capitalism, the excesses of free market, the excesses of *laissez-faire*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan sedang dibincangkan, akan dibincangkan di minggu hadapan di persidangan IMF dan World Bank dan Dato' Abdul Aziz syor supaya diadakan Dana Asia sememangnya untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini.

Dana Asia telah pun dicadangkan, malah Jepun telah mencadangkan pada awalnya memberi US\$100 bilion tetapi malangnya Amerika Syarikat membantah dan idea ini telah ditarik balik. Jadi Jepun ekonominya kedua terbesar di dunia, tetapi dia masih lagi terkongkong dengan pengaruh Amerika Syarikat dan tidak jadi kita hendak tubuhkan. Untuk kita menubuhkan dana ini tanpa penglibatan Jepun banyak risikonya dan banyak kekangan yang terpaksa kita hadapi.

Jadi idea ini masih lagi ada dan insya-Allah satu hari apabila Jepun mempunyai political will. Masalah Jepun ialah ketiadaan political will kerana parti yang memerintah mempunyai sedikit sahaja majoriti di dalam parlimennya, dia tidak ada political will untuk menjalankan apa yang dulu sebelum Perang Dunia Yang Kedua di Pan Asian concept. Sekarang dia tidak berani oleh sebab dia takut hilang kerusi.

Dato' Abdul Aziz juga menyebut tentang Euro ada kaitannya, insya-Allah, satu hari kita akan adakan mungkin dalam lima puluh tahun lagi, dua puluh tahun lagi. Kalau kita perlu adakan Asian Parlimen dulu untuk memastikan undang-undang diwujudkan dan kita akan melihat ini sebagai satu wawasan Asian atau Asia dan IMF, Bank Dunia perlu digabungkan sebenarnya Dato' Abdul Aziz, tentu tahu bahawa kewujudan IMF, Bank Dunia ini adalah hasil daripada Bretton Woods.

Jadi apabila ahli-ahli ekonomi teragung di dunia seperti John Mennard Kein, Schultz dan lain-lain lagi bersidang di Bretton Woods mereka menubuhkan dua institusi ini dan ianya tidak mungkin digabungkan kerana tiap-tiap satu daripada dua ini mempunyai fungsi yang berlainan. Bank Dunia fungsinya ialah untuk memberi pinjaman khususnya kepada dunia membangun dengan cara yang membangun dengan kadar faedah yang rendah.

IMF adalah seorang doktor, seorang dukun yang dipanggil apabila sesuatu ekonomi itu teruk. Jadi kadang-kadang ubatnya itu dikritik, kadang-kadang ubatnya diterima. Jadi di sinilah kita tidak mungkin gabung sebab fungsinya berlainan. Ianya dibuat sebegitu atau road show termasuk Ahli Parlimen, ini akan saya cadangkan kepada Menteri Kewangan yang mana Ahli-ahli Parlimen khususnya Dewan Negara mempunyai pengetahuan di dalam bidang ini khususnya Dato' Abdul Aziz sendiri dan mungkin sedikit sebanyak Dato' Haji Mohd. Zuki juga dan saya akan datang ke Dato' Haji Mohd. Zuki sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, ini masalah Dato' Zuki, dia dididik lama sangat di Australia, di United Kingdom, dia mengkritik tentang 'eyeball to eyeball' untuk mendapatkan social relationship yang kuat. Kalau dia ingat sekolah Melayu ada di Raub, Pahang dahulu tentu dia ingat mengenai gurindam yang berbunyi:

*Dari mana punai melayang,
Dari sawah turun ke padi,
Dari mana datangnya sayang,
Dari mata turun ke hati. [Ketawa]*

Jadi saya hendak tuju kepada kedua mereka ini, apa guna kita menggunakan 'eyeball to eyeball', pakai yang inilah 'dari mata turun ke hati'. Jadi apabila orang itu bertemu mata, kalau kasih sayang ia turun ke hati. Jadi inilah saya hendak kritik kawan saya sedikit yang mengaji di England ini. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin membangkitkan mengenai tiada undang-undang perniagaan currency pada peringkat antarabangsa, memang tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, Rasulullah (s.a.w) dahulu, saya diberitahu oleh seorang ustaz, kawan saya, Rasulullah sendiri mengharamkan perdagangan mata wang dengan mata wang, 'currency cannot be traded', Rasulullah kata, walaupun dia tidak cakap bahasa Inggeris dia cakap bahasa Arab. Jadi apabila Rasulullah memberi amaran itu, sebab mata wang (currency) itu adalah instrument transaksi, kalau kita trading instrument itu maka kita ada masalah. Masalah kita menjadikan instrument itu sebagai komoditi, ini jadi masalah dan Rasulullah telah memberi amaran, yang membuat trading currency ini semenjak zaman Nabi Isa dahulu. Kalau Yang Berhormat beragama Kristian ingat, Nabi Isa sendiri memukul orang-orang Yahudi yang trading currency dan memberi riba di dalam masjid-masjid mereka di zaman Nabi Isa dahulu. Bila datang Nabi Muhammad, diharamkan terus, Nabi Isa pukul dengan tongkat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini apa yang diberi amaran oleh nabi-nabi kita dahulu sedang berlaku sekarang dan akhirnya keseluruhan ekonomi dunia akan menjadi mangsanya. Lihat ekonomi Russia, ekonomi Brazil dan ianya akan menjalar ke Amerika dan di Amerika sedang menunjukkan satu trend yang menurun sekarang yang dibimbangi oleh orang-orang Amerika sendiri. Jadi di sini apabila Dato' Seri

Dr. Mahathir meminta supaya diadakan transparency, mula-mula dahulu, seperti Yang Berhormat Datuk Zainuddin sebutkan tadi, orang ketawa, tetapi sekarang Clinton sendiri telah menerima hakikatnya bahawa perlu diadakan control, transparency, new architecture in currency trading ataupun international currency regime, itu yang pentingnya kita wujudkan, memang Dato' Zuki pun mengatakan begitu.

Mengenai tabung kesetiaan seperti mana yang saya jawab tadi kepada Dato' Aziz dan Dato' Zuki menanya saya mengenai dengan apakah futures trading ini menepati kehendak-kehendak Islam, ingin saya mengatakan di sini bahawa satu Majlis Syariah diwujudkan di Suruhanjaya Sekuriti dan mereka menasihati suruhanjaya ini di dalam hal-hal ini dan sebelum suruhanjaya ini memperkenalkan sesuatu ianya mestilah diberi sanction oleh Majlis Syariah ini iaitu kalau kita lihat sebahagian daripada produk-produk niaga hadapan seperti Al-bai Bithamin Ajil iaitu pembelian awalan ataupun Al-Murabahah ada semua ini, saya hendak beri secara detail tetapi saya tidak mempunyai kepakaran dalam hal ini, Dato' Zuki kena tanya kakak-kakak saya dua orang itu, Ustazah Jamilah dan lain-lain lagi mengenai dengan hal ini dan juga Ustaz Haji. Abu Bakar Ismail dari Perlis.

Yang Berhormat Dato' Zuki juga menyebut mengenai kuasa Menteri, saya ingin menyatakan di sini kuasa Menteri yang diberi di dalam pindaan Rang undang-undang ini hanya dalam perlesenan sahaja. Seksyen-seksyen lain di dalam FIA 1993 dan SIA 1983 itu masih terpakai. Tujuan kita meminda Akta ini ialah semata-mata untuk mempermudah regime perlesenan iaitu 18,300 orang ejen-ejen unit trust ini. Kalau kita hendak beri lesen kepada setiap seorang satu, mengambil masa yang lama, menyulitkan soal-soal birokrasi. Jadi sekarang kita beri kuasa kepada Menteri mengexam mereka daripada lesen ini, senang sahaja dengan satu sweep sahaja. Tetapi kuasa Menteri itu dipergunakan dengan nasihat Securities Commission dan segala ground work akan dibuat oleh Securities Commission sebelum Securities Commission itu mencadangkan kepada Menteri supaya seseorang itu diberi pelupusan

ataupun exemption daripada mana-mana lesen. Jadi ianya digunakan secara arif, bukan digunakan secara sewenang-wenang. Ini hanya di dalam perlesenan, bukan di dalam lain-lain seksyen di dalam kedua-dua Akta yang saya sebutkan tadi yang hendak diselaraskan.

Yang Berhormat Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih dan apabila saya membenteng Rang Undang-undang di Dewan ini Yang Berhormat selalu menekankan isu amanah. Tadi pun Yang Berhormat menekankan isu amanah, inilah yang penting kerana di dalam sesuatu apa sahaja yang kita lakukan bukan sahaja di dalam kewangan malah di dalam semua amanah merupakan satu faktor pusat di dalam menentukan ketiadaan penyelewengan.

Sahabat saya Yang Berhormat Yim Chee Chong, saya tidak tahu hendak jawab bagaimana, saya setuju apa yang dia kata tadi. [*Ketawa*]. Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin menyentuh mengenai dengan soal-soal lain, saya sudah jawab di dalam mukadimah saya tadi secara umum iaitu kita tidak menolak kapitalisme, kita tidak menolak pasaran terbuka tetapi apa yang dilakukan ialah untuk mengekang the excess of pasaran terbuka, the excess of kapitalisme dan kita hantarkan signal ini kepada dunia bahawa kita tidak membuang semua ini kerana sistem inilah yang memberi kemakmuran kepada kita selama 30 tahun ini. Tetapi di dalam pada itu orang yang memegang faktor endowment yang lebih, market integrasi yang lebih menggunakan kuasa mereka di dalam pasaran untuk mengacau pasaran maka kita adakan cara-cara kita sendiri, justeru itu empat pindaan Akta ini kita lakukan.

Yang Berhormat Tee Thiong Hock, saya sudah jawab di dalam jawapan saya tadi, Yang Berhormat membangkitkan soal-soal ini. Yang saya tertarik ialah Yang Berhormat memberi caution kepada Dewan ini bahawa alat-alat ini bukan untuk 'buat duit' ia adalah satu instrument untuk mengurus risiko di dalam pelaburan-pelaburan kita, di lain-lain forum ataupun di lain-lain gelanggang pelaburan ataupun perdagangan dan juga perindustrian.

Mengenai dengan Seksyen 52D ini tadi ada Ahli Yang Berhormat yang bertanya mengenai dengan apakah bursa-bursa yang lain yang ditubuh yang berdasarkan kepada angka-angka Malaysia tadi, ya Yang Berhormat Tuan Tee juga yang bertanya tadi, adakah apabila undang-undang ini diwartakan mereka tidak boleh menggunakannya, kalau mereka menggunakannya kita akan mengenakan undang-undang ini ke atas mereka walaupun mereka di luar, macam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapannya di Dewan Rakyat beliau mengatakan kita pun ada externalities kepada undang-undang kita semacam Amerika. Amerika menangkap Noriaga di Panama, kita pun boleh menangkap sesiapa sahaja di Hong Kong, di Singapura tidak lama lagi, mungkin begitu. Kalau naik kapal terbang MAS kita, kita tangkap dia di atas kapal terbang MAS apabila dia menjejak kaki di atas bumi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sedikit sebanyak yang saya boleh menggulung, tetapi yang saya berasa senang hati tadi kebanyakan ucapan sahabat-sahabat saya Senator-Senator telah menggulung bagi pihak saya, saya hanya menambah sedikit sebanyak mengisi lubang-lubang yang belum diisikan dan memberi angka-angka.

Saya bangga sekali dengan sahabat-sahabat saya kepada kelima-lima Ahli Yang Berhormat yang bercakap dan ianya memberi sumbangan kepada kami untuk terus memastikan bahawa pasaran kewangan negara kita akan terus dilindungi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)(NO.2) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramania]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Syarikat 1965 yang dibentangkan ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi usaha-usaha memulihkan pasaran saham negara ini melalui kawalan tertentu ke atas aktiviti syarikat-syarikat nominee, memperkenalkan konsep syer perbendaharaan, memanjangkan had tempoh sah opsyen, memperkemas lagi peruntukan seksyen 176 dan memastikan pemberian dividen oleh sesebuah syarikat tidak disalahgunakan.

Cadangan pindaan ini juga bertujuan untuk mengiktiraf bahawa hanya rekod pendeposit sekuriti yang diterbitkan di depository pusat sahaja sebagai daftar tunggal

bagi ahli-ahli dan pemegang debentur, kepentingan dan opsi yang diterbitkan oleh sesebuah syarikat yang disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1998 yang kini dibentangkan untuk pertimbangan secara keseluruhannya mencadangkan 14 Fasal pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 76A Akta Syarikat 1965 adalah merupakan seksyen yang membolehkan syarikat membeli balik syer mereka dan kemudian boleh dibatalkan. Dalam tempoh setahun pelaksanaan peruntukan seksyen ini beberapa pihak terutama dari swasta dan korporat telah mengemukakan pandangan dan cadangan kepada kementerian khususnya Pejabat Pendaftar Syarikat bahawa syer-syer yang telah dibeli balik tersebut tidak harus dibatalkan sebaliknya dicadangkan supaya syer-syer berkenaan disimpan sebagai syer-syer perbendaharaan (Treasury Shares) tanpa menjejaskan kuasa syarikat untuk membatalkannya.

Justeru itu pindaan ke atas Subseksyen 68(1) mencadangkan dilanjutkan tempoh sah tersebut dari 5 tahun kepada 10 tahun. Sehubungan dengan ini, peruntukan seksyen baru 68A telah dimasukkan untuk mengkehendaki syarikat-syarikat yang terlibat dalam pemberian syer option menyimpan satu daftar option bagi merekodkan butir-butir pembeli syer option syarikat tersebut dan merekodkannya dalam masa 14 hari.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini turut meminda Seksyen 69D di mana pemegang syer substantial telah ditakrifkan semula sebagai mereka yang memegang syer melebihi 2% daripada jumlah syer syarikat berbanding 5% dalam peruntukan yang sedia ada sekarang. Ia bertujuan untuk mengetatkan lagi keperluan penzahiran maklumat atau disclosure mengenai kepentingan seseorang dalam sesebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyokong kepada tindakan BSKL yang melarang aktiviti syarikat-syarikat nominee di pasaran saham maka satu peruntukan baru di bawah seksyen 69P telah diadakan. Pada masa ini syarikat nominee di bawah Akta Syarikat 1965 tidak dikehendaki untuk mendedahkan maklumat mengenai pegangan saham dan beneficiary mereka kerana syarikat-syarikat nominee adalah bare trustee dan tidak mempunyai kepentingan dalam syer yang dipegang olehnya. Peruntukan baru Seksyen 69P dicadangkan untuk menyifatkan (deem) bahawa syarikat-syarikat nominee berkenaan, kini adalah sebagai pemegang syer substantial sekiranya mereka memegang 2% atau lebih daripada jumlah pegangan saham dalam sesebuah syarikat. Oleh itu keperluan penzahiran (disclosure requirements) yang terpakai kepada pemegang saham substantial iaitu seksyen 69E, F dan G adalah juga terpakai kepada syarikat nominee ini. Dengan itu dicadangkan juga tempoh masa untuk penzahiran maklumat (disclosure of informations) di bawah seksyen 69E, F dan G dipercepatkan daripada 14 hari kepada 7 hari sahaja.

Selain itu Seksyen 69A(3) dan 69M dicadangkan dipinda bagi menaikkan denda maksimum kerana ketidakpatuhan peruntukan pengzahiran masing-masing kepada RM1 juta. Manakala cadangan pindaan kepada Seksyen 69O(6) adalah memberi kuasa kepada BSKL, Suruhanjaya Sekuriti untuk mengkehendaki sesebuah syarikat itu supaya membekalkan maklumat berkaitan pegangan saham syarikat kepada kedua-dua pihak berkuasa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini turut memasukkan divisyen baru iaitu Divisyen 6A ke dalam Bahagian IV, Akta Syarikat 1965 yang mengandungi 6 seksyen iaitu Seksyen 107A, 107B, 107C, 107D, 107E dan 107F. Peruntukan ini hanya terpakai kepada syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham, yang mana sekuriti mereka disimpan di depositori pusat (central depository).

Pengenalan Divisyen 6A adalah mempunyai objektif berikut:

- (i) Untuk mengiktiraf pendeposit-pendeposit yang terdapat di dalam rekod pendeposit (record of depositors) di depositori pusat sebagai ahli

syarikat dan rekod pendeposit ini hendaklah disimpan oleh syarikat-syarikat berkenaan.

- (ii) Untuk menghalang syarikat daripada mendaftar sebarang permohonan bagi pemindahan sekuriti yang diterima olehnya. Sebarang permohonan pemindahan sedemikian hendaklah hanya boleh dilakukan dengan cara booked entry di depositori pusat sahaja.
- (iii) Untuk melindungi rekod pendeposit di depositori pusat dari sebarang pembetulan dan memeliharanya daripada sebarang kesalahan transaksi.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 176, Akta Syarikat 1965 merupakan satu seksyen yang mendapat perhatian dan banyak telah diperkatakan mengenai seksyen ini sama ada dari segi kelebihan dan kekurangannya.

Di waktu kegawatan ekonomi sekarang, syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan kemungkinan berhadapan dengan tindakan oleh kreditor telah disyorkan agar menggunakan seksyen ini untuk mendapatkan perintah perlindungan daripada mahkamah. Dalam tempoh perlindungan ini, mereka boleh mengambil tindakan untuk memulihkan kembali syarikat dan merangka satu skim (arrangement and reconstruction). Ini kerana sepanjang tempoh perlindungan tersebut, tiada mana-mana pihak boleh mengambil sebarang tindakan atau prosiding terhadap syarikat. Terdapat kelemahan ketara dalam seksyen ini khususnya di bawah subseksyen 176(10) di mana pihak syarikat terdedah kepada kemungkinan menyalahgunakan peruntukan ini. Memandangkan seksyen 176(10) yang sedia ada tidak memperuntukan cara atau syarat bagi syarikat boleh memulakan permohonan di Mahkamah Tinggi dan permohonan oleh sesebuah syarikat itu, lazimnya dibuat secara ex-parte tanpa pengetahuan pihak kreditor.

Oleh yang demikian seksyen 176 ini dicadangkan dipinda dengan memasukkan subseksyen baru (10A), (10B), (10C), (10D) dan (10E) untuk mengemaskan lagi peruntukan sedia ada. Di bawah Subseksyen baru (10A), disyaratkan kepada syarikat-syarikat yang ingin mendapat perintah perlindungan awal di bawah subseksyen 176(10) dikehendaki mendapatkan persetujuan awal sekurang-kurangnya 50%

daripada kreditor mengikut nilai pinjaman yang diberikan. Dengan pindaan ini juga, had tempoh perintah perlindungan oleh mahkamah tidak melebihi 90 hari atau lebih jika mahkamah mendapati terdapat alasan-alasan kukuh yang dikemukakan oleh syarikat.

Untuk mengelakkan daripada tindakan pihak pengurusan syarikat melupus atau menambah liabiliti atau aset semasa perlindungan awal maka syarikat tersebut dikehendaki mengemukakan senarai aset dan liabiliti semasa membuat permohonan ke mahkamah. Sebarang pelupusan dan perolehan oleh syarikat dalam tempoh ini dianggap tidak sah, dan pengarah-pengarah yang terlibat boleh dijatuhi hukuman.

Sehubungan dengan ini, cadangan pindaan juga memasukkan peruntukan yang mengkehendaki perlantikan seorang pengarah bebas oleh mahkamah semasa membuat perintah perlindungan berkenaan. Syarikat-syarikat yang telah mendapat perlindungan di bawah seksyen 176 ini juga dikehendaki mengirasimpan perintah berkenaan dalam tempoh 7 hari ke Pejabat Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang terakhir ialah pindaan ke atas Seksyen 365 untuk mengkehendaki syarikat-syarikat yang mempunyai tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 1997 hanya boleh membayar dividen kepada pemegang sahamnya pada sesuatu tahun kewangan tidak melebihi jumlah keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan tersebut atau purata dividen yang dibayar sepanjang 2 tahun kewangan sebelumnya. Ianya bertujuan untuk mengawal tindakan pemberian dividen oleh sesetengah syarikat yang membayar dividen daripada pinjaman atau membuat bayaran dividen secara berlebihan. Hal ini amat merugikan syarikat terutama sekiranya dividen berkenaan dibayar kepada pemegang saham warga asing yang menyebabkan pengaliran wang keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta

Syarikat 1965 dibacakan kali kedua dan dibuka untuk dibahaskan Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

12.50 tgh.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Yang di-Pertua pertamanya saya rakamkan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana telah berjaya bersama-sama menyelesaikan sebahagian daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh sebahagian besar daripada peruntukan undang-undang sebagaimana dibentangkan semalam, terutamanya perkara-perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti yang telah kita luluskan bersama semalam. Kita merasakan bahawa pindaan-pindaan termasuk yang baru dan penambahan subseksyen kita merasakan ianya akan menjadi satu kekuatan baru kepada Pendaftar Syarikat untuk menjalankan usaha-usaha dan juga kerja-kerja yang berkaitan dengan perkara-perkara pembangunan, perdagangan yang sedang kita percakapkan sekarang ini, dan apatah lagi seksyen dan juga pindaan-pindaan yang kita laksana dan bincangkan pada masa sekarang ini adalah semata-mata untuk mewujudkan satu ketelusan yang lebih luas dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan *share holding* ataupun pemegang share dalam syarikat sebagaimana termaktub di dalam Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati banyak di antara ruang-ruang yang perlu diperkukuhkan dari masa ke semasa dan langkah yang kita cadangkan pada hari ini oleh kerajaan harus diberi sokongan yang kuat, khususnya kita di peringkat Dewan Negara. Saya bangun pada hari ini adalah untuk memberi sokongan sepenuh-penuhnya pada kementerian untuk meluluskan pindaan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak membicarakan masalah perkara-perkara yang berkaitan dengan sekuriti dan melibatkan syarikat-syarikat berhad yang telah

disenaraikan dan banyak perkara yang boleh melindungi kepentingan-kepentingan pemegang saham dan juga kepentingan-kepentingan pengarah-pengarah syarikat. Kita tahu oleh kerana volume ataupun isipadu, jumlah kewangan yang diniagakan di dalam bursa saham dan juga di dalam syarikat yang disenaraikan ini adalah perkara yang amat penting kerana ianya sebahagian daripada nadi utama dalam membentuk pembangunan ekonomi negara kita. Tetapi kadang-kadang saya terpaksa bercakap oleh kerana saya ini mewakili sebahagian besar daripada kaum marhaen usahawan-usahawan bumiputera di seluruh negara. Usahawan marhaen, usahawan kecil, usahawan kecil di seluruh negara dan kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana melalui seksyen 176 umpamanya masalah perintah perlindungan tetapi sebagaimana kita tahu bahawa syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat disenaraikan dalam negara kita berkemungkinan berupaya menggunakan peguam dan juga peguambela untuk meminta dan memohon dengan kerajaan melalui mahkamah supaya syarikat-syarikat mereka dapat dipertahankan apatah lagi dalam suasana kegawatan dan masalah yang kita hadapi pada hari ini dan rintihan daripada ribuan usahawan-usahawan di seluruh Malaysia terutamanya usahawan kecil dan sederhana termasuklah bumiputera dan bukan bumiputera.

Apakah dengan menggunakan kaedah seksyen 176 ini yang berkemungkinan kerana modal dibayar syarikat-syarikat kecil dan sederhana ini habis akan dilupus ataupun dibayar kepada peguam. Jadi dalam suasana ini harus ada satu langkah pragmatik yang harus dilaksanakan oleh Pendaftar Syarikat kalau tidak pun oleh Kementerian Kewangan melalui Bank Negara supaya syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang diharap, yang kita dapat bicarakan pada hari ini apabila mereka memerlukan perintah perlindungan bukan melalui undang-undang.

Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya syarikat kecil dan sederhana di negara kita terutama sekali syarikat-syarikat bumiputera melalui semangat Dasar Ekonomi Baru dan juga melalui semangat dan falsafah masyarakat perdagangan dan

perindustrian bumiputera yang diperkenalkan oleh kerajaan baru-baru ini. Dengan suasana kegawatan yang sedang berlaku ini kita yakin dan percaya penggulungan syarikat akan berlaku begitu hebat dalam beberapa bulan yang akan datang sekiranya pemulihan ekonomi tidak dapat dilaksanakan.

Apakah gunanya kita melahirkan usahawan untuk merapatkan hubungan di antara kaum bukan bumiputera dan bumiputera kerana hendak meletakkan negara kita dalam keadaan stabil dan aman. Sekiranya masalah kegawatan ekonomi ini kita lihat bahawa ribuan di antara usahawan Melayu akan gulung tikar dan beberapa bulan lalu melalui Persatuan Kontraktor Melayu, melalui Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Pengilang Bumiputera telah menyatakan bahawa lebih daripada 50% ahli-ahli mereka menghadapi masalah penggulungan dan masalah kekurangan projek. Mutakhir ini kita berterima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan telah *release* ataupun menyerahkan sebahagian daripada projek kepada usahawan-usahawan yang sedang berhadapan dengan masalah kegawatan ekonomi.

Walaupun apa yang berlaku suasana *squeeze credit* dengan izin yang ditekan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan di negara kita yang tidak dapat menterjemahkan falsafah negara untuk meredakan suasana yang dihadapi oleh usahawan-usahawan kita, saya yakin dan percaya masalah perbicaraan di mahkamah, masalah *wind up*, dengan izin penggulungan syarikat-syarikat khususnya bumiputera akan berlaku dengan hebat beberapa bulan lagi kalau kita tidak dapat menangani dengan bijaksana.

Jadi dalam suasana ini mungkin seksyen 176 yang dipinda tadi hanya sesuai dengan syarikat-syarikat gergasi ataupun syarikat-syarikat besar ataupun syarikat-syarikat yang berada di bursa saham. Tetapi apakah kepada usahawan kecil dan sederhana mampu menggunakan peguam dan juga mahkamah untuk mendapatkan perlindungan seadil-adilnya. Jadi sebagai sebuah Dewan Negara yang bersidang pada hari ini saya mencadangkan - saya mencadangkan bukan dalam bentuk undang-undang

ataupun seksyen ini tetapi perlu ada melalui huraian-huraian melalui menterjemahkan sebahagian daripada dasar perlindungan yang harus kita utamakan kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga kementerian yang berkaitan dengan pembangunan usahawan dapat menyediakan satu sekretariat khas supaya usahawan-usahawan kecil dan sederhana di seluruh negara kita sama ada bumiputera ataupun tidak bumiputera dapat diarahkan oleh kerajaan sebagai satu sekretariat yang menerima permohonan usahawan-usahawan di seluruh negara kita supaya dia dapat mengadu masalah yang dihadapi oleh kerana masalah kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang ialah bukan masalah usahawan itu secara langsung, tetapi adalah kerana masalah force majeure di luar daripada kemampuan usahawan-usahawan kita. Maka adalah wajar kerajaan yang adil pada hari ini dapat bertindak mewujudkan satu sekretariat di peringkat Kementerian Kewangankah, di peringkat Kementerian Pembangunan Usahawankah ataupun di mana-mana yang difikirkan sesuai oleh kerajaan supaya penggulungan syarikat yang akhirnya akan menjadi sia-sia kerana kesan daripada kegawatan ekonomi ini dapat kita pertahankan.

Sekretariat ini harus bijaksana menangani masalah, aduan, laporan dan permohonan usahawan-usahawan kita. Saya mintalah kalau boleh pada hari ini kalau ada terutama sekali kedua-dua Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dapat menyatakan pendirian kita bahawa melalui dasar yang kita telah wujud begitu lama di DEB untuk mewujudkan usahawan bumiputera umpamanya. Kalau dalam tahun 80-an kita telah mewujudkan satu tabung yang dinamakan Tabung Pemulihan Usahawan, tetapi sekarang ini tidak ada orang memperjuangkan satu bentuk tabung ataupun sekretariat yang boleh mempertahankan usahawan kecil dan sederhana.

Kita jangan cakap masalah usahawan yang besar dan gergasi sahaja tetapi kita mesti mempertahankan *the silent base majority*, dengan izin usahawan khususnya

usahawan-usahawan kecil dan sederhana ini harus dipertahankan. Dengan tidak menggunakan peraturan dan undang-undang dalam seksyen 176 dalam perintah perlindungan ini saya berharaplah kerajaan dengan seadil-adilnya dapat memikirkan satu sekretariat khusus untuk mengarahkan kalau berkaitan dengan kewangan (finance) syarikat kewangan, berkaitan dengan bank maka sekretariat ini harus memaklumkan kepada Bank Negara umpamanya menahankan tindakan mahkamah, kalau ianya berkaitan dengan penggulungan syarikat meminta dengan budi bicara Pendaftar Syarikat supaya dapat menengguhkan penggulungan syarikat. Saya tidak tahu sama ada perkara ini pragmatik ataupun tidak tetapi kegagalan usahawan kecil dan sederhana dalam tempoh setahun ini ianya akan meranapkan segala usaha Dasar Ekonomi Baru apatah lagi segala usaha kerajaan dalam membentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Apa pun kita bicarakan sekiranya *the silent base majority* puluhan ribu usahawan kecil dan sederhana yang kita pertahankan ini akan dihanyutkan oleh arus kegawatan yang kita hadapi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi memohon kerjasama kerajaan supaya dapat melihat ini dalam bentuk pembaharuan yang harus dipertahankan kerana kita tahu bahawa lebih daripada 11,000 kontraktor bumiputera sekarang berhadapan dengan masalah. Jadi kegawatan yang kita hadapi pada hari ini telah memberi kesan yang amat buruk kepada kontraktor Melayu khususnya. Jadi tidak ada gunanya kita melahirkan beberapa dasar-dasar baru dan kita mempunyai lebih daripada 30 dana-dana baru yang diperuntukkan melalui Kementerian Kewangan tetapi *the subject* ataupun *object* manusia ataupun usahawan yang kita...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Majlis ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang hari ini.

Persidangan ditemphkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli Mat Hassan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada membangkitkan masalah seksyen 176 yang boleh mengeluarkan perintah perlindungan kepada syarikat-syarikat besar di negara kita. Jadi kita berharap dan cadangan kita pada hari ini untuk menubuhkan sebuah sekretariat sama ada melalui MTEN ataupun melalui Jabatan Perdana Menteri, yang boleh memberi arahan kepada bank-bank tempatan dan syarikat-syarikat kewangan supaya usahawan kecil dan sederhana yang terlibat ratusan ribu, sebagai rakyat Malaysia patut diberi perlindungan dalam suasana kegawatan ekonomi yang sedang melanda kita pada hari ini. Jadi mudah-mudahan oleh kerana kita tahu Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menggunakan peguam untuk mendapatkan perlindungan dalam seksyen 176 ini melibatkan puluhan ribu wang. Jadi syarikat-syarikat kecil adalah wajar diberi perlindungan melalui sebuah sekretariat, insya-Allah akan ditubuhkan oleh kerajaan.

Saya mencadangkan juga Tuan Yang di-Pertua, supaya suasana yang telah melanda kita melalui kegawatan ekonomi baru-baru ini telah hampir setahun setengah, ianya sedikit sebanyak telah memberi masalah yang amat besar, terutama sekali kepada usahawan kecil dan sederhana yang terlibat dalam pembangunan negara kita. Melalui semangat Dasar Ekonomi Baru sebagaimana saya perkatkan tadi dan juga beberapa program untuk memajukan bumiputera dalam masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera apatah lagi satu dasar baru yang diperkenalkan untuk mewujudkan kelas menengah bumiputera. Jadi kita berharap usahawan-usahawan yang telah diberi tempat oleh kerajaan umpamanya Kontraktor Wibawa yang telah diwujudkan oleh kerajaan dengan mengagihkan projek supaya kontraktor yang di bawah Kontraktor Wibawa di bawah naungan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri, ini harus dipertahankan. Jadi saya yakin dan percaya sekiranya projek-projek tidak dapat diagihkan secara berterusan kepada mereka, maka mereka

akan menghadapi masalah, jadi usaha dan rancangan kerajaan untuk merapatkan hubungan di antara kaum di negara kita akan tidak tercapai. Jadi insya-Allah kita sama-sama doa semoga keprihatinan dan cadangan ini dapat diusahakan dengan secepat mungkin oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana yang gawat ini juga, saya ingin membicarakan beberapa perkara yang perlu diambil kira secara luar biasa oleh kerajaan. Pada kebiasaannya kontrak-kontrak dan juga perusahaan-perusahaan yang diserahkan oleh kerajaan kepada usahawan-usahawan kita terutama sekali industri kecil dan sederhana mempunyai kaedah-kaedah tertentu, tetapi saya telah mendapat banyak rungutan daripada kontraktor kita khususnya bumiputera yang menghadapi masalah dengan agensi-agensi kerajaan, kerana tindakan menamatkan kontrak mereka, menangguhkan pembayaran dan sebagainya.

Jadi saya berharap pada hari ini sesuai dengan cadangan untuk meluluskan satu akta pada hari ini bagi pihak mereka saya mencadangkan kepada kerajaan, terutama sekali agensi kerajaan yang menjaga ataupun mengurus projek-projek kerajaan dapat melonggarkan beberapa syarat terutama sekali dalam penamatan kontrak. Kerana apabila sesuatu kontrak akan ditamatkan syarikat bumiputera khususnya akan menghadapi proses tindakan mahkamah dan akhirnya akan gulung tikar, dan akhirnya yang menjadi kerugian ialah kerajaan, kerana kita tahu pembangunan usahawan di negara kita telah diilhamkan secara serius oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bermula tahun 1981. Ketika itulah ramai di antara profesional bumiputera khususnya daripada jurutera, arkitek, akauntan dan sebagainya lahir di zaman permulaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, dan ribuan di antara mereka akan terpinggir dalam permasalahan ekonomi yang kita hadapi dan sesungguhnya dasar ikhlas dan dasar murni yang digariskan oleh kerajaan akan tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga, kerana pada hari ini saya terbaca satu akhbar perkembangan Registrar of Company atau , Pendaftar Syarikat, Pengarahnya dia Datuk Ramli, kalau tak silap saya akan bertukar dan digantikan oleh Datuk Idrus. Saya merakamkan terima kasih kerana perkembangan di Pendaftar Syarikat agak berkembang begitu hebat di bawah pimpinan Datuk Ramli, dan Dewan Negara merakamkan ucapan terima kasih di atas khidmat beliau yang telah dapat mengikuti arus suasana perkembangan ekonomi. Jadi banyak di antara pendekatan-pendekatan yang telah dibuat oleh pengurusan Pendaftar Syarikat khususnya di bawah pimpinan Datuk Ramli, sebelum ini telah memberi pendekatan yang baik kepada pembangunan syarikat-syarikat di negara kita. Saya berkeyakinan penggantinya Datuk Idrus seorang penasihat undang-undang, dulu saya kenal dia, dia tak kenal saya, saya tahulah dia ada dalam Dewan ini ataupun tidak. Saya berkeyakinan banyak lagi usaha-usaha yang harus diperkukuhkan melalui Pendaftar Syarikat, khususnya berkenaan dengan peranan pengarah-pengarah syarikat di negara kita.

Kita dapati banyak di antara pengarah-pengarah syarikat kita mewujudkan syarikat-syarikat di Malaysia ini, tidak mempunyai keupayaan yang sebenarnya sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat. Peranan mereka, tanggungjawab dan kaedah-kaedah bersyarikat pun banyak di antara pengarah-pengarah yang berdaftar di bawah syarikat berhad khususnya di bawah syarikat sendirian berhad tidak memahami peranan mereka dan akhirnya banyak di antara individu yang menjadi pengarah syarikat ini tidak tahu apakah tindakan-tindakan yang boleh memusnahkan mereka.

Saya mencadangkan kepada Pendaftar Syarikat atau Registrar of Company, dengan izin supaya dapat mengeluarkan satu sijil khas kepada mana-mana individu yang berhasrat untuk menjadi pengarah. Jadi pengarah-pengarah yang lama bolehlah dibuat latihan secara ringkas diserahkan tugas dan tanggungjawab mereka ataupun

dalam suasana begini mungkin kerajaan tidak mencukupi ongkos dan wang. Maka kita mencadangkan Pendaftar Syarikat melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat menguruskan latihan kepada pengarah-pengarah syarikat ini melalui cara penswastan dan sebagainya, melalui setiausaha syarikat-syarikat untuk memberi maklumat ilmu dan pandangan berkenaan dengan peranan pengarah dan ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat di negara kita. Dan insya-Allah di atas beberapa pandangan ini akan memberi sedikit sebanyak faedah kepada suasana yang kita hadapi dalam kegawatan ekonomi negara kita, dan moga-moga cadangan kita ini akan memberi manfaat kepada usahawan pertengahan dan kecil yang saya rasa merupakan ratusan ribu yang berselerak di seluruh negara kita.

Jadi kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah datang, dia pun sudah cakap di luar tadi, dia kata kalau boleh separuh hari. Saya pun setuju separuh hari tetapi oleh kerana Dewan Negara perlu upgrade, jadi Dewan Rakyat habis lebih kurang separuh hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita berharap kita pun akan habis lebih kurang pukul 4.00 atau 4.30 petang hari ini dan kita ada sedikit upgrading untuk ahli-ahli Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua: Bukan 12.00 malam?

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Kalau 12.00 malam kata Dato' Zuki, Tuan Yang di-Pertua, akan bermasalah kerana ianya tidak akan melebihi dari hari ini.

Jadi dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih dan menyokong cadangan pindaan Akta yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Sekian, terima kasih.

2.42 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dan setelah mendengar huraian Akta ini yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri, saya menyokong penuh

sebab tujuan Akta ini dibuat adalah untuk selaraskan dengan beberapa akta yang telah kita pinda sebelum ini yang membabitkan soal urusan perniagaan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Saya mengucapkan tahniah sebab apabila melihat fasal-fasal yang telah dipinda begitu ketat sekali, begitu tegas sekali lagi menangani masalah yang sering berlaku di Bursa Saham Kuala Lumpur di mana bagi menentukan tidak ada lagi mana-mana pihak menjadikan BSKL itu sebagai satu pusat ataupun tempat meraih kekayaan dengan secara sekelip mata, iaitu seperti mana yang saya kata di waktu perbahasan akta yang sebelum ini supaya ianya tidak dijadikan BSKL itu satu pusat kasino.

Ianya harus dijadikan pusat perniagaan yang dilihat dari segi perkembangannya dan bukan menjadi tempat mereka yang meraih kekayaan atau keuntungan secara sekelip mata. Apabila fasal-fasal ini diperkenalkan saya percaya semua loophole yang selama ini dipergunakan untuk memanipulasikan saham-saham dapat di atasi. Dengan sekali gus saya percaya ianya akan menjadi lebih telus dan ianya boleh meyakinkan pelabur-pelabur bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal urusan syarikat ini selain daripada yang berurusan dengan saham terdapat juga syarikat-syarikat sendirian berhad yang kita tahu ditubuhkan, diwujudkan cukup banyak oleh pihak-pihak tertentu. Saya pernah membaca laporan atau kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di mana syarikat-syarikat yang ditubuh tidak berfungsi ataupun tidak aktif dan pada masa yang sama dipergunakan satu ketika dulu untuk memohon saham-saham yang diterbitkan ataupun yang dijangka diagihkan untuk bumiputera. Contohnya beberapa tahun yang lalu, dua tiga tahun yang lalu saham Hicom, saham KCT, Tenaga Nasional, Telekom di mana bumiputera diperuntukkan bagi mendapat saham-saham tersebut maka wujudlah syarikat-syarikat secara kilat begitu banyak sekali dan selepas mereka mendapat saham, saham-saham ini pula dijual kemudian.

Tetapi ada juga syarikat yang diwujudkan bukan sahaja untuk kepentingan saham tetapi dijadikan front untuk tujuan-tujuan tertentu oleh pihak yang berkaitan melalui syarikat-syarikat yang dinamakan syarikat-syarikat nominee ataupun syarikat-syarikat yang menggunakan nama proksi dan hal ini harus diberi perhatian. Sebab saya percaya kalau pihak berkuasa menyelidiki syarikat-syarikat ini secara mendalam, secara yang teliti dan tegas, kita akan menemui banyak perkara yang berlaku dalam syarikat-syarikat yang diwujudkan untuk tujuan tersebut.

Walau macam manapun, Tuan Yang di-Pertua, sering kalau dibangkitkan soal penyelewengan, salah guna kuasa yang selalunya dituduh ialah pemimpin-pemimpin kerajaan ataupun pemimpin-pemimpin parti pemerintah ataupun pemimpin-pemimpin kerajaan pusat ataupun dengan lebih tegas pemimpin-pemimpin UMNO, MCA, GERAKAN dalam komponen Barisan Nasional. Seolah-olah tidak berlaku kesalahan ataupun penyelewengan ataupun tanda soal di mana ada pemimpin-pemimpin yang bercakap soal telus, soal menegakkan apa yang dikatakan atau apa yang ditegaskan untuk melihat kerajaan bersih, pemimpin bersih dan kelihatan bersih tetapi saya suka bangkitkan di sini terdapat di kalangan pemimpin-pemimpin PAS di negeri Kelantan juga tidak sunyi daripada dan juga terjebak dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Saya minta, saya ingin mendedahkan bukan bertujuan untuk memburuk-burukkan mana-mana pihak tetapi saya kira wajar Pendaftar Syarikat meneliti akaun-akaun syarikat-syarikat sendirian berhad di mana saya dapati, contohnya di Kelantan yang membabitkan Timbalan Menteri Besar Kelantan, iaitu Ustaz Halim Abdul Rahman namanya di mana beliau dulu seorang ahli perniagaan dan saya tak tahu kaitannya dengan Syarikat NA Rahman di mana sesudah beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan, beliau ada masalah pinjaman dengan Bank Islam. Kemudian apabila Bank Islam mengambil tindakan untuk recall pinjaman dalam

tempoh masa yang singkat, Timbalan Menteri Besar Kelantan berjaya membayar hutang sebanyak RM600,000.00 yang ada kaitan dengan Syarikat NA Rahman.

Persoalannya, apakah Syarikat NA Rahman ini diberi kawasan balak bagi bertujuan menolong ataupun membantu pihak yang terlibat, di mana saya ingin menyoal Timbalan Menteri Besar Kelantan mempunyai kewajipan untuk memperjelaskan kepada umum dan kepada rakyat khususnya di Kelantan macam mana dia boleh mampu menyelesaikan hutang RM600,000.00 dalam masa yang singkat, kerana ini ada kaitan dengan ketelusan, ini ada kaitan apa yang dikatakan kerajaan bersih yang dilaungkan oleh kerajaan PAS. Berbeza dengan kerajaan yang dipimpin oleh UMNO dan Barisan Nasional kita tidak menuduh melulu mana-mana pihak yang terbabit. Tetapi oleh kerana tidak ada mereka yang memberi perhatian terhadap perkara yang membabitkan pemimpin-pemimpin PAS seolah-olah mereka ini bersih tetapi ada persoalan yang perlu dijawab oleh Menteri Besar Kelantan ataupun Ustaz Abdul Halim sendiri bagi memperjelaskan macam mana beliau boleh membayar hutang RM600,000.00 ini. Dari mana mereka mendapat duit, dari mana beliau mendapat duit, adakah beliau menggunakan syarikat-syarikat tertentu yang paidup capitalnya mungkin dua ringgit ataupun tidak seberapa tetapi diberi kemudahan perniagaan yang luar biasa yang menyebabkan syarikat-syarikat ini boleh mengeluarkan duit yang banyak.

Dan bagaimana syarikat ini boleh mengeluarkan duit dan bagaimanakah laporan kewangan syarikat ini apabila kita tahu ada transaksi yang begini besar. Jadi, saya berharap pihak Pendaftar Syarikat supaya mengkaji kaitan Syarikat NA Rahman ini dan kalau ada perkara-perkara yang dikatakan 'doubtful' tetapi kalau ada perkara-perkara yang disyaki tidak sihat berlaku wajarlah wajarlah merujuk perkara ini bukan sahaja menerusi ROC dibawa kepada polis 'commercial criminal' tetapi boleh juga dirujuk perkara ini kepada Badan Pencegah Rasuah.

Saya bukanlah sengaja hendak mengada-adakan cerita ini tetapi bagi membantu membersihkan nama Timbalan Menteri Besar Kelantan yang dikatakan bersih, yang

dikatakan mewakili parti PAS yang memperjuangkan Islam dan juga untuk menegakkan apa yang dikatakan amar makruf nahi mungkar ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga mengambil kesempatan di sini, semalam saya mengambil bahagian dalam perbahasan, apa pun kita buat, kita memerlukan kepada kestabilan politik.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya terperanjat membaca majalah *Times* bertarikh 5 Oktober 1998 yang baru diterbitkan yang memuatkan gambar bekas Timbalan Perdana Menteri, dengan izin, '*Malaysia without Anwar – Can Mahathir make the spirit of reformasi fade away?*' Saya ingin mendedahkan kejahatan wartawan-wartawan asing terutamanya dari majalah-majalah yang terkemuka seperti *The Time*. Saya hendak menunjuk contoh kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini. Berita ini ditulis oleh John Colmey dan David Liphole. David Liphole ini berpusat di Jakarta manakala John Colmey ini dia punya correspondent yang berpusat di Hong Kong. Kedua-dua wartawan dan penulis ini ada datang menemui saya di pejabat untuk menemubual pandangan saya berhubung dengan perkembangan politik mutakhir di negara kita ini. Apabila mereka menyoal saya dan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan, pada awal-awal lagi soalan-soalan yang mereka kemukakan kepada saya berbentuk negatif yang memang cuba hendak memerangkap saya sebagai seorang ahli politik dengan memuatkan soalan-soalan yang kalau saya tidak berhati-hati menjawab, mereka boleh memerangkap bagi mengelirukan lagi pandangan dunia luar mengenai dengan Malaysia.

Sehingga pada peringkat saya mengatakan kepada mereka ini tulisan-tulisan yang ditulis sebelum ini dalam majalah *Time*, *Asiaweek* ataupun *Far Eastern Economic Review* dengan publisiti yang dibuat, dengan maklumat yang ditulis, saya kata banyak tidak betul. Rakyat majoriti menyokong kerajaan dan negara kita memang mempunyai kestabilan politik sehingga pada hari beliau menemui saya, saya menyebut kepada mereka ini bahawa pada malam saya akan ke Batu Laut dalam bahagian Sepang untuk menyampaikan penerangan kepada rakyat dan ahli-ahli UMNO.

Saya mengundang kedua-dua mereka ini untuk turut serta melihat bagaimana padunya dan bagaimana disiplinnya parti UMNO yang menjadi tulang belakang kepada kerajaan. Salah seorang dari dua wartawan ini bersetuju mengikut saya, yang mengikut saya ialah David Liphole yang berpusat di Jakarta. Di dalam artikelnya '*Out of the bottom*', dengan izin, mula-mula sekali dalam introduction dia menyebut di sini secara ringkasnya di mana beliau menyebut beliau turut sama ke Batu Laut iaitu di Sekolah Menengah Agama Batu Laut dalam Bahagian Sepang dan beliau ke sana bersama dengan saya.

Saya mengambilnya di sebuah hotel kerana saya hendak membuktikan kepada wartawan asing ini apa yang mereka tulis adalah tidak betul sama sekali, kita memberi layanan dan kerjasama yang sepenuhnya, rupa-rupanya walaupun kita beri kerjasama dan memberi kemudahan dan menunjukkan sikap baik kita mereka masih lagi mampu memutarbelitkan fakta yang tidak sepatutnya beliau lakukan.

Di dalam introduction artikel ini disebutkan, dengan izin,

“The seeds of doubt are planted in the dark. “We’re not sure who’s wrong and who’s right,” whispers a young man, sitting apart from the crowd that has gathered outside a schoolhouse in the tiny, moonlit town of Batu Laut. Inside Ibrahim Ali steps to the podium. Stout and authoritative, a member of the powerful Supreme Council of the ruling United Malays National Organisation (UMNO), he spends more than an hour soothing the doubts of 100 local party cadres.”

Dia tahu sendiri, dia lihat sendiri kehadiran pada hari itu tidak kurang dari 600 hingga 700 orang, yang hadir di majlis tersebut. Manakala apabila dia menyebut soal orang berhimpun di Masjid Negara ataupun di Dataran Merdeka dalam perkembangan politik mutakhir sesudah Dato’ Seri Anwar Ibrahim dipecat, sampai mereka menyebut sampai kepada *“crowd estimated at more than 80,000 on the September 20th, calling for Dr. Mahathir resignation.”* Ini saya kira ‘the big liar’ makna

pembohongan yang paling besar, yang dibuat oleh wartawan-wartawan asing ini, yang dibuat di hadapan mata saya sendiri, walaupun kita beri kerjasama untuk membuktikan kepada beliau bahawa perkara ini tidak benar. Dengan izin,

“In ringing tones he hails the achievements of Malaysia and its leader, Prime Minister Mahathir Mohamad. Then he turns to his true task, defending the arrest of Mahathir’s onetime protégé, Anwar Ibrahim, three days earlier. His voice rises as he mocks Anwar’s pleas of innocence.” If Dr. Mahathir hadn’t acted, Ibrahim repeats the mantra of his leader, “the nation would have been endangered.” Throughout the room, heads nod in approval.”

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang dia sebut di sini: *“Near midnight Ibrahim’s shiny new Mercedes pulls out of the dirt schoolyard.”* Ini jahat – ini betul-betul jahat. Memang saya pergi naik Mercedes. Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki tanya saya: “Bila saya beri kereta?” Saya pergi pada malam itu menumpang kawan saya yang bekerja di sebuah syarikat remiser yang ada Mercedes 230 kereta lama bukan shiny pun, tetapi apa tujuan dia ini. Dan dia kata: *‘dirt schoolyard’*, dan Sekolah Batu Laut ini adalah sekolah yang cukup cantik, yang cukup indah, jadi dia hendak tunjuk di sini betapa jahatnya kita ini dan betapa, kononnya ada Mercedes pergi beri ceramah ataupun penerangan tetapi sekolahnya begitu kotor sekali.

Inilah kejahatannya yang dibuat oleh penulis-penulis asing, manakala dia tahu kereta Mercedes yang dia naik ini pun saya sudah perkenalkan kepada dia, ini kawan saya nama Zulkifli Hashim bekerja dengan remiser, saya minta dia hantar saya ke tempat ceramah sebab dia selalu ikut saya dan dia suka mendengar ceramah dan dia kenal, dia bertukar-tukar kad tetapi dia boleh tulis lagi perkara yang tidak tepat.

Saya bukanlah bertujuan untuk hendak defend ataupun hendak membuat tohmahan atau seumpamanya, cuma saya sebut di sini betapa jahatnya penulis-penulis atau wartawan asing ini dalam mengelirukan pemikiran rakyat negara kita dan juga dunia luar yang saya percaya tujuan mereka adalah untuk mengabui dan memfitnahkan negara dan pemimpin kita. Tengok cara dia menggunakan buat gambar pun bukan main hebat sekali [*Sambil menunjukkan majalah tersebut kepada Dewan*] captionnya dan wawancaranya dengan isteri bekas Timbalan Perdana Menteri – Datin Seri Dr. Wan Azizah bukan main hebat lagi, cara mereka projek isu ini seolah-olah hendak memburukkan negara kita terus-menerus dalam rencananya di mana perkara-perkara yang tidak tepat, maklumat-maklumat yang tidak betul nyata sekali digunakan untuk mengelirukan rakyat sehinggakan disebut Tuan Yang di-Pertua, *On Sunday more than 30,000 students, workers, professionals and housewives gathered to hear Anwar rail against his former mentor from the balcony of the National Mosque.*” Hari itu pun saya pergi dengar juga duduk jauh-jauh taklah sampai jumlahnya 30,000.

Dan *“10,000 more joined in after Anwar suggested that protesters take a walk with him to the Merdeka Square”*, pun tidak betul. Jadi, di sinilah kita dapati benar sekali kata Perdana Menteri bahawa majalah-majalah antarabangsa ini cukup jahat sekali. Bukan sahaja dengan gambar-gambar yang diguna, gambar kulit depan dengan tajuk-tajuknya sekali bertujuan hendak discredit negara kita, hendak memburukkan negara kita dan majalah ini sudah tentu dibaca oleh pembaca-pembaca di luar negara kita - di seluruh dunia dan menggambarkan seolah-olah Malaysia ini buruk sekali. Sampai kepada kononnya dalam interview ini beberapa pemimpin negara menelefon bekas Timbalan Perdana Menteri, menelefon isterinya - daripada Corry Aquino dan lain-lain pemimpin menggambarkan seolah-olah gerakan reformasi ini mendapat sokongan daripada dunia dan inilah yang saya katakan kejahatan akhbar asing yang dilaung-laungkan selama ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sukar untuk kerajaan kita memulih dan menangani masalah ekonomi walaupun macam-macam usaha telah dibuat termasuklah pembentangan akta ini. Saya percaya ianya berkait rapat dengan soal hendak menyakinkan para pelabur. Walaupun usaha-usaha kita buat seperti pindaan akta ini dengan pelbagai pindaan dan fasal bagi menutup kelemahan-kelemahan yang sudah begitu ketat, saya percaya ekonomi negara kita juga akan sukar untuk dipulih kalaulah majalah-majalah asing ini terus menerus memainkan peranan memburukkan negara kita tetapi apa pun yang penting rakyat kita harus sedar bahawasanya agenda media-media asing yang ada dalang-dalangnya di belakang harus kita perangi habis-habisan. Kita mesti ada resilience, kita mesti ada semangat kebangsaan dan patriotisme kerana usaha mereka ini samalah juga di waktu penjajahan dahulu. Mereka tidak senang hati melihat negara kita makmur dan maju. Malah, saya percaya akta ini pun nanti akan disalahtafsirkan. Pindaan-pindaan yang dibuat kepada beberapa akta ini pun nanti akan ditafsirkan seolah-olah segalanya regid authoritarian, ketat dan tidak bertindak ataupun tidak mengikut apa yang dikatakan dasar ekonomi terbuka (free market enterprise) dan seumpamanya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada lain-lain lagi selain daripada mengambil kesempatan untuk membuat kenyataan tersebut supaya sekurang-kurangnya kita tahu majalah-majalah antarabangsa ini adalah hipokrit besar yang saya kira juga penjenayah moral yang tidak boleh diampunkan di atas usaha mereka untuk menghancurkan negara kita.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong.

3.03 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan pindaan kepada Akta Syarikat 1965. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah membuat tindakan-tindakan yang perlu dan tepat

untuk mengatasi masalah ekonomi yang sedang kita hadapi sekarang dan tentu sekalilah Akta Syarikat tidak dapat diketepikan kerana seperti kita sedia maklum bahawa perkembangan ekonomi negara adalah sebenarnya banyak terletak dengan kemampuan dan keupayaan syarikat untuk berkembang dan memajukan syarikat-syarikat kerana syarikat-syarikatlah sama ada ianya merupakan syarikat yang tersenarai di Bursa Saham ataupun syarikat yang tidak tersenarai, syarikat kecil, syarikat sederhana dan syarikat multinasional sekalipun adalah syarikat-syarikat yang sebenarnya merupakan sumber kewangan yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Kita juga tahu bahawa syarikat-syarikat jugalah sangat mempunyai kaitan yang tepat dan kuat dengan perkembangan pelaburan dan juga perkembangan di bursa saham yang banyak diperkatakan dalam pindaan-pindaan rang undang-undang yang telah dibentangkan pagi ini dan juga kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan bahawa institusi syarikat ini yang merupakan pelaburan, sumber kewangan, perbelanjaan pengguna, keuntungan modal, kewangan ekuiti adalah juga mengembangkan ekonomi dan oleh itu ianya amatlah perlu kita beri perhatian dan sepertimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk penguatkuasaan apa polisi-polisi baru untuk mengemaskinikan ekonomi kita, kita perlulah penguatkuasaan undang-undang. Jadi, undang-undang yang hendak dipinda dan undang-undang yang sekarang ini sedang kita perbahaskan untuk pindaan yang berkaitan dengan syarikat adalah merupakan pindaan-pindaan yang saya berpendapat, seperti juga sahabat-sahabat lain menyatakan bahawa ianya memanglah tepat dan inginlah saya menyentuh secara lebih terperinci untuk menyokong rang undang-undang yang dibentang untuk pindaan ini.

Pertamanya ialah mengenai seksyen 67A *Akta 125* iaitu mengenai pembelian balik syer syarikat. Seperti yang kita tahu bahawa seksyen ini telah pun diperkenalkan pindaannya dalam sesi yang terdahulu dan telah pun diluluskan dan dalam sesi ini kita telah diberitahu bahawa perlunya ada opsyen lain untuk syer yang dibeli balik itu

bukan hanya untuk syarikat dan seterusnya dibatalkan tetapi hendak pula diberi pilihan untuk mengekalkan syer itu di dalam perbendaharaan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam mengemukakan tentang pindaan ini telah menyebut tentang adanya pilihan kerana daripada pengalaman syarikat-syarikat dalam buy back ini adanya permohonan ataupun mungkin adanya permintaan untuk saham-saham ini dikekalkan di dalam perbendaharaan iaitu disebut di sini sebagai “to retain the shares so purchased in treasury or to retain part of the shares so purchased as treasury shares and cancel the remainder” Di sini saya inginlah mendapat sedikit penjelasan daripada pihak kementerian apakah yang sebenarnya yang dimaksudkan dengan saham atau ‘share perbendaharaan’ kerana seperti kita tahu bahawa kalau adanya wujud satu tindakan untuk pembelian balik saham, ianya adalah merupakan satu tindakan syarikat untuk mendapatkan kecairan kewangan daripada hasil pembelian balik dan kita tahu yang di sini bahawa apa pindaan yang dilakukan adalah untuk menghapuskan peruntukan yang membenarkan sesuatu syarikat memberikan bantuan kewangan kepada mana-mana orang lain bagi maksud membeli syernya. Jadi, ini mungkin adalah kerana kita hendak mengawal agar memastikan bahawa wang yang ada dalam syarikat itu terus balik kepada syarikat dengan pembelian balik tetapi juga tidak mahukan bahawa orang lain yang mendapat manfaat daripada pembelian balik.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian kerana kita tahu bila adanya pembelian balik tentulah juga akan memberi implikasi kepada cukai. Adakah dikenakan cukai bagi pembelian balik atau hasil daripada pembelian balik itu sama ada dari dalam bentuk capital gains ataupun daripada dividen yang akan dibayarkan kerana banyak persoalan dan banyak juga negara luar yang tidak membenarkan buy back dalam syarikat kerana akan timbulnya masalah-masalah mengenai cukai tetapi dalam negara kita, kita masih lagi kurang pasti apakah implikasi cukai akan dikenakan dalam saham-saham buy back ini kerana wujudnya apa istilah

yang dikatakan “share perbendaharaan” tadi. Walau bagaimanapun, saya percaya ini adalah satu tindakan yang merupakan satu tindakan recycling of capital yang perlu dialu-alukan dan perlunya saya rasa juga akan dapat membantu syarikat-syarikat dalam keadaan ekonomi yang meruncing kini terutamanya dari aspek cash flow dan liquidity.

Keduanya ialah mengenai Fasal 3 rang undang-undang ini iaitu bertujuan untuk menambah tempoh seseorang boleh membeli syer belum terbit sesuatu syarikat awam apabila diberi opsi untuk berbuat demikian dan telah ditambah time frame untuk berbuat demikian daripada 5 tahun kepada 10 tahun. Saya mengalu-alukan pindaan ini kerana saya juga berpendapat bahawa dalam keadaan ekonomi yang tidak sangat menggalakkan mungkin ramai yang opsi ini tidak boleh dapat dipenuhi.

Walaupun bagaimanapun dalam tempoh yang panjang ini kita percaya ianya akan memberi manfaat kepada mereka yang mempunyai opsi untuk pembelian saham tersebut. Saya juga inginlah memberi pandangan bahawa opsi ini perlulah dilihat sebagai satu yang boleh dijadikan sebagai insentif kepada syarikat untuk menggalakkan pekerja-pekerja syarikat itu sendiri mengambil opsi tersebut sebagai insentif-insentif yang mungkin dapat memberikan motivasi kepada pekerja-pekerja syarikat yang boleh menggunakan opsi ini untuk terus mengembang dan memajukan syarikat-syarikat.

Kita tahu bahawa perkembangan dan pembangunan syarikat akan sangat bergantung kepada pekerja-pekerja dan untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat ini akan terus berkembang dan tidak sebenarnya akan menguncup dengan adanya krisis ekonomi sekarang. Perlulah adanya kita memberi insentif-insentif yang boleh dapat dilihat dan dirasakan oleh pekerja-pekerja dicapai untuk mereka bekerja keras untuk terus mengembangkan dan memajukan syarikat-syarikat mereka. Dalam keadaan ekonomi kini, dalam pergolakan ekonomi dan produktiviti yang sekarang ini agak tidak menentu kerana banyak masalah yang di luar dugaan negara dan juga syarikat-

syarikat. Saya mencadangkanlah kalau boleh bahawa syarikat-syarikat ini digalakkan supaya memberi insentif-insentif untuk diberi kepada pekerja-pekerja supaya bekerja dengan lebih baik.

Yang ketiganya, Fasal 4 yang memerlukan daftar option yang diberi kepada orang-orang untuk membeli syer belum terbit dalam syarikat dan perlunya dicatat dalam masa 14 hari dan dikenakan denda mengikut Fasal 5 yang digandakan daripada RM50,000 kepada RM1 juta...

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: RM5,000....

Puan Kamilia binti Ibrahim: RM50,000. Ya, digantikan dengan dijadikan RM1 juta. Ini juga adalah satu peruntukan yang bertepatan dengan tindakan kerajaan untuk mengawal tindakan-tindakan memastikan adanya ketelusan kerana perlunya penzahiran pembeli-pembeli saham yang perlu dicatatkan dan ini juga adalah satu tindakan yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, kita juga inginkan penjelasan daripada pihak kementerian adakah monitoring, bagaimanakah ia melaksanakan pengawalan dan pengawasan tentang perkara ini, kerana kalau tidak ada pengawasan mungkin ia tidak mungkin dapat dilaksanakan. Saya percaya tentulah kementerian ada mekanismenya dan bagaimanapun kita harapkan diwujudkan satu task force yang khusus untuk zaman atau masa kegawatan ekonomi ini. Kita jangkakan kegawatan ini mungkin dalam dua tiga tahun lagi dan kita mahukan kalau dapat pihak kementerian mewujudkan task force khusus untuk special monitoring hal ehwal syarikat-syarikat dalam semua perkara yang dapat mengawal kegiatan-kegiatan syarikat untuk membolehkan kita mencapai matlamat-matlamat pindaan syarikat yang dikait rapat dengan pindaan-pindaan yang menyentuh tentang perkembangan saham dan pelaburan. Kini mungkin yang saya tahu biasanya ada tindakan-tindakan yang kita ambil yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan undang-undang ialah dengan adanya complaints ataupun adanya peruntukan masa-masa tertentu yang dianggap telah luput, maka

tindakan boleh diambil. Tetapi bagi tujuan untuk kita benar-benar memastikan bahawa kita akan berjaya dalam apa tindakan yang telah kita kemukakan, perlulah kita wujudkan satu task force yang special atau khas untuk tujuan ini.

Seterusnya saya juga ingin mendapat penjelasan sebenarnya tentang tempoh masa pemegang syer substantial ini untuk diberitahu kepada syarikat daripada 14 hari kepada 7 hari dan dikenakan denda-denda yang telah ditentukan. Ini juga memerlukan penguatkuasaan dan saya rasa ketelusan juga akan dapat dicapai kalau ada tindakan badan penguatkuasa ini tadi terutama untuk Fasal 10, untuk Seksyen 69, Fasal 11 dan Fasal 12 yang tentunya kita tidak akan dapat tahu kalau tidak adanya penguatkuasaan yang efektif.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang Rang Undang-undang (Pindaan) yang berkaitan juga dengan saham ataupun kontrol kepada saham yang Depositori Pusat yang telah dikemukakan awal kelmarin. Ini juga kita dapati bahawa Depositori Pusat ini juga yang merupakan satu daripada penguatkuasaan kawalan terhadap saham-saham dan juga pemegang-pemegang saham yang akan sama-sama melibatkan diri dalam syarikat-syarikat di dalam negara ini. Ini juga saya rasakan perlu mendapatkan satu pengawasan yang teratur daripada pihak kementerian.

Saya juga ingin memberi pandangan mengenai Fasal 14, iaitu seksyen 176 Akta 125 iaitu tentang pindaan dan tambahan kepada perintah penahanan iaitu pihak kerajaan telah mencadangkan adanya creditors yang perlu diberitahu, adanya tempoh masa yang ditentukan dan juga adanya perlantikan seorang pengarah yang independent. Ini adalah satu langkah yang baik yang saya rasa juga akan memberikan satu perintah penahanan yang lebih adil kerana pihak-pihak yang berkenaan terlibat untuk

memberikan pandangan mereka dan seterusnya dapat memastikan bahawa perintah penahanan ini benar-benar merupakan satu perintah yang mempunyai kredibiliti dan dapat consensus daripada pihak-pihak yang berkenaan. Mungkin saya juga merasakan ada juga baiknya kalau pihak ROC dapat mewujudkan satu kaunter untuk debt counseling untuk memberi kaunseling ataupun garis panduan kepada mereka yang mempunyai hutang seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan tadi yang menyatakan, banyaknya syarikat bumiputera yang mempunyai masalah hutang dalam kegawatan ekonomi kini. Mungkin untuk mereka mendapatkan perintah penahanan ini adalah langkah yang terakhir kerana perlunya pergi ke mahkamah.

Adalah baiknya kalau dapat kita mewujudkan satu mekanisme yang membolehkan syarikat-syarikat ini mendapat khidmat kaunseling tentang restructuring of their debt, bagaimanakah mereka perlu mengawal hutang, bagaimanakah mereka dapat bayar balik dan juga mungkin pihak kerajaan dapat memberi khidmat untuk membantu mereka mencari jalan untuk menyelesaikan cara pembayaran dan seterusnya dapat membantu mereka untuk dapat terus menjalankan syarikat-syarikat mereka dalam perniagaan mereka. Saya rasa saya ada terbaca di dalam majalah tetapi saya tidak ingat namanya bahawa ada negara yang mewujudkan counter debt counseling ini untuk membantu syarikat-syarikat atau peniaga-peniaga yang mempunyai masalah-masalah mengenai perniagaan mereka. Mungkin juga saya ingin mencadangkan bahawa pihak kerajaan atau kementerian bekerjasama dengan akauntan-akauntan dan juga peguam-peguam dan menubuhkan satu perkhidmatan kaunseling yang dapat membantu peniaga-peniaga dan syarikat-syarikat yang

mempunyai masalah-masalah tentang hutang sebelum mereka pergi mahkamah untuk mendapatkan perlindungan di bawah seksyen 176.

Akhirnya, mengenai pindaan yang telah dikemukakan yang ingin juga saya memberi pandangan ialah tentang Fasal 15, iaitu meminda seksyen 365 mengenai pengeluaran dividen. Yang ini kerajaan telah menetapkan sepertimana yang diterangkan oleh pihak Timbalan Menteri dalam penjelasannya tentang rang undang-undang ini bahawa dividen tidak boleh dikeluarkan melainkan dividen itu sebenarnya ialah dividen yang mampu dikeluarkan oleh pihak syarikat dan bukannya wang yang didapatkan daripada pinjaman untuk dikeluarkan sebagai dividen. Ini juga merupakan satu tindakan yang juga kita alu-alukan bagi membuat kawalan kepada performance syarikat-syarikat, kerana ada syarikat-syarikat yang mengeluarkan dividen walaupun ianya masih tidak mampu memberi dividen dan mengambil pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lihat daripada pindaan-pindaan yang telah diajukan untuk pertimbangan kita adalah merupakan pindaan-pindaan yang sepatutnya mengawal perkembangan dan juga keupayaan syarikat-syarikat dalam mengendalikan syarikat-syarikat mereka. Berikutan dengan ini saya ingin juga memberikan pandangan saya bahawa apa yang telah dikemukakan sebagai pindaan-pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Syarikat ini adalah merupakan tindakan-tindakan yang diperlukan buat semasa. Dalam kita melihat kepada perkembangan ekonomi dewasa ini dan dalam kita mengiktiraf pentingnya institusi syarikat-syarikat ini sebagai pelaburan dan juga sebagai pengembang ekonomi, kita perlulah juga memberi satu pertimbangan bahawa Akta Syarikat ini perlu dikaji dan dilihat dan seterusnya perlu kita membuat pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan untuk merancang masa depan sama ada untuk jangka masa panjang, pertengahan dan terkini. Yang terkini ada pindaan-pindaan yang dikemukakan.

Kerana saya berpendapat bahawa apa yang kita lalui masa ini, dengan adanya pelbagai masalah yang berkaitan dengan syarikat, kerana syarikatlah yang sebenarnya

menentukan apakah yang dapat kita lihat sebagai harga saham di pasaran saham. Maka kita perlulah mengkaji balik supaya undang-undang yang ada, peraturan-peraturan yang ada dalam Akta Syarikat ini dapat benar-benar mencerminkan apakah yang perlu kita lihat di stock market. Kerana banyak kita dapati bahawa masalah-masalah yang timbul kini terutamanya daripada kejatuhan stock market ini ialah nilai saham yang kita dapati di stock market itu acapkali adalah merupakan nilai-nilai yang tinggi (over valued) saham. Oleh kerana itulah kita dapati banyaknya saham dispekulasikan dan juga banyaknya kita mendapati atau apa yang banyak telah diperkatakan stock market itu dijadikan sebagai satu tempat seperti perjudian.

Justeru itu, sudah tibalah masanya untuk kita melihat balik sebenarnya apakah definisi syarikat. Apakah yang dikatakan aset syarikat. Adakah dalam zaman komputer ini untuk kita menentukan apakah sebenarnya aset syarikat itu hanya merupakan perkara-perkara intangible dan tangible yang ada pada syarikat, tetapi adakah kita juga melihat akan software-software yang ada dalam syarikat yang perlu didefinisikan juga sebagai aset syarikat. Jadi, dari itu kita akan dapat lihat apakah nilai sebenar sesebuah syarikat dan apakah kemampuan sebuah syarikat yang juga tidak boleh kita ketepikan daripada the human resource dalam syarikat. Adakah ianya juga perlu dipertimbangkan sebagai definisi syarikat atau aset syarikat.

Keduanya, saya juga ingin menyentuh tentang pengurusan syarikat. Adakah lembaga pengarah yang merupakan the policy makers untuk syarikat ini perlu dipertingkatkan kriteria-kriteria untuk mereka yang layak untuk menjadi ahli lembaga pengarah. Sekarang ini yang ada ialah yang paling penting untuk memastikan sama ada seseorang itu boleh atau tidak boleh disenaraikan, tetapi hanya disebut tidak boleh, iaitu jika seseorang itu antaranya yang paling penting bukan seseorang bankrap. Selain daripada itu, rasa saya siapa pun yang berumur lebih daripada 21 tahun layak dipilih dan dilantik sebagai lembaga pengarah. Soalannya, adakah pengurusan sesuatu syarikat itu dapat dipastikan mempunyai pengurusan yang tinggi dari segi profesionalismenya.

Begitu juga daripada jawatankuasa pengurusan, adakah pihak ROC mempunyai peraturan-peraturan untuk memastikan bahawa kelayakan-kelayakan mereka yang menguruskan syarikat-syarikat adalah mereka yang memenuhi kriteria-kriteria yang tertentu. Daripada apa yang saya ingat yang terdapat dalam Akta Syarikat kita tidak mempunyai kriteria-kriteria tertentu yang dinyatakan di dalam Akta Syarikat ataupun dari peraturan-peraturan syarikat untuk memastikan pengurusan syarikat itu adalah dipegang oleh mereka yang menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan pihak ROC atau kementerian tentang pemegang saham terutamanya mereka yang merupakan minoriti pemegang saham. Bagaimanakah pemegang saham dapat lebih berperanan dalam menentukan pengurusan syarikat. Saya tahu bahawa pemegang saham ini tidak boleh masuk campur dalam pengurusan bersih dan hanya dapat melihat performance sesebuah syarikat itu melalui annual reportnya. Tetapi pada pandangan saya dalam keadaan kini dan pengalaman-pengalaman pengurusan syarikat mungkin agaknya pihak kementerian atau ROC dapat memberi pendekatan baru bagaimanakah check and balance dalam pengurusan syarikat dapat dipertingkatkan dan bagaimanakah pemegang saham yang merupakan pelabur-pelabur dapat sama-sama melibatkan diri dalam pengurusan syarikat. Mungkin tidak secara langsung, tetapi ada pendekatan-pendekatan selain daripada seperti kita tahu kalau minoriti interest itu hanya dapat perlindungan yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat, tetapi hanya boleh dibuat kalau ianya mengambil tindakan mahkamah.

Jadi, tindakan mahkamah ini adalah satu peruntukan yang tidak sangat menggalakkan minoriti untuk mengambil bahagian. Kerana ianya seperti kita tahu tindakan mahkamah ini mengambil masa dan juga ianya memerlukan khidmat guaman, ianya juga akan melibatkan implikasi kewangan. Mungkin kita perlu fikirkan tentang pendekatan-pendekatan baru check and balance pengurusan syarikat-syarikat.

Dalam pengurusan syarikat juga saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan perlulah memberi insentif-insentif untuk 'restructuring companies' dijalankan oleh syarikat-syarikat. Saya tahu banyak juga syarikat-syarikat sekarang membuat struktur-struktur baru bagi syarikat terutamanya untuk menutup anak-anak syarikat yang tidak begitu maju supaya ianya dapat membekalkan cash flow yang lebih tinggi dan liquidity yang lebih tinggi tetapi mungkin kerana hendak menggalakkan pengurusan lebih efisien, kita perlulah ada insentif-insentif untuk restructuring.

Akhirnya saya ingin menyentuh tentang aspek-aspek financing syarikat-syarikat yang paling saya rasa penting ialah dari segi 'actual earning' of the syarikat untuk memastikan bahawa sebenarnya syarikat-syarikat ini adalah syarikat-syarikat yang mempunyai produktiviti yang tinggi.

Beberapa tahun yang lalu kita dapati banyak syarikat yang berkejar untuk dapat disenaraikan sama ada di Papan Kedua ataupun Papan Utama dalam Bursa Saham Kuala Lumpur kerana saham-saham merupakan sumber modal atau pendapatan kerana apabila disenaraikan, maka saham-saham akan dibukakan kepada orang ramai, rotation of share dan sebagainya. Jadi banyak syarikat tidak mementingkan 'actual earning' dan produktiviti tetapi lebih mementingkan kepada memenuhi syarat-syarat kriteria Security Commission untuk ianya dapat disenaraikan.

Saya ingin mencadangkan bahawa dalam kita menyenaraikan syarikat-syarikat di bursa saham, saya tahu SC juga mempunyai syarat-syarat yang ketat. Walau bagaimanapun inginlah saya mencadangkan pihak kerajaan ataupun ROC mempunyai, mewujudkan satu pendekatan atau mekanisme untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat sebenarnya dapat memberikan gambaran produktiviti yang sebenar dan pihak ROC perlulah memastikan bahawa 'auditors report' itu adalah report yang dapat, yang mungkin perlu dibuat formula baru bagi 'the auditors' atau 'new creative accounting' untuk memastikan apa yang dilaporkan itu dapat memberi gambaran sebenarnya produktiviti dan 'actual earning' dan profit bagi satu-satu syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak memperkatakan tentang perkara-perkara ini kerana daripada perkembangan ekonomi kini, the 'crisis economy' kini kita dapati bahawa bank-bank banyak menghadapi masalah kerana non-performing loan dan ini ialah kerana syarikat-syarikat tidak dapat membayar balik bank-bank, hutang-hutang yang diambil dan kalau kita lihat balik, mengapakah hutang tidak dapat dibayar balik? Kita perlu melihat balik adakah syarikat yang mengambil pinjaman itu benar-benar produktif atau tidak dan ini sebenarnya berbalik kepada performance syarikat-syarikat yang berkenaan. Banyak syarikat yang mempunyai anak-anak syarikat tetapi syarikat-syarikat itu sebenarnya not functioning dan tidak produktif dan oleh kerana itu kita dapati bila banyak anak syarikat dibuka, banyak bank loan diambil dan banyaklah non-performing loan yang diwujudkan dan juga saham-saham yang disenaraikan juga memberikan harga-harga yang sebenarnya tidak merupakan nilai sebenar yang sepatutnya dikatakan sebagai nilai saham bagi satu-satu syarikat itu.

Justeru itu pengalaman ini perlulah diambil iktibar agar kita benar-benar mengambil correcting measure atau pembetulan-pembetulan yang lebih berkesan kerana adanya pengalaman. Kalau tidak, tanpa kita melalui apa yang kita lalui hari ini, besar kemungkinan kita tidak tahu apakah kesilapan-kesilapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan dan saya mengharapkan bahawa tindakan-tindakan yang lebih proaktif akan dibuat oleh pihak kerajaan bagi menangani krisis ekonomi kini dan juga masa hadapan. Sekian, terima kasih.

3.34 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini, tetapi saya ingin menekankan tentang denda kepada orang yang melakukan kesalahan ataupun menentang undang-undang ini. Saya tidak setuju tentang denda dari RM50,000 dinaikkan hingga RM1juta. Pada hari semalam dan hari ini dalam empat Rang

Undang-undang berkenaan dengan perindustrian sekuriti setiap denda adalah meningkat RM1 juta dan sekarang Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) ini pun dari RM50,000 hingga RM1 juta. Saya selama lima tahun menuntut undang-undang di England, tidak ada undang-undang yang begitu serius dendanya RM1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kalau kita jatuhkan hukuman RM1 juta denda kepada siapa yang melakukan kesalahan, pada hemat saya memang orang itu tidak sanggup membayar denda. Kalau sekiranya tidak sanggup membayar denda maka orang itu akan dipenjarakan. Pada hari ini Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak ada sini, Dato' Ong Ka Ting tidak ada, tetapi mengikut laporan berita yang mengatakan pada hari ini di semua penjara dan pusat tahanan penuh sesak, tidak ada tempat kosong. Beras sekarang mahal sangat, Tan Sri, kita bukan mahu penjara semua orang. Kalau dia menyesal tentang kesalahannya, kita harus bagi satu peluang kepada mereka yang melakukan kesalahan. Kalau denda RM1 juta, kita sebagai peguam di mahkamah, kita tengok firstly, apa kesalahan yang OKT itu - orang kena tuduh itu melakukan. Secondly, apakah denda ataupun hukumannya bila seseorang lawyer tengok dendanya RM1 juta, ini kecuali orang millionaire, kalau tidak, bila dia melakukan kesalahan ini akan dimasukkan dalam penjara. Jadi pada hemat saya ini amat serius. Tujuan kita bukan masukkan orang dalam penjara, tetapi bagi amaran, itu saja pada hemat saya. Jadi sungguhpun beberapa sahabat saya setuju tentang denda RM1 juta tetapi pada hemat saya, saya adalah seorang Senator, without fear of favour. Saya kata, saya tidak terima.

Tuan Yang di-Pertua: Bayaran peguam macam mana?

Tuan Yim Chee Chong: Peguam, kalau peguam, ada orang melakukan kesalahan ini tengok denda RM1 juta, minta dia bersiap sedia masuk penjara.

Tuan Yang di-Pertua: Bayaran kepada peguam macam mana?

Tuan Yim Chee Chong: Bayaran peguam, itu masing-masing, tengok berapa, macam saya, orang miskin, percuma. Banyak kes percuma yang saya kendalikan, ada

lawyer yang charge banyak RM20,000, RM30,000, RM50,000 pun ada juga, tengok lawyer masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau fine RM1 juta, lawyers fees RM2 jutalah?

Tuan Yim Chee Chong: Legal fees tengoklah, kalau dia sudah masuk penjara macam mana hendak minta wang daripadanya. Dia kata, saya bersedia hendak masuk penjara, legal fees tak dihiraukannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong tujuan rang undang-undang ini memanjangkan tempoh maksimum bagi membolehkan seseorang yang memegang opsyen melaksanakan haknya untuk memiliki syer dalam sesebuah syarikat di bawah seksyen 68 daripada 5 tahun kepada 10 tahun. Ini baik. Pindaan ini adalah hasrat rakyat Malaysia, adalah good news to them. Hari ini saya baca satu artikel dari *Sin Chew Jit Poh*, pemberita *Sin Chew Jit Poh*, ada atau tidak dalam Dewan yang mulia ini. Ini laporan tentang pindaan rang undang-undang ini. Dia kata, pindaan ini adalah hasrat rakyat jelata yang sudah lama ditunggu. Ini saya sokong, Tuan Yang di-Pertua. Pada hari ini oleh kerana krisis kewangan dan krisis ekonomi di negara kita ini banyak syarikat menghadapi kesusahan, banyak syarikat oleh kerana tidak ada business jadi tidak ada wang untuk membayar gaji, jadi banyak juga syarikat telah di “wind up” ataupun telah digulungkan. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian Kewangan akan menubuhkan satu biro

bantuan syarikat, bagi nasihat, bagi segala bantuan kepada syarikat-syarikat di negara kita ini.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah bekas ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bagi Parlimen Malaysia (Public Account Committee), jadi saya tidak ada peluang untuk menasihatkan Bank Negara, tetapi melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin mengemukakan cadangan saya kepada Bank Negara. Pada hemat saya Bank Negara pernah melakukan kesilapan. Oleh kerana pada masa dahulu, sesiapa yang meminta pinjaman daripada bank ataupun syarikat kewangan, kalau tak sanggup bayar

(non-performance loan) dalam tempoh enam bulan, barulah bank perdagangan ambil tindakan terhadap peminjam-peminjam. Di Singapura, sungguhpun saya tidak setuju tentang sikap Singapura kepada Malaysia kita, sikap mereka saya tidak setuju, tetapi sistem perbankan mereka itu, kalau tak sanggup bayar dalam tempoh 9 bulan baru ambil tindakan undang-undang, bad debt - ambil tindakan undang-undang. Tetapi semasa negara kita menghadapi krisis kewangan, krisis ekonomi, macam mana bank negara boleh katakan dari enam bulan dipendekkan sampai tiga bulan, kalau tiga bulan tidak bayar, maka bank akan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam-peminjam. Mereka susah masa itu, kita harus dari enam bulan sampai sembilan bulan baru betul. Sekarang dari enam bulan dipendekkan jadi tiga bulan, lagi banyak syarikat mati, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Itu dia the only bank, dia sendiri pun sudah bankrap, macam mana negara kita ini makmur. Jadi saya cadangkan kepada Bank Negara yang bad debt period bukan dari enam bulan ke tiga bulan, kita harus dari enam bulan ke sembilan bulan demi kepentingan syarikat-syarikat, dan demi kepentingan negara kita. Betulkah pandangan saya.?

Ini pandangan saya, saya tak tahu pandangan Senator yang lain, hari ini ada pegawai Bank Negara atau tidak, kalau ada tolong catatkan cadangan saya dan kemukakan kepada Gabenor Bank Negara demi kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh tentang kadar faedah. Saya sebenarnya adalah seorang penasihat undang-undang bagi banyak bank dan syarikat kewangan di negara kita ini. Kalau mengikut kepentingan saya, saya diamkan hal ini, tetapi oleh kerana untuk kepentingan peminjam-peminjam, saya ingin mengatakan, bila sign agreement pinjam duit 10% - 11%, tetapi sudah satu, dua tahun ia sudah naik, ia sendiri naik 13%, ada sampai 14% dalam masa kegawatan ekonomi. Banyak syarikat tidak sanggup bayar, macam mana hendak menjalankan perniagaan. Jadi hari ini saya sokong langkah Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang mengatakan kita harus turunkan kadar faedah. Hari ini kadar faedah

telah diturunkan, saya harap kalau boleh kita turunkan seberapa rendah yang boleh pada masa kegawatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai sahabat saya ramai yang hendak pulang ke rumah hendak jumpa isteri dan anak-anak, jadi itulah sahaja ucapan saya ataupun perbincangan saya, saya memohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Ahli Senator perempuan macam mana?

Tuan Yim Chee Chong: Jumpa suami, anak-anak, ada yang belum kahwin ada boyfriend jumpa boyfriend, atau pulang ke kampung halaman. Itu sahaja.

3.47 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 seperti mana diperkatakan oleh Timbalan Menteri tadi, saya menyokong rang undang-undang ini.

Saya hanya ada dua, tiga perkara yang saya hendak bangkitkan. Satu daripadanya ialah berkenaan dengan membenarkan membeli balik. saham syarikat. Saya tahu ini adalah perkara yang terjadi dibanyak negara di dunia ini khususnya di Amerika, di England, Australia, menjadi fundamental law dalam syarikat, tidak boleh beli saham balik sebabnya dia akan mengurangkan kewangan syarikat itu, tetapi disebabkan oleh keadaan berubah, disebabkan oleh globalisasi, peniaga wang, manipulator, spekulator masuk campur sebab itulah keadaan ekonomi kita sekarang ini berubah. Oleh itu kerajaan kita telah pun mencadangkan pindaan undang-undang untuk mempertahankan ekonomi dan memulihkan ekonomi dalam kaedah sekarang ini.

Oleh itu, saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana sentiasa mengikuti perkembangan ekonomi dunia semasa dan kita ada cara ala Malaysia untuk cuba membanteras, mempertahankan dan mengatasi kegawatan yang kita hadapi sekarang ini. Oleh itu saya minta kepada kerajaan apabila membeli saham ini balik kita kena

berhati-hati, janganlah beli saham itu apabila syarikat itu tidak terjamin, janganlah beli saham itu dengan harga yang mahal, kemudian memegangnya begitu lama, apabila hendak jual balik tidak dapat disebabkan harga telah turun 15 sen daripada katakanlah RM5. Jadi pembelian balik saham ini oleh syarikat-syarikat sungguhpun dengan lulusnya rang undang-undang ini boleh diperbuat tetapi hendaklah berhati-hati sebab kegunaan saham ini ialah untuk menambahkan modal kita, “capitalisation of the company itself”, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya dari segi memberi dividen. Kita tahu dari segi syarikat keuntungan akan hanya boleh diberi melalui keuntungan syarikat itu - from the profit sahaja bukannya daripada capital syarikat itu dan di sini ada Fasal yang menyebutkan syarikat terpaksa memberi dividen dan tidak boleh ditangguhkan tetapi ini kepada syarikat induk sahaja. Mengapa kebenaran atau pindaan ini tidak dikenakan kepada anak syarikat. Oleh itu, apakah tujuan kerajaan untuk tidak mengenakan kepada anak syarikat. Adakah ini bertentangan ataupun adakah ini memberi sebab-sebab tertentu kepada syarikat itu.

Yang ketiganya saya hendak mencadangkan berkenaan dengan syarikat-syarikat yang didaftarkan dengan ROC tetapi syarikat-syarikat ini tidak berjalan, tidak beroperasi ataupun tidak digunakan dengan tujuan-tujuan syarikat ini ditubuhkan. Saya tahu banyak syarikat yang telah ditubuhkan bertahun-tahun tetapi tidak menjalankan operasinya dan tidak menghantar tiap-tiap tahun akaun-akaun yang telah diaudit kepada ROC. Oleh itu saya mencadangkan bahawa syarikat-syarikat yang tidak berjalan langsung ini yang tidak ada memberi akaunnya kepada ROC dimansuhkan, dibatalkan secara automatik tetapi dari segi liabilitinya, director atau syarikat-syarikat itu mestilah ada satu mekanisme untuk mengatasi masalah yang akan berlaku itu. Sekarang ini saya difahamkan bahawa syarikat-syarikat yang tidak mengendalikan

urusannya akan terbatal 6 tahun mengikut akta limitation kewangan tetapi saya mencadangkan untuk diambil tempoh selama 3 tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak bawa di sini ialah mengenai dividen-dividen yang telahpun diisytiharkan oleh lembaga pengarah syarikat yang tertentu, yang terdahulunya telah diisytiharkan tapi sayangnya banyak dividen ini tidak sampai kepada pemegang-pemegang saham khususnya yang duduk di kampung-kampung dan dividen ini amat kecil khususnya daripada dividen-dividen Unit Trust dan saya hendak tahu berapa banyakkah duit yang patut diberi kepada pemegang saham ini tidak dapat disampaikan. Saya rasa tentu banyak sekali. Adakah mekanisme untuk memberitahu pemegang-pemegang saham ini misalnya masuk ke dalam iklan-iklan surat khabar ataupun majalah-majalah yang khusus berkaitan dengan ruang-ruang perniagaan.

Saya rasa satu cara baru untuk memberitahu rakyat berkenaan dengan perkembangan-perkembangan syarikat di negara ini patutlah kita perluaskan supaya setiap individu tahu pergerakan syarikat membeli saham, menjual saham sungguhpun ada majalah-majalah (magazine) yang menyatakan ataupun *Business News* ada banyak, tapi kebanyakannya majalah ini adalah dalam Bahasa Inggeris tidak diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Kebangsaan. Ramai penduduk masih lagi tidak tahu bagaimana hendak mengurus perniagaan-perniagaan, membeli saham dan menjual saham. Saya rasa patut kita perluaskan supaya negara kita ini menjadi satu negara yang masyarakatnya betul-betul pandai mengendalikan perniagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya hendak bangkitkan di sini iaitu mengapakah kebelakangan ini banyak sangat syarikat disenaraikan di Papan Kedua dan juga di Papan Utama. Apabila sampai dua tahun sahaja syarikat ini mulalah menunjukkan kelemahannya. Mengapa cukup senang syarikat-syarikat ini disenaraikan dan dapat diperniagakan di pasar-pasar saham di negara ini. Sekarang sudah banyak syarikat

yang lemah misalannya kalau dahulu ada 74 di bawah NTA daripada 100 yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua: NTA apa?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: (NTA) - Nett tangible asset, maknanya kekukuhan syarikat itu dari segi aset-asetnya apabila dikumpulkan. Semuanya 74 yang disenaraikan daripada 100 itu sekarang ini di bawah NTA. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saham-saham pada masa ini kalau yang kukuh itu patut/bolehlah beli tapi ini pun kita tidak begitu tahu sebab berita-berita itu semuanya dalam bahasa Inggeris. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, apakah cara, mekanisme apabila syarikat itu boleh disenaraikan dalam bursa saham. Jadi perkara ini patutlah diambil berat dan diteliti dengan sehabis-habisnya supaya perkara yang berlaku sekarang ini tidak akan berlaku lagi.

Berkenaan dengan denda tadi saya setuju, ini adalah denda yang amat tinggi tetapi kepada saya kerajaan akan menggunakan denda ini mengikut kaedah masing-masing. Kalau Yang Berhormat ingin membeli dua saham dan tidak didaftarkan siapa dia punya beneficial owner itu, rasa saya dia tidak kena denda sejuta tapi kalau saham itu besar berbilion-bilion saya rasa, Satu juta ini tidak memberi makna. Oleh itu denda ini maksimum 1 juta tetapi tidak semuanya nanti akan didenda satu juta ada yang didenda lima ribu, sepuluh ribu. Terpulang kepada kerajaan untuk memberi penerangan. Walau bagaimanapun saya sokong, kalau terlalu tinggi sangat ramai orang nanti tidak dapat membayar denda dan sesaklah lagi penjara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan seksyen 107D, saya tidak begitu faham bahawa mahkamah akan mempunyai kuasa hanya untuk memberi remedy kepada pihak yang 'terkulai'. Apa remedy ini ? Apa yang mahkamah boleh buat apabila di bawah seksyen 107D ini digunakan iaitu bertujuan untuk memastikan bahawa rekod pendeposit tidak tertakluk kepada pembetulan oleh mahkamah, maknanya kalau daftar itu dia pegang satu juta, satu jutalah tidak boleh ditukarkan oleh mahkamah. Tetapi remedy ada diberi kepada mahkamah mengikut seksyen 107D, apa dia remedy itu?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu? Perkara-perkara lain saya nampak semuanya elok belaka dan apa yang diperbuatkan oleh kerajaan ini mengikut kehendak semasa dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang dapat meminda dengan begitu segera dan saya mengucap tahniah kepada ROC kerana kebelakangan ini ROC berjalan dengan begitu licin dan kita berharaplah Registrar of Companies (ROC) ini akan berterusan dengan kerja yang baik itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Zuki sudah habis, Yang Berhormat ?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Tuan Yang di-Pertua datang tadi, saya pun sudah tidak ada apa hendak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

4.01 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini iaitu Akta Syarikat (Pindaan) (No.2)1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh sedikit sahaja iaitu pertamanya, berkenaan kedudukan lembaga pengarah syarikat, pengurusan syarikat itu dan perkara ini telah disentuh oleh rakan-rakan saya yang bercakap sebelum ini. Kadang-kadang kita perhatikan lembaga-lembaga pengarah ini mungkin ada kaitan dengan orang-orang dalam termasuklah ROC dan pihak bank dan sebagainya, tubuh syarikat lepas itu syarikat-syarikat yang agak boleh bergerak maju minta disenaraikan di Bursa Saham jadikan listed company kemudian cari peluang untuk dapatkan duit daripada orang ramai, selepas duit dapat banyak, urus secara tidak betul, orang ini buat duit kemudian syarikat itu jadi bankrap. Jadi kedudukan akaun dia pun teruk.

Orang yang jadi mangsa ialah pemegang-pemegang syer sama ada yang melalui Kementerian Kewangan dan sebagainya ataupun yang isi borang lepas itu dia dapat ikut nasib, maka orang-orang kebanyakannya ini ialah pemegang-pemegang yang menggunakan duit sendiri ataupun mendapat duit daripada pinjaman bank. Ini satu cara yang kita nampak menjadi perompak secara moden. Buat syarikat, listed lepas itu kutip duit kemudian syarikat itu tutup - bankrap. Satu perkara yang boleh berlaku, saya tidak tahu sama ada pindaan akta ini boleh perhatikan, boleh mengawasi perkara

seperti yang saya sebut itu tidak berlaku. Kemudiannya kita juga perhatikan banyak pengarah bukan duduk dalam satu syarikat. Mereka ini menjadi pengarah dalam berbagai-bagai syarikat maka sudah tentulah mereka akan memikirkan mana syarikat yang memberi kepentingan peribadi lebih maka itu yang akan diberi perhatian lebih. Bagi syarikat-syarikat yang kepentingan mereka mungkin tidak ada banyak, dibiarkan begitu sahaja. Apa yang akan jadi kepada orang-orang pemegang syer minoriti yang tidak mempunyai peranan dalam syarikat ini. Mereka ini juga akan menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan sekarang ini kita dapati begitu ramai pembeli syer syarikat ini sama ada terutama sekali syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham dan termasuk juga syarikat-syarikat sendirian berhad yang tidak disenaraikan yang sekarang ini menghadapi masalah dan senang bagi pengarah-pengarah ini memberi alasan, kata mereka sekarang ini kita mengalami kegawatan ekonomi. Tetapi bagi pengarah-pengarah, walaupun syarikat rugi, gaji, elaun mereka, keselesaan mereka, guna kereta, kemudahan dan sebagainya, tidak berubah juga. Syarikat rugi, mereka tidak rugi, tetapi pemegang-pemegang syer hanya menunggu nilai syer mereka makin menurun.

Ini satu perkara yang saya tidak pasti sama ada Akta ini boleh mengambil tindakan menyasat dan mengetahui siapa yang bertanggungjawab. Satu aspek lagi saya juga tidak pasti, sama ada Akta ini berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap pengarah-pengarah eksekutif, pengarah-pengarah syarikat yang disahkan melakukan penyelewangan sama ada menyalahguna kuasa, menggunakan kemudahan-kemudahan dari segi kewangan dan sebagainya tanpa batasan. Sebab kita dapati banyak pengarah syarikat terutama Pengarah Eksekutif ataupun Pengarah Urusannya yang menggunakan budi bicaranya dari segi perbelanjaan, dari segi hendak buat itu, hendak buat ini, dari segi hendak buka cawangan dan sebagainya, dari segi hendak beri tender, yang buat tender cara negotiate cara bagi begitu sahaja, dari segi nilai. Inilah perkara-perkara yang saya dapati kemungkinan susah bagi orang awam untuk mengetahui kedudukan yang sebenar.

Jadi akta ini hendaklah menjuruskan ke arah memastikan pengurusan yang lebih telus, tidak ada makna kita hendak menjamin ketelusan di dalam syarikat padahal ketelusan dari segi pengurusan, dari segi penyelewangan, dari segi perkara-perkara yang memberi kepentingan kepada pemegang-pemegang syer yang dengan sekali gus,

kalau perkara ini tidak dapat dipastikan saya yakin akta ini tidak memberi makna. Kita tidak mahu Akta ini hanya bertujuan menyelamatkan syarikat-syarikat yang dimiliki atau dipunyai oleh orang-orang tertentu sahaja dalam masa menghadapi kegawatan ekonomi sedangkan seperti yang saya sebut tadi, kalau kita, seperti Yang Berhormat Tuan Yim kata tadi, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam ROC baik, di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri pun baik dan di Kementerian Kewangan pun sama, dari bank-bank pun sama. Kadang-kadang mereka ini tidak begitu memikirkan kepada kepentingan syarikat-syarikat yang menjualkan saham-sahamnya kepada orang ramai. Mereka hanya menjalankan tugas sebagai pegawai di agensi-agensi yang saya sebutkan tadi.

Selainnya saya sudah berkali-kali, dahulu pun saya pernah bercakap, mengapakah soal faedah, apabila kita sign agreement, dengan izin, pada ketika itu, faedah hanya 1% above BLR tetapi selepas itu bila timbul masalah bank boleh sewenang-wenang ataupun syarikat kewangan itu sewenang-wenang mengubah faedah. Jadi saya tidak tahu apa maksud, apa gunanya kita adakan perjanjian sedangkan satu pihak boleh meminda apa yang tercatat. Jadi pihak yang meminjam tidak boleh buat apa-apa. Ini satu langkah yang saya rasa tidak adil kepada pihak-pihak yang meminjam.

Satu perkara lagi kita tengok sekarang ini kalau kita pergi ke bank walaupun kerajaan menetapkan polisi, mengarahkan bank-bank memberi pinjaman, memberi kelonggaran dan sebagainya, kadang-kadang dia kata tidak payah cagaran tetapi bila pihak pemimjam buat kertas kerja, pergi jumpa pegawai bank, masalahnya lain cerita. Dia mahukan penjamin, dia mahukan cagaran, tanah atau pun benda-benda yang ada nilai dan sebagainya. Jadi bagi orang-orang yang hendak berniaga, yang tidak mempunyai harta sudah tentulah menjadi susah, dan saya bersyukur kerana akhir-akhir ini dengan sikap tegas dan berani kerajaan, terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dulu kita minta maaf, sepatutnya kita ada Menteri Kewangan tetapi dalam masa menghadapi kegawatan ekonomi, mungkin ada masalah lain, perkara itu tidak

dapat diselesaikan. Maksud saya, kita rasa dukacita dalam keadaan ekonomi kita gawat, Gabenor Bank Negara dengan Timbalan Gabenor serentak letak jawatan. Ini sudah tentulah menunjukkan bahawa mereka tidak peka kepada keperluan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara. Mereka tidak mengikut polisi yang kerajaan tetapkan. Mereka masih terikat dengan polisi antarabangsa yang sudah tentu diperalatkan oleh pihak tertentu untuk menekan ekonomi negara kita dan kita berharap pegawai yang ada sekarang pun mestilah peka kepada kehendak untuk ke arah memulihkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin menyebutkan di sini, pindaan Rang Undang-undang ini juga hendaklah memastikan supaya spekulator dan manipulator dalaman, maksudnya dalam syarikat itu sendiri sama ada syarikat yang disenaraikan ataupun syarikat yang tidak disenaraikan, tidak berlaku yang boleh mengakibatkan syarikat itu muflis ataupun rugi.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan pindaan Akta yang membolehkan syarikat-syarikat ini membeli semula saham-sahamnya balik dan saya juga bersetuju dengan pendapat rakan saya supaya pembelian balik ini hendaklah dipastikan tidak merugikan syarikat itu. Janganlah pada masa harga sepatut saham yang hendak dibeli balik itu, katakanlah 50 sen tetapi pihak-pihak tertentu di dalam syarikat membeli dengan harga yang tinggi, mengira komisen nanti selepas itu dalam beberapa lama kalau saham itu tidak dilupuskan ataupun dikekalkan di bawah perbendaharaan tiba-tiba ditunjukkan kira-kira, syarikat itu rugi sebab dibeli balik kerana ia perlukan wang dan ia perlukan wang tentu sama ada ia gunakan wang tabungan yang ada ataupun wang yang dipinjam maka ia akan menghadapi masalah yang lebih banyak tetapi orang-orang yang memegang saham itu akan mengalami kerugian yang lebih teruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan yang kerajaan buat ke atas Akta ini selain daripada perkara-perkara yang telah disentuhkan tadi ianya ialah untuk memberi satu jaminan kepada pasaran saham di negara kita supaya sekaligus dapat membantu

ke arah memulihkan ekonomi negara kita dan kita berharap dengan pindaan ini juga ianya akan selari dengan empat pindaan yang telah kita luluskan. Kita bersama-sama mendoakan semoga keadaan ekonomi kita akan pulih dan insya-Allah rakyat di dalam negara Malaysia ini tidak akan jadi seperti negara-negara lain terutama sekali jiran tetangga kita yang kita tidak tahu bila keadaannya akan pulih semula. Saya mempunyai keyakinan penuh ekonomi negara Malaysia akan pulih dalam masa yang singkat. Insya-Allah kalau sekiranya semua rakyat memainkan peranan memelihara perpaduan dan jangan terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan perpaduan kaum di dalam negara ini. Dengan ini saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' sila jawab.

4.12 ptg.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Syarikat 1965.

Pada keseluruhannya pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat memberi sokongan penuh terhadap pindaan-pindaan yang dibawa oleh kementerian dan juga telah memberi teguran-teguran yang membina apabila mereka membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya akan jawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan khususnya dari segi Rang Undang-undang ini dan lain-lain perkara yang boleh saya akan jawab dan yang lain-lain akan dicatat dan diberi perhatian selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan yang dibuat untuk kreditor ataupun untuk tindakan yang boleh diambil oleh pihak kreditor melalui proses Mahkamah Tinggi. Suka saya jelaskan bahawa perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan, suka saya jelaskan bahawa ini bukan dilakukan oleh ROC iaitu tindakan oleh pihak kreditor, penggulungan syarikat adalah dibuat oleh kreditor

melalui mahkamah, bukan dilakukan oleh ROC. Jadi ROC tidak ada kuasa untuk menanggukkan sebarang perintah penggulungan syarikat. Penanggukan hanya boleh dibuat oleh syarikat berkenaan di dalam prosiding yang sama di Mahkamah Tinggi. Ini adalah jelas sekali.

Yang kedua, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan juga bahawa mengenai sijil khas, apakah ROC boleh mengeluarkan sijil khas kepada individu yang ingin menjadi pengarah di syarikat. Suka saya jelaskan bahawa ROC sentiasa berhati-hati di dalam perkara ini. Baru-baru ini ROC bersama-sama beberapa badan swasta telah menubuhkan satu badan yang bernama Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG) untuk tujuan mempertingkatkan taraf atau standard corporate governance di kalangan pengarah-pengarah di negara ini. Ini adalah satu usaha baru. Antara lain badan ini (MICG) akan menganjurkan kursus dan latihan khas untuk jawatan pengarah syarikat terutamanya syarikat awam. Skim latihan sebegini akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Mengenai apakah pindaan yang dibuat akan membawa faedah kepada syarikat-syarikat besar tetapi tidak bagi syarikat kecil dan sederhana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan juga, suka saya jelaskan bahawa seksyen 176 adalah untuk semua syarikat yang didaftarkan di negara kita, tidak mengira sama ada syarikat awam atau syarikat sendirian berhad. Masalah restructuring sesebuah syarikat terjadi bukan sahaja di kalangan syarikat awam malahan ianya juga di kalangan syarikat sendirian berhad. Oleh itu syarikat sendirian berhad juga boleh memanfaatkan seksyen 176. Walau bagaimanapun pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan perlu memikirkan bantuan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan juga kepada usahawan-usahawan kecil, ini adalah satu perkara yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak kerajaan dan perkara ini akan dirujuk kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan agensi-agensi lain supaya diteliti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengwujudan satu sekretariat khusus yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan, ini merupakan satu cadangan yang baik dan kita akan merujuk kepada kementerian yang berkaitan iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Kewangan untuk diteliti mengenai cadangan ini.

Selain daripada itu Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah membangkitkan beberapa isu, saya setuju bahawa majalah-majalah ataupun wartawan-wartawan asing masing-masing ada agenda selain daripada kepentingan negara kita, mereka ada agenda sendiri dan mereka memberi satu gambaran yang begitu teruk tentang negara kita untuk menjatuhkan imej negara kita dan kalau kita menghadapi masalah mereka tidak berbuat apa-apa untuk memperbetulkan ataupun membantu negara sebaliknya mereka membuat laporan-laporan yang palsu, laporan yang diputarbelitkan dan sebagainya. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya Pendaftar Syarikat menjalankan penyiasatan ke atas syarikat Timbalan Menteri Besar yang dinamakan oleh beliau, suka saya jelaskan bahawa ROC akan mengkaji perkara ini dan akan mengambil tindakan susulan sekiranya siasatan diperlukan. Walau bagaimanapun sukacita sekiranya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim memberi maklumat yang lebih terperinci mengenai perkara ini bagi membolehkan ROC menjalankan siasatan atau tindakan dan kalau perlu kita akan terus rujuk perkara ini kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab iaitu polis dan juga BPR. Oleh kerana penentuan satu kesalahan berlaku atau tidak, hanya boleh diputuskan oleh badan-badan tersebut tetapi ROC akan meneliti, kalau Yang Berhormat dapat memberi maklumat yang lebih terperinci.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim telah membangkitkan banyak perkara dan mengenai belian balik saham di bawah seksyen 67A adalah dibuat di

pasaran terbuka di BSKL. Jadi sebuah syarikat bila beli saham menggunakan kewangan syarikat pembelian itu dibuat di BSKL. Oleh itu soal mengenai cukai adalah sama seperti semua transaksi jual beli saham yang dijalankan di BSKL. Mengikut peraturan sekarang cukai setem dan beberapa bayaran dan fee lain yang dikenakan oleh BSKL perlu dibayar. Selain dari itu tidak ada lain-lain cukai yang perlu dibayar untuk belian balik saham.

Mengenai syer perbendaharaan, apakah maksudnya. Di bawah pindaan kita membenarkan syarikat-syarikat menggunakan kewangan syarikat dan membeli saham syarikat dan saham ini oleh kerana menggunakan kewangan syarikat dinamakan syer perbendaharaan atau treasury stock dan adalah saham yang telah dibeli balik oleh sebuah syarikat dan menjadi aset syarikat. Jadi oleh kerana menjadi aset syarikat ianya dinamakan sebagai syer perbendaharaan. Dan syer ini boleh disimpan oleh syarikat sebagai sebahagian daripada aset di dalam khazanah syarikat dan treasury stock syarikat itu seperti di dalam pindaan boleh dibatalkan kalau difikirkan wajar oleh syarikat atau dijual balik dalam pasaran apabila harganya pulih ataupun diberi sebagai dividen kepada pemegang-pemegang saham syarikat tersebut.

Jadi konsep ini bukan baru, bukan negara Malaysia sahaja yang menguatkuasakan. Sebenarnya konsep ini telahpun dilaksanakan di kebanyakan negara-negara membangun dan juga di England, Amerika, Australia dan sebagainya. Dan pindaan yang kita lakukan mengenai seksyen ini adalah yang luar biasa sikit cuma dari segi boleh simpan, boleh batal, boleh jual balik, jadi tiga pilihan kita beri. Kalau di United Kingdom cuma boleh beli dan batalkan dari rekod saham, di Amerika boleh beli dan boleh jual balik, tetapi kita ada tiga pilihan, ikut apakah pilihan yang dibuat oleh syarikat tertentu. Tetapi yang penting ialah Lembaga Pengarah Syarikat perlu buat dari segi kepentingan syarikatnya dan bukan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia juga telah membangkitkan mengenai pindaan baru iaitu seksyen 68A mengenai sebuah syarikat

yang mengeluarkan opsi kepada orang awam untuk menyimpan dan mengemas kini daftar pemegang opsi 'option holder'. Syarikat yang gagal berbuat demikian akan didenda RM100 ribu. ROC akan membuat pemeriksaan yang berterusan ke atas perkara ini agar ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Tentang insentif yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat kepada pekerja, Akta Syarikat sememangnya menyediakan peruntukan untuk membolehkan syarikat memberi insentif kepada pekerja-pekerjanya dalam bentuk employees share option scheme (ESOS). Ini bukan di bawah pindaan ia sudah ada di Akta ibu di bawah seksyen 37. Namun demikian terpujanglah kepada sesebuah syarikat untuk melaksanakannya berdasarkan kedudukan kewangan syarikat tersebut dan juga untuk menggalakkan produktiviti dan sebagainya.

Lembaga Pengarah - kriteria yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ahli-ahli Lembaga Pengarah, suka saya jelaskan bahawa selain daripada peruntukan yang terdapat dalam Akta Syarikat sekarang ini, pihak kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan kriteria-kriteria tambahan mengenai perlantikan pengarah syarikat melalui undang-undang. Namun demikian kriteria-kriteria boleh diwujudkan melalui Kod Etika Pengarah - sudah ada Kod Etika Pengarah yang telah dikeluarkan oleh ROC dengan kerjasama oleh badan-badan profesional dalam negara. Dan melalui latihan-latihan yang akan dianjurkan oleh Malaysian Institute of Cooperate Governance yang saya telah sebut tadi untuk mempertingkatkan keupayaan pengarah-pengarah di dalam menguruskan syarikat mereka.

Bagi Lembaga Pengarah syarikat awam, masing-masing ada beberapa profesional yang memberi nasihat terhadap pengarah-pengarah. Oleh kerana syarikat-syarikat ini bukan syarikat kecil, mereka mempunyai aset yang besar, urusan yang besar maka ada banyak profesional yang boleh juga memberi nasihat kepada pengarah-pengarah yang belum atau tidak mencukupi pengalaman atau kekurangan dari segi pengetahuan dan juga pengurusan syarikat itu.

Yang Berhormat Puan Kamalia juga telah meminta penjelasan tentang masa yang dipendekkan daripada 14 hari kepada 7 hari. Sekarang ini penzahiran atau disclosure bagi seseorang substantial share holder hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari, sekarang yang sedia ada. Tempoh ini dipendekkan kepada 7 hari sebab untuk membolehkan pihak kerajaan melalui ROC mengetahui dengan lebih cepat mengenai pegangan saham sesebuah syarikat. Dari sini ROC akan cepat dapat tahu sama ada pegangan saham syarikat dibuat melalui nominee atau terus dipegang oleh tuan punya sebenar saham itu 'beneficiary owner'. Pindaan ini buat kerana kita tidak mahu urusan niaga dalam pasaran saham oleh pihak-pihak yang tidak legal 'illegal transaction' seperti yang dikatakan oleh CLOB dan lain-lain. Kita mahu menahan dan kita mahu mengetahui siapa yang menjalankan pembelian dan penjualan dalam pasaran saham. Jadi kalau maklumat ini dapat diperolehi dengan cepat, kita dapat monitor keadaan itu dengan cepat. Itulah maksudnya untuk mengurangkan penzahiran dilakukan dalam tempoh 7 hari.

Mengenai khidmat kaunseling kepada syarikat yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator juga, sejak awal tahun ini iaitu 1998, ROC telah pun menubuhkan satu pasukan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanannya untuk memberi khidmat nasihat kaunseling kepada syarikat-syarikat yang menghadapi masalah akibat kegawatan ekonomi baru-baru ini. Ini adalah usaha ROC dan kementerian untuk memberi satu khidmat mengikut keadaan semasa mengenai kegawatan. Beberapa kenyataan akhbar mengenainya telah pun dibuat oleh ROC dan ianya akan diteruskan oleh ROC. Syarikat yang memerlukan khidmat boleh menghubungi pejabat ROC untuk mendapatkan khidmat nasihat dan lain-lain dari segi kaunseling.

Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya ROC memajukan satu pendekatan supaya syarikat-syarikat memberi gambaran sebenar dan formula baru bagi auditor untuk memberi gambaran sebenar mengenai profit dan sebagainya. Gambaran sebenar kedudukan sesebuah syarikat adalah bergantung kepada akaun-

akaunnya. Baru-baru ini ROC telah melancarkan Ops Akaun dan Juruaudit untuk memastikan akaun disediakan dengan betul dan sah. Ianya juga bertujuan untuk memastikan juruaudit melaksanakan tugasnya dengan amanah dan profesional supaya keyakinan pelabur dapat dipertingkatkan. Sehingga kini kita puas hati tentang keberkesannya dan kita akan meneruskan usaha itu pada masa hadapan.

Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong telah membangkitkan mengenai pindaan ini khususnya dari segi denda yang dinaikkan daripada RM50 ribu hingga RM1 juta. Suka saya menjelaskan kepada ahli Yang Berhormat, pindaan ini hanyalah untuk menyelaraskan denda ini dengan denda yang sedia ada dalam undang-undang sekuriti. Kita buat pindaan yang sama bagi 5 rang undang-undang ini untuk memulihkan dan memperbetulkan industri sekuriti, pasaran saham dan memulihkan ekonomi. Kalau satu undang-undang ada denda yang lain tidak seragam dan akan bercanggah, maka contohnya denda dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan (futures trading) yang baru diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sebelum pindaan dalam mesyuarat ini pun adalah lebih RM1 juta. Ada denda dalam undang-undang sekuriti yang sampai RM3 juta. Jadi, inilah keadaan, maka untuk meningkatkan dari RM50 ribu sehingga RM1 juta adalah untuk menyelaraskan hukuman di antara akta-akta yang sedia ada supaya semua akta yang terlibat dalam industri ini adalah sama bagi setiap kesalahan.

Walau bagaimanapun, pengalaman penguatkuasaan menunjukkan bahawa denda yang rendah tidak memadai untuk mengatasi aktiviti yang melanggar peruntukan undang-undang itu. Namun demikian seperti yang dijelaskan oleh Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin pula, mahkamah boleh mengenakan denda yang kurang daripada RM1 juta berdasarkan merit atau mitigating factors dan sebagainya seperti yang dikatakan oleh ahli Yang Berhormat sendiri mungkin kesalahan ini tidak disengajakan dan sebagainya. Ini terpulanglah kepada mahkamah, tetapi untuk menyelaraskan

hukuman yang sama bagi semua undang-undang yang terbabit dengan industri, kita perlu meningkatkan denda.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah membangkitkan mengenai syarikat yang didaftarkan dengan ROC tidak beroperasi dicadangkan supaya dibatalkan secara automatik. Proses pembatalan syarikat yang tidak aktif sedang dijalankan oleh ROC secara besar-besaran selama 3 tahun yang lalu. Syarikat yang tidak aktif selama 6 tahun akan diambil tindakan pembatalan oleh ROC sendiri. Syarikat yang tidak aktif kurang dari 6 tahun boleh dibatalkan atas permohonan syarikat itu sendiri. Syaratnya syarikat itu mesti tiada aset dan liabiliti. Proses pembatalan akan mengambil masa dan melibatkan surat tunjuk sebab kepada syarikat dan dua kali pengwartaan dalam Warta Kerajaan. Walau bagaimanapun proses ini akan diteruskan dan kita berharap rakyat dalam perniagaan dan juga sektor korporat akan juga membantu kita dalam proses ini.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin juga telah membangkitkan soalan mengenai dividen yang tidak dituntut oleh pemegang saham. Dividen yang tidak dituntut akan menjadi wang tidak dituntut. Wang ini akan dibayar ke dalam akaun amanah disatukan selepas diwartakan. Jika tidak dituntut selepas 6 tahun, akan dibayar kepada akaun hasil disatukan. Wang itu masih boleh dibayar jika dituntut oleh orang yang berhak kepadanya. Peruntukan ini terkandung dalam Akta Wang Tidak Dituntut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin juga telah membangkitkan mengenai seksyen 107D iaitu apakah remedy yang boleh diberi oleh mahkamah. Seksyen 107D melarang tindakan pembetulan (rectification) terhadap daftar pendeposit di CDS (Central Depository System). Mana-mana pihak yang cuba membuat tuntutan ke atas pihak lain di mana turut sama mempertikaikan daftar pendeposit di CDS, mahkamah hanya boleh memberi ganti rugi jika tuntutannya diluluskan atau diterima oleh mahkamah kepada pihak-pihak berkenaan, tetapi tidak

untuk membuat raktifikasi kepada daftar tersebut. Ini adalah bertujuan untuk menjamin urusanniaga saham di BSKL melalui CDS dapat berjalan dengan licin tanpa sebarang gangguan. Maka inilah mahkamah berhak untuk memberi ganti rugi kepada pihak yang mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir yang saya ingin jelaskan ialah dari Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar yang telah juga membangkitkan mengenai pengarah-pengarah, eksekutif yang menjalankan urusan untuk kepentingan diri dan sebagainya, saya telah pun menjelaskan apakah peranan ROC untuk meningkatkan taraf dan juga standard governance pengarah-pengarah yang akan dilakukan, selain dari itu setakat ini memang terdapat peruntukan undang-undang di bawah Akta Syarikat sama ada melalui pindaan ini ataupun peruntukan yang sedia ada di Akta ibu dan juga dalam akta-akta lain termasuk Kanun Keseksaan yang mengawal tindakan pengarah-pengarah syarikat daripada menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan mereka. Tindakan penguatkuasaan sentiasa dibuat oleh ROC, SC dan KLSE dan pihak polis di dalam mengawasi kedudukan tersebut dan setakat ini banyak kes telah pun dibawa ke mahkamah seperti dimaklumkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat jika tidak dapat dijawab pun adalah perkara-perkara yang telah dicatit dan kita akan meneliti perkara-perkara itu dan memberi perhatian yang sewajarnya. Dengan itu sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan dalam Rang Undang-undang itu. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 15 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga satu tarikh yang ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.45 petang

